

Bil. 61

**Rabu
13 Disember 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 17)
RANG UNDANG-UNDANG	
Rang Undang-undang Perbekalan 1996	
<u>Jawatankuasa:</u>	
<u>Jadual –</u>	
Maksud B.51	(Ruangan 18)
Maksud B.52	(Ruangan 31)
Maksud B.53	(Ruangan 53)
Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1995	(Ruangan 71)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 1996	
<u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.51	(Ruangan 18)
Maksud P.52	(Ruangan 31)
Maksud P.53	(Ruangan 53)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 48)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL. P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K. (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).

Yang Berhormat TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).

- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).

- Yang Berhormat DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).

Yang Berhormat DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).

- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Hajah Kalsom binti Ghazali. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
--------------------	--

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 13hb Disember, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANHOSPITAL DAERAH BUKIT
MERTAJAM—PERKHIDMATAN
DOKTOR PERUNDING

1. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementeriannya supaya dapat menggunakan kemudahan yang didapati di Hospital Daerah Bukit Mertajam dengan berkesannya, contohnya 'Operation Theatre' yang canggih, ICU (Intensive Care Unit), Pusat Dialisis, makmal darah dan wad-wad yang sedia ada. Adakah kementeriannya bercadang meneruskan dengan perkhidmatan doktor-doktor perubatan perunding di hospital ini untuk faedah pesakit-pesakit.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan penggunaan kemudahan di Hospital Bukit Mertajam. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- (a) menjalankan pembedahan elektif di Hospital Bukit Mertajam (termasuk kes-kes dari Hospital Seberang Jaya);

- (b) mengadakan perkhidmatan pakar dengan lawatan pakar dari Hospital Seberang Jaya secara berkala;

- (c) mengamalkan konsep Hospital Satelit di mana Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam akan bekerjasama untuk menggunakan kemudahan dan tenaga anggota kedua-dua hospital dengan optima. Sebagai contoh, sekiranya Dewan Bedah Hospital Seberang Jaya sesak, pembedahan boleh dilakukan di Hospital Bukit Mertajam. Begitu juga dengan keadaan di wad, di mana pesakit yang tinggal berdekatan Bukit Mertajam dipindahkan ke Hospital Bukit Mertajam. Perkhidmatan pakar yang berterusan boleh dilakukan dengan lawatan pakar Hospital Seberang Jaya ke Hospital Bukit Mertajam secara 'regular'; dan

- (d) meningkatkan lagi kemudahan di Hospital Bukit Mertajam agar ia dapat berfungsi dengan berkesan di bawah konsep Hospital Satelit. Sebagai contoh, peruntukan akan diberikan kepada Hospital Bukit Mertajam bagi pembelian alat-alatan wad 'High-Dependency'. Unit Haemodialisis juga akan ditambah bilangan mesin supaya ia dapat memberi perkhidmatan kepada lebih ramai pesakit.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian Kesihatan akan memberikan peruntukan tambahan lagi untuk menambahkan wad-wad pesakit di Hospital Bukit Mertajam dalam tempoh 3, 4 tahun yang akan datang?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti

yang saya katakan bahawa Hospital Bukit Mertajam berfungsi mengikut konsep satelit dengan adanya Hospital Seberang Jaya. Oleh itu, tidak mungkin timbul sebarang kekurangan kalau penggunaan tenaga dan kemudahan alat ini dapat dikongsi bersama memandangkan jauhnya adalah 10 kilometer antara satu dengan yang lain. Namun demikian, setiap permohonan akan diberi pertimbangan berasaskan kepada kajian keperluan dan juga berasaskan kepada peningkatan kepadatan penduduk.

FELDA—PENEMPATAN PENEROKA SECARA SISTEM BLOK

2. **Tuan Haji Mustafa bin Muda** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah FELDA akan meneruskan penempatan peneroka secara sistem blok seperti yang diamalkan sekarang atau dengan cara sistem perladangan:

- (a) sistem blok yang diamalkan sekarang di semua rancangan Felda dihapuskan dan ditukar dalam bentuk perladangan;
- (b) adakah FELDA mencadangkan kesemua wang simpanan yang dipotong dari tanaman semula dan lain-lain potongan yang dilaburkan dan keuntungan dari wang simpanan yang dilaburkan itu diagihkan kepada peneroka dalam bentuk saham; dan
- (c) sistem perladangan yang diwujudkan kepada rancangan-rancangan baru, adakah hasil pendapatan diberi kepada peneroka-peneroka diberi dalam saham selain pendapatan bulanan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mulai Oktober 1988 FELDA tidak lagi mengamalkan sistem blok. Ini berikutan dengan keputusan kerajaan supaya semua rancangan yang ditempatkan dengan peneroka diuruskan secara sistem hak milik individu. Ini bermakna, manamana rancangan yang sebelumnya mengamalkan sistem blok, iaitu hak milik kumpulan dan sistem saham dimansuhkan.

Mulai 1hb Januari 1990 pula, kerajaan telah memutuskan bahawa semua rancangan yang belum ditempatkan peneroka diuruskan secara sistem perladangan oleh syarikat milik FELDA. Rancangan yang telah ditempatkan peneroka bagaimanapun masih kekal diuruskan secara sistem hak milik individu.

- (b) Potongan pendapatan ke atas peneroka seperti akaun tanam semula dan akaun pemulihan ladang dan perumahan peneroka bertujuan untuk digunakan dengan kegunaan-kegunaan yang berkaitan dengan tujuan potongan berkenaan. Contohnya, akaun tanam semula digunakan bagi menampung perbelanjaan tanam semula kebun peneroka apabila tiba masanya untuk ditanam semula. Oleh itu, bagi menghasilkan pulangan, kutipan potongan ini dilaburkan dalam perbadanan-perbadanan FELDA atau lain-lain institusi kewangan. Walau bagaimanapun, keuntungan daripada pelaburan tidak diagihkan dalam bentuk saham kepada peneroka kerana ini akan

menjejaskan dan memberi kesan kepada jumlah perbelanjaan yang diperlukan apabila penggunaannya dilaksanakan, seperti kegunaan bagi kerja-kerja tanam semula.

- (c) Di bawah sistem perladangan, penempatan adalah secara sistem pekerja dan bukannya peneroka. Mengikut sistem in, pekerja dibayar upah dan lain-lain bayaran berasaskan kadar Malaysian Agricultural Producers Association (MAPA) dan juga National Union of Plantation Workers (NUPW). Selain dari itu, sekiranya ladang memperoleh keuntungan, pekerja juga akan diberi sebahagian daripada keuntungan ladang berasaskan pembahagian keuntungan 5 ekar kawasan ladang di mana pekerja itu bertugas.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah kementerian memberikan peruntukan yang khas kepada JKRR di sesebuah rancangan itu? Jika ada, apakah bentuk sumbangan-sumbangan yang boleh dipulangkan balik kepada peneroka untuk memberikan bantuan-bantuan pembangunan infrastruktur di dalam kawasan FELDA? Kalau tidak, adakah kementerian bercadang untuk memberikan peruntukan khas supaya JKRR ini akan dapat sedikit sebanyak membantu pembaikan-pembaikan yang diperlukan oleh masyarakat peneroka?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak ada mempunyai peruntukan khas bagi JKRR atau sesebuah JKRR. Tetapi FELDA akan sentiasa memberi pertolongan dan bantuan dan peruntukan ini adalah berasaskan kepada keperluan orang ramai (masyarakat)

ataupun keperluan JKRR dan kemampuan FELDA sendiri.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, antara pendapatan peneroka-peneroka Felda ialah hasil dari penebangan kayu, umpamanya kayu getah sebagai hasil yang lumayan pada hari ini. FELDA di tempat saya telah diberitahu hasil dari penebangan ini diberi satu per tiga ataupun kalau tidak salah saya, satu per dua. Mereka masih menuntut supaya semua hasil tebangan kayu itu diberi kepada mereka kerana mengikut undang-undang hak milik tanah itu adalah nama masing-masing 'per se'.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau itulah cadangan Yang Berhormat, sebenarnya pemotongan dilakukan berasaskan kepada kos. Tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat merasakan perlu dikaji semula, kementerian boleh mengkaji semula keadaan itu.

INDUSTRI PELANCONGAN— PENCEMARAN ALAM SEKITAR

3. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) di samping mengakui bahawa kemajuan pesat industri pelancongan sekarang ini bukan sahaja menguntungkan rakyat, bahkan juga membantu membangunkan negara; persoalannya adalah kementerian sedar adanya kesen negatif yang paling ketara tentang pencemaran dilakukan oleh setengah pelancong membuang sampah mengikut kehendak hati di pantai-pantai, laut, dan hutan rekreasi sehingga mengotorkan alam sekitar;

- (b) apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah seperti tersebut di atas; dan
- (c) sejauh manakah usaha-usaha untuk melibatkan semua pihak yang ada kepentingan seperti Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC), Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), dan lain-lain syarikat pelancongan swasta menggembeling tenaga secara bersepadu untuk menjadikan negara kita sebagai salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di dunia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua,

(a&b) Kerajaan sedar bahawa masalah pencemaran seperti pembuangan sampah di tempat-tempat pelancongan sememangnya ada, tetapi tidaklah secara berleluasa. Ianya dilakukan oleh semua pihak, sama ada pelancong asing, pelancong dalam negeri dan juga penduduk tempatan. Tindakan-tindakan yang telah dan sedang dijalankan secara berterusan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut. Antaranya ialah meningkatkan kekerapan tindakan penguatkuasaan oleh pihak-pihak pihak berkuasa tempatan. Kempen kebersihan bagi menanamkan sikap kesedaran dan perasaan cintakan kebersihan dan keindahan di kalangan orang ramai, khasnya penduduk tempatan sendiri. Kementerian ini juga telah membantu untuk membekalkan peralatan-peralatan pembersihan, seperti 'sea weeches dan beach home bird,' dengan izin, kepada pihak berkuasa tempatan supaya

dapat menjalankan kerja-kerja pembersihan secara berkesan.

- (c) Usaha untuk menjadikan negara ini sebagai salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di dunia adalah tugas bersama kementerian, Penerbangan Malaysia (MAS), dan lain-lain syarikat pelancongan swasta. Kementerian memainkan peranan sebagai badan penggerak utama mengatur, mengelolakan dan mengadakan projek-projek dan aktiviti-aktiviti bersama secara menyeluruh sama ada di dalam atau di luar negeri melalui agensinya, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Syarikat-syarikat Pelancongan swasta dan Penerbangan Malaysia menyediakan peluang untuk menjalankan promosi produk serta daya tarikan masing-masing bagi menarik pelancong-pelancong berminat melawat Malaysia. Ini terbukti melalui misi-misi galakan pelancong serta promosi bersama di dalam dan di luar negara, di mana pihak swasta dijemput untuk turut mengambil bahagian. Melalui LPPM, program-program hospitaliti dan suaikenal sedang giat dilaksanakan, di mana sejumlah besar wakil-wakil agen ataupun pengusaha pelancongan dan wartawan pelancongan luar negeri dijemput membuat liputan dan mengenali Malaysia dengan lebih dekat sebagai destinasi pelancongan. Dalam hal ini, Penerbangan Malaysia dan pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan turut melibatkan diri bagi memastikan kejayaan program tersebut. Dari segi penyebaran maklumat, risalah-risalah pelancongan terbitan LPPM dalam berbagai

bahasa juga telah diagihkan melalui pejabat-pejabatnya di dalam dan luar negeri. Di pasaran-pasaran di mana LPPM tidak mempunyai pejabat, risalah-risalah pelancongan tersebut disebarkan melalui pejabat-pejabat Penerbangan Malaysia di samping Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri. Pihak kementerian juga turut bekerjasama dengan agensi-agensia swasta khususnya Malaysia Association Tour & Travel Agency, Persatuan Hotel Malaysia dan Penerbangan Malaysia bagi mewujudkan pakej-pakej pelancongan untuk acara-acara sukan dan acara khas yang dikenal pasti.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, ada menyebut peranan dan tindakan untuk menjaga kebersihan di pusat-pusat pelancongan. Kebersihan sebenarnya adalah imej kita. Jadi, setakat manakah keberkesanan daripada peranan dan tindakan sepertimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebut tadi bagi menjamin bahawa pelancong akan terus mengunjung Malaysia. Dan di samping itu, dalam kempen untuk mendapat pelancong datang ke Malaysia, apakah pendekatan yang berkesan, sama ada melawat Malaysia ataupun melawat tempat-tempat tertentu seperti melawat Langkawi ataupun kunjungan ke Pulau Tioman dan sebagainya?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menyedari bahawa pencemaran ataupun pembuangan sampah-sampah dilakukan di tempat-tempat pelancongan, secara menyeluruh ataupun keseluruhannya bahawa ini tidak ada kesan negatif yang menimbulkan pelancong tidak mahu datang ke situ.

Tetapi memanglah dasar kita untuk menyediakan tempat-tempat pelancongan yang bersih. Oleh yang demikian, kerajaan sepertimana dalam jawapan asal tadi telah menjalankan tindakan-tindakan yang disebutkan tadi agar kebersihan itu dapat dipertingkatkan lagi, dan menjadikan kesedaran orang ramai bahawa menjaga kebersihan diri, kebersihan tempat sekeliling adalah menjadi budaya kita.

Bersabit dengan masalah sama ada kita menekan sesuatu ataupun membuat sebaran yang specific untuk memikat pelancong-pelancong datang ke seluruh Malaysia ataupun menekankan mana-mana satu pihak tertentu, jawabnya tidak ada dasar yang khusus ataupun tidak ada dasar yang specific, dengan izin. Dahulunya kita memilih, tahun 1994 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Kita memberi penerangan-penerangan agar pelancong-pelancong datang untuk melawat seluruh Malaysia.

Kesannya peningkatan pelancongan datang ke negara kita pada masa itu mendadak naiknya. Walau bagaimanapun, dalam kajian kementerian ada juga strategi yang menekankan ataupun pandangan-pandangan yang menekankan bahawa kalau kita tekankan sesuatu tempat di Malaysia ini untuk perhatian pelancong-pelancong luar negeri mungkin juga dapat memikat ataupun menarik minat mereka. Oleh yang demikian, bagi tahun ini kita menekankan lapan destinasi di Malaysia ini disebarkan ke luar negara. Ini termasuklah Langkawi, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Melaka, Sabah dan Sarawak dan beberapa daerah lagi di Semenanjung ini.

Daripada perangkaan yang kita dapat kalau tidak ada perubahan, setakat September tahun ini, peningkatan kedatangan pelancong ke negara kita adalah 10% berbanding dengan tahun

1994. Jadi, tidak ada satu pendekatan yang khusus yang boleh dikatakan lebih berkesan. Kedua-duanya berkesan. Cuma cara kita sahaja mungkin kita ubah dari semasa ke semasa.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenjak penguatkuasaan peraturan pembuangan sampah di tempat-tempat tumpuan pelancong, saya ingin tahu adakah tangkapan-tangkapan ataupun denda dikenakan kepada pelancong-pelancong asing ataupun dalam negeri. Kalau ada, berapa jumlah dan pelancong-pelancong dari mana yang banyak membuat rekod yang tidak baik?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana saya tidak ada perangkaan yang tepat di sini. Walau bagaimanapun, bagi makluman kita bersama bahawa penguatkuasaan ini terletak kepada kerajaan tempatan. Kementerian tidak diberi kuasa untuk melaksanakan tugas yang demikian.

LEMBAGA KOKO MALAYSIA— CADANGAN MEMINDAH PUSAT KAJIAN KE TAWAU

4. Puan Chua Soon Bui minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah kementerian bercadang memindah pusat kajian koko Lembaga Koko Malaysia yang kini ditempatkan di Semenanjung Malaysia ke kawasan Tawau memandangkan Tawau adalah pusat penanaman koko di Malaysia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Ibu Pejabat Lembaga Koko Malaysia (LKM) letaknya di Kota Kinabalu, Sabah. Di sinilah pusat kegiatan LKM. LKM melaksanakan dua kategori penyelidikan iaitu:

(a) Penyelidikan biologi dalam usaha untuk meningkatkan daya pengeluaran.

(b) Penyelidikan pemprosesan dan pembuatan bagi menyokong pembangunan perusahaan pembuatan produk-produk yang berasaskan koko.

Sebagai sebahagian dari rancangan pembangunannya, pihak LKM telah memutuskan untuk mendirikan stesen penyelidikan utama koko bagi penyelidikan biologi di Sabah. Lembaga telah pun mengenalpasti satu kawasan di Madai, Baturong, di Kunak seluas 1,000 hektar untuk dijadikan stesen penyelidikan utama ini.

Stesen ini akan menumpukan perhatian terhadap penyelidikan yang meliputi pembaikbakaan untuk meningkatkan daya pengeluaran koko, agronomi dan kawalan makhluk perusak. Kawasan stesen ini terletak berdekatan dengan kawasan koko di Tawau dan teknologi yang dihasilkan di pusat ini akan memberi manfaat kepada penanam-penanam koko di sekitar kawasan itu dan seluruh negara.

Bagi penyelidikan pemprosesan dan pembuatan, makmal utama bagi aktiviti ini sedang dibina di Bandar Baru Bangi, Selangor. Makmal ini diwujudkan untuk menyokong pembangunan pesat pembuatan produk-produk berasaskan koko di kawasan perindustrian di Lembah Kelang, Johor dan Pulau Pinang. Makmal ini dijangka siap pada penghujung tahun 1996. Sebuah makmal cawangan untuk memberi perkhidmatan sokongan terhadap pembangunan kegiatan hiliran di Sabah telah pun diwujudkan di Taman Perindustrian Inanam, Kota Kinabalu.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan di akhir-akhir ini harga koko telah jatuh, ini adalah disebabkan oleh beberapa masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam koko

khususnya di sekitar Tawau. Melalui kajian biologi Lembaga Koko Malaysia ini, saya ingin tahu, apakah usaha kementerian dalam usahanya bagi mengatasi masalah sejenis penyakit "pod boarer" yang menyerang buah-buah koko di sekitar Tawau pada hari ini dan usaha kerajaan untuk mengekalkan harga koko ini terus berada di tahap yang menguntungkan.

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, memang diakui pada tahun-tahun kebelakangan, harga koko telah jatuh, tetapi untuk makluman Yang Berhormat, harga koko telah mula meningkat naik, misalnya purata harga koko pada tahun 1994 ialah RM2,916.29 dan purata harga pada tahun 1995 telah meningkat kepada RM3,000. Walau bagaimanapun, LKM sedang menjalankan kajian untuk menstabilkan harga-harga koko di negara ini dan di antara langkah-langkah ialah seperti menggalakkan penggunaan klon dan amalan cultural yang lebih baik, menggalakkan penanaman koko hanya di kawasan yang mempunyai keadaan tanah dan iklim yang sesuai, penggunaan teknologi-teknologi yang boleh mengurangkan kos pengeluaran dan mempertingkatkan penyelidikan dalam bidang pembaikbakaan, agronomi dan kawalan makhluk perosak termasuk penyakit di Tawau Yang Berhormat menyatakan tadi.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang difahamkan bahawa Tawau menjadi pusat penanaman koko di Malaysia. Ini mungkin disebabkan oleh tanah dan cuacanya yang begitu baik untuk tanaman koko. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji tanah dan cuaca di negeri-negeri lain supaya dapat digalakkan penanaman koko memandangkan bahawa harga koko begitu tinggi dan akan memberi manfaat kepada peladang-peladang lain?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, memang benar kerana hasil dari kajian menunjukkan bahawa tanaman koko adalah dipengaruhi oleh lokasi dan keadaan cuaca. Walau bagaimanapun, pihak LKM sedang juga menjalankan penyelidikan untuk menentukan sama ada di negeri-negeri lain selain daripada Sabah dapat meningkatkan penanaman koko pada masa akan datang.

SYARIKAT BAS BERHENTI- HENTI/BAS MINI— GABUNGAN

5. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan cadangan syarikat-syarikat bas dan bas mini bergabung dalam sebuah syarikat yang lebih besar dan adakah ini dapat membantu menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dan kerenah yang dilakukan oleh pemandu-pemandu bas mini. Apakah faedah yang diterima oleh para pengguna hasil percantuman ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh): Tuan Yang di-Pertua rancangan menggabungkan lapan buah bas berhenti-henti kepada dua konsortium sedang dilaksanakan dengan lancar di Kuala Lumpur dan persekitarannya. Dua konsortium berkenaan adalah terdiri daripada Syarikat Park May Berhad dan Diversified Resources Berhad (DRB). Park May Berhad melalui anak syarikatnya City Liner Sdn. Bhd. telah pun mengambil alih seratus-peratus Syarikat Kuala Lumpur-Kelang Omni Bus Berhad dan Len Chew Omni Bus Berhad. Syarikat ini juga telah mengambil alih laluan-laluan bas bandar yang jaraknya 15 km daripada pusat bandar Kuala Lumpur daripada Len Omnibus Berhad, Selangor Omni bus Berhad dan Foh Hup Omni bus

Berhad. Diversified Resources Berhad pula melalui anak syarikatnya Intra Kota Komposit Sdn. Bhd. telah mengambil alih seratus peratus Syarikat Sri Jaya Sdn. Bhd. dan 55% Syarikat Tong Fong Omni bus Berhad. Hanya sebuah sahaja syarikat iaitu Len Seng Omni bus Berhad yang masih belum menyertai salah satu daripada dua konsortium ini.

Sehingga 16hb Oktober 1995, City Liner Sdn. Bhd. telah pun menyediakan 59 buah bas di 12 laluan. Syarikat ini akan menambahkan sebanyak 237 lagi bas menjadikan 294 semuanya pada 31hb Disember 1995, manakala Intra Kota Komposit Sdn. Bhd. pula telah mengadakan 18 buah bas di 3 laluan dan sehingga 31hb Disember 1995, akan menambah 12 buah lagi menjadikan semuanya 30 buah bas.

Kedua-dua konsortium ini telah membekalkan bas baru di semua laluan, akan mengkaji semula laluan mereka untuk menambah dan menyusun semula laluan sedia ada atau mewujudkan laluan baru bagi membekalkan perkhidmatan di kawasan baru yang masih belum ada perkhidmatan. Di samping itu mereka juga akan mengkaji kemungkinan untuk mewujudkan perkhidmatan melintasi bandar Kuala Lumpur.

Rancangan menggabungkan bas-bas mini pula, dilaksanakan oleh sebuah lagi anak syarikat DRB iaitu Intra Kota Consolidated Sdn. Bhd. Setakat ini, syarikat ini telah pun mengadakan 145 buah bas di 16 laluan bas mini. Pengusaha-pengusaha bas mini yang sedia ada diberi peluang untuk menyertai syarikat ini melalui pembelian saham 8 juta saham biasa bernilai RM1 sesaham oleh Intra Kota Consolidated Sdn. Bhd. Tawaran saham dibuat pada 2hb September 1995 dan ditutup pada 30hb Oktober 1995.

Mengikut perancangan syarikat ini pada bulan Mac 1997 sebanyak 796 bas baru akan memberi perkhidmatan di kesemua 57 laluan. Dan dengan ini berhentilah perkhidmatan bas mini di Kuala Lumpur. Dengan terhentinya perkhidmatan bas mini di Kuala Lumpur dan sekitarnya, maka kementerian ini percaya kareh yang dilakukan oleh pemandu bas mini akan dengan sendirinya terhenti. Bas-bas yang digunakan oleh Intra Kota Komposit Sdn. Bhd dan Intra Kota Consolidated Sdn. Bhd. mempunyai ciri-ciri bas bandar iaitu jenis lantai yang rendah, pintu yang besar, berhawa dingin dan menggunakan mesin tiket automatik. Bas-bas ini akan memberi keselesaan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna.

Berdasarkan kepada perancangan di atas, kementerian ini berkeyakinan penuh bahawa kedua-dua konsortium tersebut akan dapat memberi perkhidmatan bas yang bermutu, selamat dan cekap kepada pengguna-penggunanya. Pengurusan perkhidmatan bas yang baik dan cekap akan menggalakkan tuan punya kenderaan persendirian menggunakan bas untuk perjalanan ke tempat kerja dan membeli belah.

Dengan itu, ianya adalah salah satu unsur yang boleh membantu mengurangkan kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur dan sekitarnya.

Rancangan mengurangkan kesesakan Kuala Lumpur dan sekitarnya meliputi unsur-unsur lain seperti mewujudkan jalan bas (bus lane), penggunaan sistem aliran ringan (LRT), dasar meletak kereta dan lain-lain lagi yang sedang dilaksanakan oleh beberapa kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Salah satu daripada sebab yang mendatangkan driver bus mini berlumba-lumba dan menjalankan bas dengan laju ialah oleh kerana komisyen yang diberi kepada pemandu. Jadi, kalau komisyen ini tidak dikaji semula, walaupun company mana yang mengoperatekan bas di Kuala Lumpur, kelajuan dan berlumba-lumba ini akan berlaku semula. Jadi, macam mana tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, masalah cara pembayaran gaji ini juga telah diambil kira oleh kedua-dua konsortium yang telah disebutkan tadi oleh Park May dan juga oleh DRB supaya masalah yang dikatakan tadi tidak akan berulang lagi.

Tuan Haji Mohammad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sejak munculnya Intra Kota, kita boleh lihat bahawa pemandu-pemandu Intra Kota agak sedikit berdisiplin dibandingkan dengan bas mini. Kita juga mendapat khabar iaitu pemandu-pemandu Intra Kota diberi kursus motivasi terlebih dahulu sebelum mereka dibenarkan membawa bas di dalam Kuala Lumpur ini. Apakah kerajaan bercadang supaya semua pemandu dalam konsortium tadi melalui latihan kursus dahulu sebelum mereka dibenarkan membawa bas, selepas mendapat lesen memandu dan mengikuti kursus motivasi sebelum mereka membawa bas-bas di Lembah Kelang ini.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya begitulah yang telah dipraktikkan oleh Intra Kota, semua pemandu-pemandunya diwajibkan dahulu untuk mengikuti latihan dan kursus motivasi dan kita harapkan ia akan di pertingkatkan dari masa ke semasa. Terima kasih, Yang Berhormat.

JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI—MENAIKKAN TARAF HIDUP

6. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) strategi, pendekatan dan program-program Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) untuk membawa masyarakat Orang Asli ke arus pembangunan negara dan menaikkan taraf hidup mereka; dan
- (b) apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh JHEOA dalam usaha tersebut.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah merangka strategi dan program ke arah membawa masyarakat Orang Asli dalam arus pembangunan negara dan menaikkan taraf sosio ekonomi mereka. Bagi mencapai objektif di atas, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah merangka 10 strategi seperti berikut:
 - (i) meningkatkan sistem makluman dan penerangan ke arah memmodernkan sistem dan nilai hidup masyarakat Orang Asli;
 - (ii) mewujudkan masyarakat Orang Asli yang sihat dan cergas untuk kehidupan yang lebih produktif terutama melalui pormosi dan pencegahan penyakit;
 - (iii) mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli;

- (iv) melahirkan golongan belia Orang Asli yang terlatih dan berdaya maju;
- (v) meningkatkan jumlah penyertaan masyarakat Orang Asli di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dan lain-lain rancangan kerajaan untuk meninggikan taraf hidup mereka;
- (vi) menggalakkan pengwujudan pusat-pusat pertumbuhan melalui penyusunan semula kampung-kampung tradisi dan penempatan Orang Asli;
- (vii) menggalakkan pertumbuhan institusi ke arah keupayaan diri dalam masyarakat Orang Asli;
- (viii) mempertingkatkan dan menyelaras mengenai kegiatan masyarakat Orang Asli di dalam kebudayaan dan kesenian untuk tujuan pembangunan pelancongan dan pengenalan budaya kepada masyarakat lain;
- (ix) mengenal pasti dan menggunakan kaedah persyarikatan atau pen-swastaaan sebagai salah satu cara pembangunan kawasan-kawasan Orang Asli; dan
- (x) mempertingkatkan pengurusan pentadbiran dan pembangunan yang bersepadu dan sejajar dengan pembangunan masyarakat orang Asli melalui kerjasama dengan badan kerajaan dan bukan kerajaan.

Dari segi program-program pembangunan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah merangka program-program bagi mempertingkatkan kedudukan serta pencapaian taraf ekonomi masyarakat Orang Asli dari tahap kemiskinan kepada tahap di atas paras kemiskinan.

Usaha-usaha pembangunan ini meliputi penyediaan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur kepada masyarakat Orang Asli, program-program ini melibatkan program pembangunan ekonomi, program perkhidmatan sosial, program rancangan pembangunan semula.

Pendekatan baru akan diambil oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam melaksanakan program-program pembangunan dengan mengklasifikasikan penempatan Orang Asli kepada tiga kumpulan utama sebagaimana diputuskan dalam bengkel khas penyediaan pakej PPRT masyarakat Orang Asli, iaitu:

- (i) kumpulan Orang Asli yang tinggal di kawasan pinggir kampung, pekan dan bandar;
- (ii) Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman; dan
- (iii) orang Asli yang tinggal di kawasan rancangan pengumpulan semula.

Berdasarkan kepada pengalaman yang telah lepas, jabatan telah sedar bahawa kemajuan kepada masyarakat Orang Asli tidak memadai dengan hanya menekankan aspek pembangunan ekonomi semata-mata. Oleh itu, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah menggariskan tiga teras pembangunan penting di mana pelaksanaannya hendaklah diseiringkan iaitu:

- (i) pembangunan minda;
- (ii) peningkatan pembangunan ekonomi; dan

- (iii) pembangunan masyarakat.
- (b) Beberapa masalah dihadapi oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ke arah membawa masyarakat Orang Asli ke arus pembangunan negara dan menaikkan taraf hidup mereka. Antara masalah utama yang boleh dikaitkan ialah:
- (i) isu mengenai pelupusan tanah secara hak milik bagi memesatkan pembangunan Orang Asli;
 - (ii) isu mengenai infrastruktur kedudukan perkampungan Orang Asli yang jauh di pedalaman menyebabkan kemudahan infrastruktur sukar dilaksanakan kerana melibatkan kos yang tinggi;
 - (iii) isu mengenai pendidikan. Isu ini berkait rapat dengan penerimaan dan sikap Orang Asli terhadap peri pentingnya pendidikan;
 - (iv) isu mengenai perubahan sikap dan minda Orang Asli untuk menerima perubahan; dan
 - (v) isu mengenai penglibatan lain-lain agensi kerajaan ke arah pembangunan masyarakat Orang Asli.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan yang di-Pertua, adakah kerajaan sedar bahawa satu masalah pokok Orang Asli ialah hak tanah komunal mereka tidak diiktiraf dan apabila mereka menjadi mangsa pembangunan, mereka tidak boleh menuntut ganti rugi. Adakah kerajaan rela mengadakan satu pendekatan yang revolutionary di mana kerajaan bersama-sama dengan kerajaan-kerajaan negeri rela mengisytiharkan satu dasar baru, dasar tanah untuk mengakui, mengiktiraf

hak-hak tanah komunal Orang-orang Asli supaya mereka boleh dapat keadilan?

Datuk Peter Tinggom, anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, perkara hak milik tanah ini memang kita ketahui iaitu bagi tanah, saya rasa Ahli Yang Berhormat Tanjong pun telah faham iaitu pertamanya, semua negeri di dalam negara Malaysia ini, hak tanah ini ialah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, itu yang pertama.

Yang kedua, adakah Kerajaan Persekutuan memikirkan satu strategi berkenaan dengan perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini, mula-mulanya di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi akhir ini di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, jadi di sinilah bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan bersama-sama dengan kerajaan negeri memang mengambil jalan supaya Orang-orang Asli ini dapat diatur dan dapat diubah mengikut arus pembangunan semua rakyat.

Tetapi perkara ini, memang telah kita fikir, memang tidak dapat diatur dengan cepat tetapi kalau ada bagi pihak kerajaan mengatur satu langkah supaya perkara ini sungguhpun tanah mereka diambil untuk pembangunan, begitu juga tanah-tanah orang lain, jadi oleh kerana itu perkara ini memang sedang difikir dan sedang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya rasa perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu memang sedang difikirkan supaya perkara ini dapat diaturkan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

kerana saya tertarik dengan program memerangi kemiskinan. Setakat ini, setakat manakah kekesanannya usaha mengeluarkan Orang-orang Asli ini daripada belengu kemiskinan ataupun taraf kemiskinan yang sangat daif. Di samping itu juga, saya dapati banyak rancangan pemulihan yang akan membawa Orang Asli ini kepada arus pembangunan perdana. Jadi, setakat manakah kesegeraannya program ini akan dapat dilaksanakan agar Orang-orang Asli ini

dapat apa yang dicita-citakan oleh kerajaan menjadi kenyataan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, memang banyak usaha-usaha yang telah dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli berkenaan dengan Orang-orang Asli. Seperti contohnya ialah Data Maklumat Rancangan Pengumpulan Semula. Saya boleh sebutkan, sungguhpun panjang sedikit, tetapi saya ingin memberi contohnya:

RPS (Rancangan Pengumpulan Semula)

Negeri/ Daerah	Luas Kawasan	Suku Bangsa	Jumlah Penduduk	Hasil
Perak	2,529 ekar	Jahai, Temiar	721	Dusun-117 hektar (belum berhasil)
Dala(Perak)	2,225 ekar	Temiar	680	Dusun-50 hektar (sudah berhasil)
RPB (Kemar)	4,147 ekar	Temiar	1,727	Getah-1,278 hektar (sudah berhasil)
Pahang(Petau)	2,835 ekar	Temiar	161	Dusun-Kontan (belum berhasil)
Pahang(Semai)	1,125		1,125	Getah-960 hektar (sudah berhasil)
Kelantan (Kuala Betis)	2,226	Temiar	1,200	Getah-665 hektar (sudah berhasil)

Ini adalah contohnya pembangunan-pembangunan yang dapat dijalankan dan ada lagi belum berhasil. Jadi, perkara ini memang telah dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

SYARIKAT PERNIAGAAN RAKYAT/ASING— KAWALAN/KAUNSELING

7. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) berapakah syarikat yang menjalankan perniagaan memberikan khidmat motivasi dan kaunseling di negara ini;

- (b) berapa syarikat milik rakyat tempatan dan berapa milik luar;
- (c) berapa syarikat yang menawarkan pakej perkhidmatan yang berteraskan ajaran Islam; dan
- (d) apa usaha kerajaan untuk mengawal kadar harga yang begitu tinggi yang dikenakan oleh syarikat-syarikat tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Sehingga 5hb Disember, 1995, jumlah syarikat yang menjalankan perniagaan memberikan khidmat

motivasi dan kaunseling di negara ini ialah sebanyak 90 buah syarikat.

- (b) Daripada 90 buah syarikat tersebut, jumlah syarikat yang dimiliki oleh rakyat tempatan ialah 78 buah syarikat, manakala 12 syarikat lagi dimiliki oleh warganegara asing.
- (c) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak dapat memberikan bilangan syarikat yang menawarkan pakej perkhidmatan yang berteraskan ajaran Islam kerana kementerian hanya mempunyai maklumat mengikut jenis perniagaan atau aktiviti yang dijalankan oleh syarikat sahaja.
- (d) Kerajaan tidak mengawal kadar harga yang dikenakan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Adalah diharapkan syarikat-syarikat ini akan lebih bertanggungjawab apabila menetapkan harga bagi perkhidmatan mereka. Walau bagaimanapun, jika sekiranya syarikat-syarikat ini didapati membuat kenyataan-kenyataan palsu yang mengelirukan mengenai perkhidmatan yang diberikan, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, selalunya amalan syarikat jualan langsung, mereka menjual barang-barang mereka bukan di sudut kualiti tetapi doktrin yang dipasakkan di dalam pemikiran pengguna dan para pengedar itu pula pasakkan pemikiran itu kepada orang yang hendak di jual. Tadi, kerajaan kata tidak ada kawalan harga dan sebagainya. Soalannya ialah apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengawal harga dan juga control supaya mereka tidak menjual barangan palsu misalnya, ubat? Mereka kata ubat ini dimakan oleh angkasawan Neil Armstrong. Buktinya kita tidak tahu-ada atau pun tidak ada.

Jadi, apakah kerajaan tidak mengawal kegiatan-kegiatan seperti ini supaya mereka tidak menjual doktrin tetapi mereka menjual kuantiti ubat atau barangan mereka?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, berhubung dengan perkara ini, sehingga sekarang kementerian belum menerima apa-apa aduan daripada mana-mana pihak termasuk pengguna dalam negara kita.

Kedua, saya telah menjawab bahawa kalau ada kenyataan-kenyataan yang palsu mengenai perkhidmatan yang diberi kita boleh ambil tindakan. Tetapi sehingga sekarang tidak ada maklumat tentang perkara itu dan tidak ada bukti bahawa kenyataan yang dibuat mengenai perkhidmatan tidak mengikut apa yang di "advertise" oleh syarikat-syarikat ini.

Tentang kualiti barang-barang yang dijual oleh mana-mana pihak, kalau terdapat kualiti barangan tidak mengikut apa yang diiklan oleh syarikat-syarikat, kita juga telah dan akan mengambil tindakan.

PROJEK RUMAH KOS RENDAH/ SEDERHANA—LANGKAH MEREALISASIKAN

8. Dr. Lee Chong Meng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk melancarkan cadangan-cadangan baru rumah kos sederhana dengan 3 bilik (medium-cost flats) di luar kawasan Wilayah untuk dijual kepada penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan yang tidak mempunyai rumah atau rumah pangsa sendiri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari akan keperluan rumah kos sederhana dengan tiga bilik bagi

penduduk Wilayah Persekutuan. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh Kerajaan akan mengadakan rancangan membina rumah sedemikian di Wilayah Persekutuan.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentang isu ini, saya telah mengadakan beberapa kali kepada pihak berkuasa untuk merealisasikan misi kita iaitu mengadakan lebih rumah kos rendah atau sederhana di Wilayah Persekutuan seperti di kawasan pinggir Kuala Lumpur dan Selangor. Adakah kementerian telah memulakan dialog di antara DBKL dan Kerajaan Selangor untuk mewujudkan rancangan-rancangan untuk membina lebih banyak rumah di kawasan itu untuk dijual kepada penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada rancangan khas di negeri Selangor di mana kita akan membina rumah kos sederhana ini kepada penduduk di Wilayah Persekutuan tetapi dalam proses perancangan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh, memang ada projek-projek di mana kita akan mengadakan rumah kos rendah sederhana, yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, di dalam Wilayah Persekutuan.

Kalau saya boleh memberi sedikit maklumat tentang perancangan kita, sehingga tahun 2000, keperluan rumah kos sederhana kita jangkakan di seluruh Malaysia adalah 239,900 unit dan dalam itu, kita akan jangkakan di Selangor 47,200 unit dan di Wilayah Persekutuan sendiri, 8,000 unit dan di Negeri Sembilan, 10,100 unit dan semua ini berhampiran dan di dalam kawasan Kelang Valley ini, memang dijual kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan valley ini dan kita harapkan, dengan ada rancangan besar-besaran ini, maka kita dapat memenuhi. Kalau tidak memenuhi pun, memenuhi sebahagian besar keperluan ini.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dan pohon penjelasan. Apa yang disoal oleh wakil dari Bukit Bintang tadi ialah mengenai medium cost flats, dengan izin, dan menyentuh tentang perkara itu, saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian mengenai rumah pangsa. Apakah ada garis panduan khususnya mengenai penyelenggaraan ataupun pengurusan lif, pengurusan kebersihan, landskap, pengawal keselamatan, elektrik, air dan gas bagi flat-flat ataupun rumah pangsa kos rendah kos sederhana?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Setiap rancangan rumah pangsa ini memang dikendalikan oleh satu syarikat atau satu badan di mana perkara-perkara seperti penyelenggaraan lif dan lain-lain kemudahan di dalam kawasan itu diuruskan dengan syarat-syarat yang ditetapkan dan bagi pihak kementerian ini, kita tidak campur tangan. Oleh sebab kita mengharapkan badan-badan ini atau syarikat-syarikat yang ditubuhkan antara penghuni-penghuni di dalam sesuatu rumah pangsa itu dapat dijalankan dengan baik dan lancar dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil yang sedia ada.

Oleh sebab itu, kalau ada masalah pun yang berlaku kita akan cuba dari segi pentadbirannya, dari segi kawal selianya, kita akan meminta pihak yang berkaitan supaya mereka boleh berbincang dan boleh menyelesaikan masalah dengan cara yang baik dan tidak menggunakan sikap yang keterlaluan apabila menjalankan tugasnya.

'ROAD BULLIES'—LANGKAH MEMBANTERAS

9. Tuan Lim Si Cheng minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kadar kes 'road bullies' yang berlaku di dalam negara ini, dan

sama ada langkah akan diambil untuk memastikan kecenderungan yang tidak sihat ini dari berterusan; dan

- (b) sama ada kementerian ini bersama agensi pengangkutan dan kerajaan akan menjalankan sebarang kempen kesopanan orang ramai untuk memupuk sikap toleransi dan kesopanan di antara pemandu dan pengguna jalan raya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Yang Berhormat,

- (a) Kes road bullies yang dilaporkan berlaku di seluruh negara bagi tahun 1995 sehingga bulan Oktober adalah sebanyak 177 kes. Sebagai langkah untuk memastikan bahawa kecenderungan yang tidak sihat ini tidak berterusan, maka pihak polis akan bertindak tegas ke atas kes-kes seperti ini mengikut kaedah-kaedah yang terdapat di bawah seksyen 321, "Voluntarily causing hurt", dengan izin, dan juga seksyen 425 iaitu, "Mischief", dengan izin di bawah Kanun Acara Jenayah. Kesalahan-kesalahan tersebut tidak boleh dikompaun oleh kerana ianya merupakan satu kesalahan jenayah dan kesemua kes ini akan dikemukakan ke mahkamah.
- (b) Unsur-unsur kesopanan pengguna-pengguna jalan raya khususnya pemandu, bagi memupuk sikap toleransi dan kesopanan memang telah diadakan dalam ucapan-ucapan, ceramah-ceramah dan juga kempen-kempen yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat negara. Usaha-usaha seperti ini akan diteruskan untuk mencapai objektif seperti yang dikehendaki.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, apakah ciri-ciri road bullies ini? Sama ada kementerian mencadangkan mereka menjalankan ujian psychiatrist dan kenapa kebanyakan kes road bullies ini berlaku di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan bagi soalan yang berkenaan, saya ingin bacakan mengikut Akta yang ditulis dalam bahasa Inggeris iaitu Akta 321, "Voluntarily causing hurt" ditakrifkan sebagai "whoever does any act with the intention of thereby causing hurt to any person or with the knowledge that he is likely thereby to cause hurt to any person and thus thereby cause hurt to any person is said voluntarily to cause hurt". (*Ketawa*) Dia berpusinglah ayat bahasa Inggeris ini, nanti mungkin boleh diedarkanlah supaya boleh dialih bahasa.

Yang kedua, Akta 322, "Voluntarily causing grievous. Whoever voluntarily causes hurt, if the hurt which he intends to cause or knows himself to be likely to cause is grievous, and if the hurt which he causes is grievous, is said voluntarily to cause grievous". (*Ketawa*) Maaf, bahasa Inggeris ini teruk sedikit.

Yang akhirnya, Akta 427, "Committing mischief and thereby causing damage to the amount of the RM25.00". Ini "Mischief". "Whoever commits mischief and thereby causes loss or damage to the amount of RM25.00 or upwards shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years or with fine or with both". Bermakna kalau bawah RM25.00 tidak masuk dalam tarif. Jadi, bolehlah buat salah below RM25.00.

Berkaitan sama ada kerajaan ingin mengadakan ujian seperti yang disebut, yang ini belum ditimbang lagi oleh

kementerian. Memang banyak kes ini berlaku di Selangor dan juga di Wilayah Persekutuan. Pada tahun 1994 sampai bulan Oktober, 53 kes di Selangor, 53 kes di Kuala Lumpur, di Johor-30 kes dan yang keempat, di Pulau Pinang-17 kes. Negeri-negeri lain bawah 3 kes. Ini menunjukkan lebih sibuk sesebuah bandar, lebih banyak kes road bullies berlaku. Ini mungkin kerana tension kepada mereka ini. Walau bagaimanapun, kita sedang mengambil tindakan supaya road bullies ini dapat dikurangkan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, kita sedia maklum, kalau di Wilayah Persekutuan, kebanyakan road bullies ini adalah terdiri daripada bas-bas mini dan kadang-kadang teksi. Tetapi, terlibat juga kenderaan-kenderaan besar seperti lori-lori. Jadi, apabila mereka ini telah didapati bersalah di atas tindakan, adakah kerajaan bercadang, pertamanya untuk memberi satu motivasi yang baru kepada mereka supaya lebih bersopan-santun di atas jalan raya, terutama sekali, hari ini kita tengok Intra Kota, bas mereka berjalan dengan lebih tertib dan tersusun. Jadi, selain daripada kita mendenda, adakah kerajaan atau Jabatan Pengangkutan Jalan bercadang untuk memberi mereka ini satu kaunseling supaya lebih tertib di atas jalan raya?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.

Rustam: Tuan Yang di-Pertua, ketika ini, pihak polis memberi kaunseling on the spot, tetapi untuk jangka panjang, saya fikir pandangan Yang Berhormat dari Yan tadi baik juga. Saya akan bawa kepada kementerian supaya semua mereka yang terlibat ini dipanggil satu hari untuk kaunseling khas.

**PROJEK PPRT—JUMLAH
PERUNTUKAN**

10. Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah minta Menteri Pembangunan

Luar Bandar menyatakan tentang projek pembangunan rakyat termiskin (PPRT):

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk mendaftar semula peserta projek pembangunan rakyat termiskin memandangkan masih terdapat rakyat miskin tertinggal dari senarai tersebut;
- (b) berapakah bilangan dan jumlah modal yang dikeluarkan untuk kegiatan perusahaan/perniagaan. Berapa bilangan yang gagal dan jumlah modal yang terlibat dan apakah punca kegagalan tersebut; dan
- (c) adakah terdapat kes penipuan bagi mendapatkan modal tersebut. Berapa bilangan kes dan apakah tindakan yang diambil.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Pembangunan Luar Bandar (Tuan
Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang
di-Pertua,

- (a) daftar dan profil keluarga termiskin dikemaskini, setiap dua tahun sekali. Walau bagaimanapun, sambil menggunakan kaedah pendaftaran terbaru disediakan di peringkat daerah. Di bawah kaedah ini, nama-nama keluarga baru yang tertinggal atau dikenal pasti selepas selesainya proses pengemaskinian daftar dan profil pada satu-satu masa akan disenaraikan jika didapati layak dalam senarai tambahan dan layak dipertimbangkan untuk menerima pakej-pakej bantuan yang bersesuaian di bawah PPRT.
- (b) Antara program-program dalam bidang perusahaan dan perniagaan di bawah PPRT adalah program Peningkatan Ekonomi Kampung (PPEK) dan Kemudahan Pinjaman Secara Kecil-Kecilan dalam kegiatan-kegiatan perusahaan dan perniagaan di bawah skim

Pinjaman Ikhtiar yang dikenali sebagai Amanah Ikhtiar Malaysia.

Kerajaan telah meluluskan 4,209 projek yang dimanfaatkan oleh 60,359 rakyat termiskin di bawah program PPEK dengan peruntukan RM31.86 juta. Secara keseluruhannya, kita berpuas hati dengan pencapaian PPEK. Walau bagaimanapun, kementerian telah mengesan berbagai kelemahan dalam pelaksanaan PPEK untuk PPRT. Oleh yang demikian, pelaksanaan PPEK dan PPRT dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan menggunakan pendekatan baru. Kegagalan sesuatu projek, terutamanya di kalangan projek-projek pertanian adalah disebabkan oleh keadaan cuaca, kos pengurusan yang tinggi, kelemahan dalam pengendalian projek dan yang menyukarkan pengawasan yang berkesan.

Melalui Skim Pinjaman Ikhtiar untuk projek-projek perniagaan, sejumlah RM32.6 juta telah dikeluarkan sebagai modal kepada 12,241 Sahabat ataupun peminjam untuk membiayai 35,843 projek. Daripada jumlah tersebut, 65.2% telah berjaya dan meningkatkan pendapatan kepada Sahabat yang berpotensi untuk diteruskan. Sejumlah 31.8% lagi bertahan dan hanya 3% sahaja yang gagal.

Rekod pembayaran balik pinjaman Sahabat adalah memberangsangkan pada kadar 99.9%. Mengikut kajian, Skim Pinjaman Ikhtiar telah meningkatkan purata pendapatan bulanan dari RM223 sebelum menyertai program ini kepada RM532 selepas menyertai program ini.

(c) Sehingga kini, kementerian belum lagi menerima sebarang aduan mengenai penipuan untuk mendapat projek PPEK atau AIM.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 11 hingga 25 dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG STANDARD MALAYSIA 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan baru dalam undang-undang yang sama berhubung dengan standard dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas

"Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dan Anggaran Pembangunan 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". [*Hari Keenam Belas*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusi Jawatankuasa*)

Maksud B.51 (Jadual)—

Maksud P.51 (Anggaran Pembangunan 1996)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Seputeh, saya beri Yang Berhormat sambung 2 minit.

3.36 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya ingin menggulung ucapan saya yang dilafazkan kelmarin. Dewan yang mulia ini sudah pun meluluskan usul mengutuk Perancis yang berdegil menjalankan ujian senjata nuklearnya. Bantahan ini adalah sebagai satu manifestasi rakyat Malaysia terhadap bahayanya senjata nuklear kepada kehidupan manusia, tetapi dalam masa kita mengutuk Perancis membuat ujian senjata nuklear yang boleh mengancam nyawa manusia sejagat, adakah kerajaan merelakan Malaysia menjadi model kepada perbuatan mengancam nyawa manusia, apatah lagi nelayan negara jiran.

Apakah peronda TLDM yang boleh membahayakan kapal peronda seberat kira-kira 1,400 tan itu? Adakah nelayan-nelayan Thai dilengkapi dengan senjata api yang merbahaya apabila mereka ke laut dengan hanya menaiki bot berukuran kira-kira 16 meter sahaja panjangnya?

Tuan Pengerusi, sudah tentu tragedi ini merupakan satu kesilapan peronda TLDM yang sepatutnya tidak berulang lagi. Oleh itu, adakah kerajaan bersedia meminta maaf kepada Kerajaan Thailand sekiranya benar peronda TLDM telah melakukan kesilapan besar? Sama ada tindakan tata tertib akan diambil kepada mereka kerana secara tidak langsung menjejaskan imej negara yang dikatakan sebagai wira dunia ketiga.

Tidakkah ianya suatu yang memalukan apabila wira dunia ketiga melakukan perbuatan menyerang nelayan yang tidak bersenjata? Oleh itu, adakah kerajaan bersedia membayar ganti rugi kepada keluarga mangsa kerana tragedi ini adalah satu kesilapan yang memalukan. Kerajaan mestilah bertanggungjawab di atas setiap peri laku peronda TLDM ini dan tidak ada sebab kenapa ganti rugi tidak boleh diberi kepada keluarga nelayan yang malang itu.

Penyelesaian melalui semangat Asean yang disebutkan oleh pihak Kementerian Luar Negeri adalah perkara lain, tetapi pemberian bayaran ganti rugi adalah satu komitmen yang berat yang memperakui bahawa kita adalah bertanggungjawab sepenuhnya. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta kementerian menjawab.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad): Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa mengenai Rang Undang-

undang Perbekalan 1996 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1996 untuk Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita Malaysia mengamalkan dasar luar yang proaktif. Di peringkat antarabangsa, kita secara lantang menyuarakan aspirasi negara kita di forum-forum antarabangsa di samping giat memainkan peranan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau lainnya dalam usaha menjaga keamanan dunia, mempertingkatkan kerjasama ekonomi serta memperjuangkan isu-isu sejangkit seperti isu alam sekitar.

Di peringkat dua hala pula, kita akan terus mempergiat dan mempertingkatkan usaha-usaha ke arah menjaminkan dan memajukan kepentingan negara kita Malaysia dengan memupuk dan memperkukuhkan hubungan baik dengan semua negara.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Parit Sulong telah menimbulkan mengenai soal kebajikan pegawai kita di luar negeri. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas sikap prihatin Yang Berhormat itu yang telah membangkitkan perkara ini. Menyentuh teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong mengenai kelayakan anak-anak pegawai kita di luar negeri untuk belajar di sekolah swasta (public schools), sukacita saya maklumkan bahawa kementerian sedar unsur-unsur negatif yang terdapat di sekolah kerajaan di bandar-bandar raya seperti New York dan London. Kementerian telah merayu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan pada awal tahun 1994 semasa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/94 mengenai Peraturan Khidmat Luar Negeri digubal supaya pengecualian diberi kepada pegawai yang tidak ingin mendaftar anak mereka di sekolah kerajaan yang tidak sesuai.

Sukacita saya maklumkan di sini bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telahpun menetapkan bahawa anak-anak dihantar ke sekolah awam yang dikelolakan oleh kerajaan di negara-negara yang mengamalkan penghantaran bahasa Inggeris bagi perwakilan-perwakilan di mana bahasa pengantar adalah bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam menyatakan bahawa pengecualian dari memasuki sekolah awam atau sekolah kerajaan boleh dipertimbangkan mengikut merit setiap kes.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, elemen pendidikan tidak termasuk dalam elaun seberang laut yang dibayar kepada pegawai yang berkhidmat di luar negeri. Pegawai kita diberi bantuan pelajaran sebanyak 100% untuk anak-anak di peringkat rendah dan 66% bagi anak-anak di peringkat menengah. Bagi mereka yang memasuki perkhidmatan awam dalam tahun 1992, kadar bantuan pelajaran bagi anak-anak ini di peringkat menengah ialah 50%.

Mengenai penempatan anak-anak yang ibu bapa mereka ingin menghantar balik ke Malaysia yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong untuk menikmati sistem pendidikan kebangsaan, Kementerian Pendidikan mewajibkan anak-anak mereka ini menduduki ujian penilaian dalam Bahasa Malaysia untuk tujuan ke sekolah-sekolah berasrama penuh. Mengikut keputusan-keputusan ujian penilaian yang dijalankan selama tiga tahun yang lepas, ramai anak pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di luar negeri telah gagal dalam ujian penilaian ini kerana kelemahan dalam Bahasa Malaysia. Jadi, mengenai jenis sekolah berasrama penuh yang disediakan untuk anak-anak, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti 15 buah sekolah selain daripada sekolah agama di Labu dan Kajang.

Menyentuh mengenai elaun seberang laut bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat di luar negeri, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian bersama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan telah berjaya mencapai persetujuan ke atas kadar elaun seberang laut yang baru bagi semua perwakilan Malaysia di luar negeri. Kadar elaun seberang laut yang diluluskan adalah di antara 5% hingga 70% mulai 1hb November, 1994 dan berasaskan indeks harga pengguna dan kadar inflasi dan borang budget proforma yang dikemukakan oleh perwakilan-perwakilan.

Walau bagaimanapun, sekiranya perwakilan-perwakilan berpendapat kadar yang diluluskan tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup di luar negeri, mereka boleh memperakukan kadar yang baru dengan justifikasi-justifikasi yang tertentu seperti kenaikan kos barangan dalam budget proforma, kenaikan kadar inflasi dan juga perbandingan kadar-kadar elaun seberang laut yang dinikmati oleh perwakilan-perwakilan asing yang lain di pos.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Parit Sulong, Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Yang Berhormat dari Jelutong, Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat dari Tanjong telah menyentuh mengenai isu hak asasi manusia. Tuan Pengerusi, Malaysia mempercayai bahawa isu hak asasi manusia ini adalah isu yang penting dan telah berusaha untuk memastikan keseimbangan dalam perbincangan antarabangsa berhubung dengan isu ini. Kita yakin bahawa masyarakat antarabangsa harus bersikap adil, objektif dan tidak bermotif politik dalam mewujudkan dan melaksanakan unsur-unsur hak asasi manusia bagi semua negara.

Pada keseluruhannya, Universal Declaration of Human Rights boleh

digunakan sebagai basic guide prinsip-prinsip persoalan hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, pelaksanaan prinsip-prinsip tersebut di sesebuah negara haruslah mengambil kira keadaan dalam negara berkenaan seperti nilai-nilai tempatan, agama, sejarah, tradisi dan kebudayaan. Bagi negara-negara Barat, kebebasan individu itu mestilah dihormati dengan sepenuhnya oleh pemerintah dan masyarakat tanpa sebarang batasan. Pada pendirian negara-negara Timur, ketiadaan batasan kepada hak-hak individu boleh menyumbang kepada ketidakstabilan sesuatu masyarakat dan akhirnya ini akan mengancam kedudukan hak asasi manusia. Pendekatan kita pada soal ini adalah kita mesti menjamin keseimbangan di antara hak kebebasan individu dan kepentingan masyarakat ramai dan negara keseluruhan. Pada kesimpulannya, setiap hak yang diberi itu mempunyai tanggungjawabnya. Hak tanpa batasan akan membawa kepada kekecohan dan huru-hara.

Tuan Pengerusi, sepertimana Dewan ini sedia maklum Malaysia telah dilantik sebagai ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia pada tahun 1993 bagi tempoh tiga tahun. Pada sesi ke-51, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tahun ini, Malaysia telah dipilih mempengerusikan sesi tersebut dan telah dapat mengendalikan perjalanan sesi tersebut dengan jayanya dan pada tahun ini juga Malaysia telah dilantik semula sebagai ahli suruhanjaya tersebut untuk tempoh tiga tahun lagi iaitu dari tahun 1996 hingga 1998. Perlantikan Malaysia sebagai Pengerusi sesi ke-51 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia merupakan satu penghormatan kepada negara kita. Jadi, perlantikan Malaysia semula sebagai ahli suruhanjaya ini untuk tempoh yang kedua ini membuktikan bahawa pendekatan dan pendirian Malaysia mengenai isu-isu hak asasi manusia dianggap oleh masyarakat antarabangsa sebagai seimbang. Jadi,

sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti dari Parit Sulong, Batang Lular, isu hak asasi manusia bukan lagi menjadi monopoli negara-negara Barat yang sebelum ini tidak pernah dipersoalkan mengenai rekod hak asasi manusia mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada sesi tahunan ke-51 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia pada awal tahun ini, beberapa kuasa besar telah dikecam kerana melanggar prinsip-prinsip hak asasi manusia. Satu revolusi mengenai wujudnya genofobia di kalangan masyarakat Eropah Barat juga telah dihasilkan untuk mengecamkan keadaan ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh soal penyusunan semula di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Parit Sulong, yang Berhormat dari Kubang Kerian iaitu untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia percaya bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan satu badan dunia yang dapat memainkan peranan yang positif dan mewujudkan keselamatan dan ketenteraman dunia dan merupakan satu forum antarabangsa yang berkesan dalam mendebatkan isu-isu penting sama ada isu politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.

Namun demikian, sejak penubuhan badan dunia ini 50 tahun yang lalu, memanglah nyata terdapat kelemahan-kelemahan pada pertubuhan ini yang perlu diatasi agar badan dunia ini dapat menjalankan peranan dan fungsinya dengan lebih adil dan berkesan lagi. Ke arah ini Malaysia telah menyeru dan menggesa dalam forum-forum antarabangsa supaya struktur PBB dikaji semula. Malaysia juga telah mengambil bahagian yang aktif dalam memberi cadangan-cadangan dalam Kumpulan

Kerja Khas yang ditubuhkan mengenai isu ini. Saya ingin menggariskan di sini bahawa Malaysia tidak pernah sekali pun menyeru di mana-mana forum antarabangsa agar piagam PBB disemak semula. Ini adalah berdasarkan kepada hakikat bahawa piagam PBB mendokong prinsip-prinsip murni yang menjadi landasan dalam hubungan antarabangsa dan masalahnya adalah ketidakupayaan PBB dalam melaksanakan prinsip-prinsipnya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Jelutong telah membangkitkan soal hubungan diplomatik kita dengan negara Nigeria. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia dan Nigeria telah menjalinkan hubungan Diplomatik semenjak tahun 1965. Hubungan dua hala ini di antara kedua-dua buah negara adalah baik dan rapat, memandangkan kedua-duanya bersama-sama menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Gerakan Berkecuali, G-15 dan Komanwel sebelum keanggotaan Nigeria ini digantung pada 15hb November yang lalu. Rekod telah menunjukkan hubungan dua hala kita di antara kedua-dua negara ini tidak menghadapi sebarang masalah semenjak ianya terjalin pada tahun 1965.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada cadangan Yang Berhormat dari Tanjong itu supaya Malaysia memutuskan hubungan diplomatik dengan Nigeria, ekoran keputusan Kerajaan Nigeria menggantung penentang-penentang kerajaan itu Ken Saro-Wiwa dan lapan orang yang lain baru-baru ini. Kementerian ini berpendapat bahawa adalah tidak wajar bagi Malaysia memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Nigeria semata-mata berdasarkan kes Saro-Wiwa ini. Ini ditambahkan pula Malaysia yang berpegang kepada prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri

Negara yang lain. Kita melihat kes Ken Saro-Wiwo yang tersebut adalah urusan hal ehwal dalam negeri Nigeria itu sendiri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negara-negara Barat yang mempunyai pendirian tegas lagi keras ke atas Nigeria mengenai isu hak asasi manusia sendiri, setakat memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Nigeria. Mereka hanya menurunkan taraf hubungan diplomatik mereka dengan Nigeria dengan cara memanggil balik Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi mereka ke Nigeria.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar, Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh mengenai Bosnia-Herzegovina, di mana Malaysia meyokong kesepakatan puak-puak yang bersengketa di Bosnia untuk membentuk sebuah negara yang didiami oleh semua puak tersebut, kerana Malaysia mempercayai sebarang penyelesaian damai yang menyeluruh di Bosnia-Herzegovina mestilah mencerminkan kepelbagaian etnik yang terdapat di negara itu. Kita akan terus turut serta dalam apa jua usaha untuk membawa keamanan di rantau tersebut.

Negara kita Malaysia menyifatkan OIC sebagai sebuah badan yang berguna, dan menerusi ini kita memberikan manfaat kepada negara-negara Islam. Untuk makluman Yang Berhormat, OIC merupakan satu organisasi antarabangsa yang kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jadi, negara kita Malaysia adalah mengambil bahagian dalam pembangunan negara Bosnia-Herzegovina ini dan mengintergrasikan kedamaian di negara itu menerusi persidangan OIC ini.

Melalui OIC, Malaysia memainkan peranan penting dalam menangani masalah

Bosnia-Herzegovina. Malaysia telah mengadakan mesyuarat khas mengenai Bosnia di kalangan Kumpulan Perhubungan OIC atau Contact Group di Kuala Lumpur pada September 1995. Mesyuarat tersebut telah menubuhkan Sistem Mobilisation Group for Bosnia-Herzegovina (AMG) dan mesyuarat pertama telah diadakan di Istanbul, Turkey dalam bulan Oktober yang lalu. Pegawai-pegawai kerajaan dan wakil-wakil dari NGOs mengadakan mesyuarat pada 3hb November tahun ini bagi menyelaraskan dan mengenal pasti bantuan yang boleh diberikan oleh Malaysia kepada Bosnia-Herzegovina. Jadi, Malaysia adalah Pengerusi AMG dan telah menghantar rombongan ke beberapa negara di Asia Barat bagi mendapatkan kerjasama dan bantuan kepada Bosnia-Herzegovina.

Kumpulan Penghubung Lima Negara iaitu Amerika Syarikat, Russia, Britain, Perancis dan Jerman mengiktirafkan peranan peace implementation council dalam isu Bosnia. Atas desakan OIC, Kumpulan ini juga telah mengebomkan pengganas Serb yang mencabuli hak asasi rakyat Bosnia. Pendirian Amerika Syarikat untuk menghantarkan askarnya selama setahun yang juga membuktikan bahawa desakan OIC telah diberi perhatian oleh sebuah kuasa besar dunia.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, walaupun Malaysia bergiat aktif di OIC, apakah boleh kita buat untuk memastikan Amerika Syarikat membekalkan senjata-senjata berat kepada orang-orang Islam di Bosnia? Kerana sekarang kekuatan Serb hampir sepuluh kali ganda berbanding dengan orang-orang Bosnia. Ini masalah pokok, kerana saya diberitahu bahawa pihak Serb akan terus menggunakan senjatanya.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, kita akan terus berusaha menerusi OIC untuk bersama-sama mengadakan usaha untuk melaksanakan kedamaian di Bosnia ini. Minggu lepas di London, persidangan Implementasi Damai Bosnia telah memilih negara kita juga menjadi anggota Majlis Implementasi Damai ini, sebuah organisasi khas yang akan menyelaraskan operasi awam di Bosnia-Herzegovina masih lagi berfungsi. Jadi, ini kita dapat bersama-sama menjamin untuk berusaha melaksanakan perjanjian kedamaian yang kita sokong yang telah dicapai di Dayton, Ohio pada November lalu. Kita akan terus-menerus memberikan komitmen kita untuk membantu Kerajaan Bosnia-Herzegovina dengan menghulurkan bantuan-bantuan menerusi kerjasama dua hala dan pelbagai hala dalam melaksanakan perjanjian damai tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya dengar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata Malaysia menganggap pembunuhan Ken Saro-Wiwa sebagai satu masalah dalaman Nigeria. Kalau begitu, kenapa Kerajaan Malaysia menyokong CHOGM di Auckland untuk menggantung keanggotaan Nigeria daripada Komanwel atau adakah Malaysia sekarang, Kabinet Malaysia, Kerajaan Malaysia sudah kaji semula isu ini dan sekarang kesal bahawa di CHOGM, di Auckland ada menyokong tindakan untuk menggantung Nigeria daripada Komanwel dan sekarang sudah 'back track' daripada pendirian Malaysia di Auckland?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, untuk maklumat Yang Berhormat, kita tidak back track dari keputusan yang dibuat oleh CHOGM

untuk menggantung keahlian. Keputusan itu ialah memberikan mereka dua tahun untuk membetulkan rekod hak asasi manusia mereka. Jadi, ini kita menyatakan bahawa ini adalah untuk memberikan sebab bahawa mengapa Yang Berhormat dari Tanjong telah mengemukakan, membangkitkan perkara di mana mengapa kita tidak memutuskan hubungan diplomatik kita dengan negara Nigeria.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai masalah isu yang spesifik ialah pembunuhan Ken Saro-Wiwa. Bukankah ini ialah spesifik yang mencetuskan suasana dan keputusan CHOGM di Auckland untuk menggantung Nigeria daripada Komanwel oleh kerana pembunuhan Ken Saro-Wiwa dan lapan orang yang lain. Kalau ini benar, ini menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia tidak menganggap perkara ini sebagai perkara dalaman. Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang datang ke Parlimen dan berkata Malaysia sekarang menganggap perkara ini sebagai satu perkara dalaman?

Dr. Leo Michael Toyad: Ini adalah saya katakan bahawa untuk menjawab soal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat mengenai perhubungan dua hala, di mana Yang Berhormat telah menyoalkan mengapa kita tidak memutuskan hubungan diplomatik kita.

Keputusan dipersidangan Komanwel itu adalah untuk memberikan kita mengambil keputusan atas cadangan-cadangan dan fakta-fakta yang telah dikemukakan untuk kita memberikan peluang. Itulah sebab kita setuju supaya

peluang diberi untuk mereka membetulkan dan tidak sekaligus memutuskan dan mengambil tindakan yang drastik sekali.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Kerajaan Malaysia boleh mengadakan sebab-sebab sendiri kenapa tidak mahu memutuskan hubungan diplomatik, tetapi tidak boleh guna sebab ini adalah perkara dalaman. Oleh kerana, kalau perkara dalaman ini Kerajaan Malaysia tidak boleh menyokong tindakan CHOGM di Auckland, oleh kerana itulah pembunuhan Ken Saro-Wiwa ialah peristiwa yang menyebabkan keputusan itu. Apa yang kita mahu ialah satu pendirian yang konsisten, jangan di Auckland kata itu bukan dianggap sebagai perkara dalaman tetapi mengenai isu putus hubungan ialah kes dalaman, tidak boleh. Boleh ada sebab-sebab yang lain, okay, tetapi tidak boleh gunakan sebab ini kalau kita mahu konsisten dan tidak double standard atau hypocritical.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, saya sudah cukup jelas memberikan sebab-sebab tadi kepada Yang Berhormat dari Tanjong dan saya tidak ingin mengulangkan lagi dan ini adalah satu keputusan yang kita buat dan untuk sebab-sebab kita tidak memutuskan hubungan diplomatik kita.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai isu senjata nuklear yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong dan Yang Berhormat dari Parit Buntar. Yang Berhormat dari Parit Buntar telah menyatakan dan membincangkan mengenai pentingnya kerjasama ASEAN

dalam menubuhkan EAEC dan mewujudkan SEANWFEZ atau South East Asia Nuclear Weapon Free Zone.

Sebenarnya kerjasama dalam ASEAN adalah kukuh sebagai satu pertubuhan negara-negara anggota adalah berhak menyatakan pendapat mereka. Setiap negara anggota pula, berhak mencuba untuk mempengaruhi dan memujuk negara lain mengenai sesuatu isu supaya negara lain menerima pendapat mereka. Dalam proses itu ada kalanya akan timbul gambaran seolah-olah ada perbezaan pendapat yang bercorak permusuhan. Keadaan sebegini adalah sesuatu yang normal, itulah yang berlaku di dalam ASEAN. Setiap perbezaan itu tidak bermakna bahawa terdapat permusuhan, ASEAN sebenarnya sentiasa bergerak dan membuat keputusan secara bersama dalam semangat persepakatan. Atas dasar inilah ASEAN memutuskan mengenai EAEC dan SEANWFEZ. Selepas keputusan dibuat, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk negara-negara anggota berusaha mencapai maksud penubuhan EAEC dan SEANWFEZ. Itulah yang kita sama-sama harapkan.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun lagi, Yang Berhormat.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Leo Michael Toyad: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan Saya menyedari bahawa dengan status ASEAN, semua anggota mesti mematuhi tetapi

nampaknya ada setengah-tengah negara seperti Indonesia ataupun Vietnam masih lagi tidak mematuhi setengah-setengah syarat. Dan, satu perkara lagi, saya nampak pihak PRC (Peoples Republic of China) tidak begitu mengalu-alukan konsep Nuclear Weapon Free Zone yang disebutkan tadi yang juga satu konsep yang baik. Walau bagaimanapun, adakah cadangan daripada Kementerian untuk berdialog dengan pihak China ataupun rombongan ASEAN berdialog dengan China mengenai Nuclear Weapon Free Zone ini supaya kita dapat tahu apakah sebabnya mereka tidak begitu menyetujui konsep ini terutamanya mereka menganggap keluasan kawasan Nuclear Weapon Free Zone ini yang meliputi Laut China Selatan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Mengenai soalan yang telah ditimbulkan di mana tiada persetujuan di antara ahli-ahli ASEAN, saya telah jelaskan tadi ini memang ada perbezaan pendapat atau pandangan-pandangan mengenai isu bersama tetapi yang pentingnya di sini, kita telah dapat mengadakan satu remind di mana ahli-ahli ASEAN telah bersetuju untuk menandatangani di peringkat ASEAN Summit. Walaupun selepas ditandatangani ini, kita tidak menutupkan bahawa ada ruang untuk perbincangan di antara negara-negara yang masih dapat menerima sebulatnya agreement-agreement ini atau treaty ini yang telah dikemukakan oleh pihak ASEAN ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong juga, mengenai isu Nuclear Weapon ini, ujian senjata nuklear oleh Perancis. Negara kita memang tetap dengan pendirian kita yang menentang segala ujian senjata nuklear oleh mana-mana negara bersenjata nuklear. Jadi sejajar dengan pendirian ini. Malaysia

telah menyuarakan bantahan kita terhadap ujian-ujian nuklear yang telah dijalankan oleh Perancis di Lautan Pasifik. Sekiranya negara Perancis ini serius dari segi komitmennya, menyokong Comprehensive Test Ban Treaty di mana perundingan mengenai perjanjian ini dijangka akan selesai pada tahun 1996 seperti yang dinyatakan oleh Presiden Chirac, Kerajaan Perancis harus memberhentikan segala ujian senjata nuklear mereka dengan sertamerta.

Tuan Pengerusi, mengenai kenyataan oleh Presiden Chirac yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa ujian senjata nuklear yang dilakukan itu tidak mempunyai kesan ke atas perdagangannya di luar negeri. Pihak saya tidak ingin memberi apa-apa ulasan setakat ini ke atas dakwaan Presiden Chirac ini kerana kita belum dapat mempunyai apa-apa statistik mengenai dakwaan ini.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, Malaysia akan terus berusaha di semua peringkat untuk menyuarakan bantahan negara terhadap ujian senjata nuklear oleh pihak Perancis dan menggesa Kerajaan Perancis memberhentikan ujian senjata nuklear serta memenuhi komitmen mereka terhadap perlucutan senjata nuklear dan juga menyertai segala usaha antara bangsa yang bertujuan untuk mencapai dunia yang bebas dari senjata nuklear.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan, meminta pandangan atau pendapat Kementerian mengenai pelaksanaan skim CEPT di kalangan negara ASEAN. Rundingan membentuk kawasan perdagangan bebas ASEAN ini (AFTA) melalui mekanismenya iaitu CEPT adalah diterima dengan baik oleh semua negara-negara anggota ASEAN. Hasil dari rundingan membentuk kawasan

perdagangan bebas (AFTA) penurunan tarif ke atas barangan yang dikeluarkan oleh negara-negara anggota ASEAN telah mula dilaksanakan sejak tahun 1994 dan dijangka mencapai tahap 5% menjelang tahun 2003.

Senarai barangan yang ditawarkan serta jadual penurunan tarif sehingga tahun 2003 juga telah diwujudkan, jadi barangan yang termasuk dalam skim penurunan tarif faedah ini meliputi 8% dari jumlah nilai dagangan di antara negara-negara anggota ASEAN. Persetujuan juga telah dicapai untuk memasukkan bahan-bahan pertanian yang tidak diproses untuk memperluaskan lagi liputan skim CEPT ini bagi mempercepatkan proses mewujudkan kawasan perdagangan bebas ASEAN (AFTA) ini.

Walau bagaimapun, terdapat juga segelintir negara anggota ASEAN yang masih belum bersedia untuk memasukkan sebahagian barangan pertanian di dalam proses liberalisasi ini. Perbincangan lanjut masih lagi dijalankan bagi kita mencapai kata sepakat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah menimbulkan soal penubuhan-penubuhan pejabat perwakilan pertubuhan di Malaysia dan ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Malaysia telah memberikan kebenaran kepada PLO dan ANC membuka pejabat di Kuala Lumpur sebelum mereka dapat memerintah negara masing-masing adalah sebagai menyatakan sokongan Malaysia terhadap perjuangan mereka ketika itu. Komitmen Malaysia terhadap perjuangan mereka adalah menuntut kebebasan dan keadilan adalah sangat tinggi.

Tuan Pengerusi, melalui penubuhan pejabat seperti ini di Kuala Lumpur, Malaysia dapat mengetahui segala

perkembangan yang berlaku di negara masing-masing dengan lebih jelas, sekaligus membantu kita membuat penilaian lanjut. Tindakan membenarkan PLO dan ANC membuka pejabat di sini juga selari dengan tindakan yang diambil oleh negara-negara lain yang turut memberikan bantuan dan sokongan kepada mereka.

Jadi, di samping itu, perjuangan mereka juga sentiasa menarik perhatian dalam forum antarabangsa di bawah PBB, NAM dan OIC.

Tuan Pengerusi, Malaysia tidak menyokong penubuhan pejabat perwakilan Chechnya di sini kerana menganggap konflik di Chechnya sebagai satu konflik dalaman Rusia. Rusia harus menyelesaikan konflik tersebut melalui rundingan dan tidak menerusi penggunaan kuasa tentera.

Malaysia dalam hal ini, tidak sekali-kali akan mencampuri hal ehwal dalam negara lain. Walau bagaimanapun, negara kita telah menyumbangkan menerusi badan UNHCR di Geneva untuk menolong pelarian-pelarian dalam konflik Chechnya ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Leo Michael Toyad: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, laporan-laporan mutakhir menunjukkan bahawa Chechnya ini macam ada negara sendiri iaitu mereka telah melaksanakan hukum yang mereka pilih, perundangan yang mereka pilih dan ia sudah jadi satu kedaulatan. Adakah dasar luar Malaysia menurut pandangan

orang ramai iaitu bila PBB menyokong, maka barulah kira mengambil sikap, tetapi bila PBB mendiamkan diri dan Amerika mendiamkan diri, kita tidak berani mengambil pendirian untuk menyokong pejuang-pejuang Chechen seperti kita menyokong PLO dan juga ANC.

Begitu juga soalan saya yang belum dijawab, iaitu pendirian kita terhadap perjuangan Kashmir, sedangkan berapa kali PBB minta diadakan referendum, Kerajaan India tidak buat dan apa pendirian Malaysia dalam masalah perjuangan pejuang-pejuang Kashmir untuk mencapai kemerdekaan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kita tidak mengambil pendirian kerana sebab yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar, bahawa kita masih menganggap bahawa konflik yang disebutkan itu tadi di Chechnya adalah masih kita rasai termasuk dalam perkara-perkara dalaman negeri Rusia itu sendiri. Kita memang dari semasa ke semasa mengkajikan dan menilaikan perkembangan-perkembangan menerusi saluran-saluran yang tertentu untuk menimbang usaha kita dan langkah-langkah yang kita ambil dalam usaha kita untuk mencapai kedamaian sejagat dan juga kedamaian global dan mengambil peranan kita untuk bersama-sama menjagakan kedamaian.

Tuan Pengerusi, memang saya akan menyentuh bahawa Ahli Yang terhormat dari Kubang Kerian juga telah membangkitkan pendirian kita mengenai Kashmir. Kita memang prihatin akan perkembangan-perkembangan yang berlaku di Jammu, Kashmir ini. Jadi, sejajar dengan pendirian PBB juga, kita melihat Kashmir sebagai satu wilayah yang masih lagi dipertikaikan dan di

forum-forum antarabangsa seperti Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Persidangan OIC, Malaysia memang sentiasa terus menggesa India dan Pakistan supaya menyelesaikan isu tersebut secara aman di meja perundingan berlandaskan kepada ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan dan juga dengan Perjanjian SIMLA yang ditandatangani di antara India dan Pakistan dahulu.

Dengan yang demikian, masalah ini tidaklah dapat kita samakan dengan perjuangan PLO atau ANC dan kita belum dapat membenarkan pejuang Kashmir ini membuka pejabat mereka di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Marang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Pengerusi, apakah ukuran masalah dalam negara masing-masing ataupun masalah hak dan kebebasan yang ditentukan oleh kita, adakah berdasarkan kepada sikap sesuatu negeri menganggap ia adalah masalah mereka. Seperti Rusia menganggap masalah Chechnya, masalah dalamannya, maka kita tidak boleh membuat pendirian yang tegas kerana itu masalah dalaman Rusia. Israel juga mengatakan bahawa masalah Palestin adalah masalah dalaman, bukan masalah PLO. Adakah penentuan sikap ini berdasarkan kepada hak dan keadilan yang ditentu oleh kita ataupun dipengaruhi oleh pengaruh politik luar antarabangsa yang dimonopoli oleh negara-negara besar dunia?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, ingin saya jelaskan di sini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

kita memang mengambil keputusan menerusi aspirasi negara kita dan menerusi forum-forum antarabangsa kerana itu kita terus menjaminkan supaya menerusi Bangsa-Bangsa Bersatu dan forum-forum antarabangsa yang lain untuk kita sama-sama yang pentingnya ialah menjagakan keamanan dunia dan juga mempertingkatkan kerjasama supaya keamanan itu dapat dicapai dan dipertahankan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan mengenai langkah-langkah untuk membantu pelarian di Rwanda. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sememangnya prihatin terhadap masalah ini dari kesengsaraan yang dihadapi oleh pelarian di seluruh dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Malaysia mempunyai sumber yang agak terbatas tetapi telah menunjukkan sifat positif lagi prihatin dalam membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelarian di Rwanda dan kita telah menyumbangkan sejumlah US\$100,000 kepada Rwanda menerusi Tabung Pembangunan Semula Rwanda di bawah kelolaan PBB.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuhkan soal Myanmar.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, buat masa ini Kerajaan Myanmar sedang mengambil langkah untuk menulis Perlembagaan yang baru melalui National Convention di mana semua pihak atau semua parti politik mengambil bahagian. Tambahan pula, beberapa pemimpin pembangkang telah pun dibebaskan daripada tahanan.

Ini merupakan langkah yang positif dalam proses demokrasi di Myanmar. Walaupun proses ini mungkin mengambil

masa, policy consertive engagement kita adalah yang paling sesuai sekali untuk membawa demokrasi di Myanmar.

Kita perlu ada saluran di mana Malaysia dan Asean dapat berdialog dengan SLPRC bagi menentukan bahawa demokrasi dapat dikekalkan di Myanmar. Persoalan bagaimana Myanmar...

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ada yang minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa Kerajaan Myanmar sedang dalam satu proses untuk menulis satu perlembagaan yang baharu, yang melibatkan penyertaan pihak-pihak pembangkang di Myanmar. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa baru-baru ini SLORC baru memecatkan daripada Kongres atau perhimpunan untuk menulis satu perlembagaan baharu untuk Myanmar, semua wakil yang dipilih daripada rakyat Myanmar dalam masa pilihan raya besar 1990 yang selepas dijalankan tidak diiktirafkan oleh regim tentera SLORC dan dengan pemecatan semua ahli-ahli National League of Democracy (NLD) yang diketuai oleh Aung San Suu Kyi dan lagi di mana kerajaan Myanmar tidak mengiktirafkan, tidak membenarkan Aung San Suu Kyi untuk mengambil balik kedudukannya sebagai Setiausaha Agung NLD.

Bukankah ini semua tanda-tanda bahawa kerajaan Myanmar tidak rela dan tidak sanggup untuk mengadakan satu perbincangan perlembagaan yang bermakna dan adakah kerajaan Malaysia dalam sidang kemuncak, kalau tidak mahu memulaukan wakil-wakil dari SLORC, mahu jumpa wakil-wakil dari SLORC,

sekarang-kurangnya menyampaikan kepada wakil-wakil atau pemimpin-pemimpin SLORC di Bangkok bahawa SLORC perlu lebih demokratik dalam proses perbincangan perlembagaan yang baru untuk membolehkan Aung San Suu Kyi dan pemimpin-pemimpin pembangkang yang lain untuk mengambil bahagian supaya satu perbincangan, reconciliation dan demokratisasi yang bermakna boleh diadakan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, bahawa usaha-usaha dalam peruntukan National Convention ini adalah menunjukkan dan kita merasakan bahawa perlu mewujudkan 'constructive engagement' kita dalam hubungan di mana kita dapat juga mengadakan perbincangan atau berdialog dengan SLORC ini dan dari segi itu kita mendapat gambaran juga bagaimana usaha-usaha mereka. Tetapi matlamat akhirnya ialah terpulang kepada rakyat Myanmar sendiri untuk menentukannya dan Malaysia berpendapat bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Myanmar buat masa ini dalam proses demokrasinya adalah boleh dikatakan memuaskan dan polisi 'constructive engagement' ini kita akan teruskan. Oleh yang demikian, kita merasakan Asean telah membuat keputusan untuk menjemput pemimpin Myanmar untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asean di Bangkok bagi maksud meneruskan dialog tersebut sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi.

Tuan Pengerusi, mengenai satu perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang telah menyentuh tentang MNLF di Filipina Selatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ingin saya nyatakan di sini, rundingan di antara Kerajaan Filipina dengan MNLF ini bagi menyelesaikan masalah di Mindanao telah

diadakan di Jakarta oleh kerana kerajaan Indonesia telah menawarkan untuk menganjurkan mesyuarat tersebut terlebih dahulu. Dan Kerajaan Malaysia menyokong penuh inisiatif tersebut dan keputusan-keputusan yang telah dicapai buat masa ini di antara kerajaan Filipina dan pemimpin MNLF ini bagi menangani masalah di Selatan Filipina.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Seputeh dan Yang Berhormat dari Ledang juga telah menimbulkan perkara mengenai insiden nelayan dari negara Thailand. Ingin saya nyatakan di sini bahawa dua orang nelayan Thailand yang terbunuh pada 6hb November, 1995 seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ledang dan Yang Berhormat Seputeh tadi, saya suka menyatakan di sini bahawa bot pukut tunda Thailand itu-Harapan Jaya IV yang terbabit dalam insiden tersebut telah ditemui oleh kapal peronda Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sedang menangkap ikan secara haram di dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia dan bot pukut tunda Thailand ini telah disuruh berhenti tetapi ia sebaliknya tidak mengendahkan perintah tersebut dan cuba melarikan diri. Jadi, kapal Tentera Laut Diraja Malaysia telah mengejar bot Thailand itu selama 2 jam dan terpaksa melepaskan beberapa das tembakan amaran. Tembakan amaran tersebut terkena dua orang nelayan Thailand dalam bot pukut tunda tersebut dan saya ingin menegaskan di sini bahawa TLDM telah mematuhi peraturan yang ditetapkan semasa menjalankan tugas mereka. Mereka tidak menggunakan kekerasan yang berlebihan dalam insiden ini.

Insiden ini telah dapat diselesaikan dengan baik melalui rundingan dan saya percaya ianya tidak akan menjejaskan hubungan baik di antara negara kita dengan negara Thailand. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan juga sentiasa

berusaha memupuk dan meningkatkan lagi hubungan baik dengan negara-negara jiran kita termasuk Thailand.

Tuan Liew Ah Kim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Seputeh bangun, Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Minta penjelasan. Tidakkah jika kita perbandingkan dua jenis bot iaitu bot pukut tunda dengan kapal peronda TLDM di mana TLDM mempunyai kapal peronda yang beratnya 1,400 tan manakala bot nelayan Thailand itu hanya mempunyai bot yang 16 meter panjangnya. Nampaknya, kedua-dua bot yang 'versus' itu mempunyai perbezaan yang besar. Sungguhpun mereka berada di perairan Malaysia, tidak bolehkah pihak yang berkenaan memberi amaran ataupun menggunakan cara yang lebih sesuai. Tidak seperti ini di mana tindakan ataupun kuasa yang terlampau digunakan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Pengerusi, saya telah menjelaskan kepada Yang Berhormat tadi bahawa bagaimana kejadian itu telah dilaporkan dan ingin saya nyatakan di sini bahawa ada butir-butir berkenaan dengan insiden ini yang disiarkan di media massa di Thailand adalah tidak tepat. Jadi, laporan ini boleh mengelirukan sesetengah pemimpin dan juga rakyat Thailand. Begitu juga termasuk Ahli Yang Berhormat dari Seputeh dan kita juga telah menyatakan bahawa tembakan ini adalah tembakan amaran dan mereka ini lari dari kita dan kalau mereka lari dari mana dapat kita memberi amaran. Jadi, kalau mereka berhenti dan sudi untuk mendengarkan amaran itu, itu lain ceritanya. Jadi, inilah insiden yang telah saya gambarkan di sini untuk maklumat Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar juga telah menimbulkan

perkara mengenai APEC di mana kita mengucapkan terima kasih di atas keyakinan beliau dan telah memberi sokongan kepada kementerian dan pencapaian kementerian dalam APEC di Osaka yang lalu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia memang menerima baik keputusan-keputusan yang telah dibuat di mesyuarat menteri-menteri dan juga mesyuarat pemimpin-pemimpin APEC di Osaka baru-baru ini. Isu utama yang ditekankan oleh APEC di dalam mesyuarat ini ialah bagaimana meliberalkan perdagangan dan juga pelaburan di kawasan Asia Pasifik boleh dijalankan dan negara-negara Ahli APEC bersetuju bahawa ia boleh diusahakan oleh semua negara ahli melalui proses sukarela (voluntary) dan tanpa ikatan (non-binding) dan inilah prinsip-prinsip atau parameter yang Malaysia ketengahkan dan telah diterima bersama negara-negara APEC yang lain.

Tuan Pengerusi, mengenai isu EAEC ialah masih dalam proses pembentukan. Mesyuarat-mesyuarat Menteri Luar ASEAN dan Menteri-Menteri Ekonomi Asean di Brunei, pada bulan Ogos dan Oktober, 1995 yang lalu telah menekankan betapa pentingnya EAEC itu ditubuhkan secepat mungkin dan isu ini juga masih dalam perbincangan di Persidangan Kemuncak Asean di Bangkok.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin menyatakan terima kasih atas sokongan, kritikan dan pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1996 untuk Kementerian Luar Negeri ini.

Apa-apa yang saya tidak dapat jawabkan di sini, kita akan mengambil perhatian dan membuat pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM242,115,000 untuk maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM242,115,000 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM7,920,010 untuk Maksud P.51 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,920,010 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1996.

Maksud B.52 (Jadual)—

Maksud P.52 (Anggaran Pembangunan, 1996)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.52 dan Kepala Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

4.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Saya Sebut Maksud B.52, butiran 050000—Perkhidmatan Struktur dan Kejuruteraan Pakar dan 060000—Perkhidmatan Sokongan Teknikal.

Saya menyentuh satu pengumuman semalam oleh Executive Chairman Ekran

Berhad mengenai permulaan kerja pembinaan Bakun di mana beliau ada sebut mengenai pemberian award satu kontrak bernilai RM247 juta kepada satu syarikat Korea Selatan-Dong Ah Construction Industrial Company untuk membina tiga tunnel. Tunnel itu sejauh 3.16 kilometer. Ini merupakan peringkat pertama dalam pembinaan empangan Bakun.

Soalan saya di sini ialah kita perlu mengutamakan keselamatan dan memastikan bahawa mutu yang tinggi diadakan untuk semua projek pembinaan di tanah air kita dan kita mahu tahu kenapa kontrak ini diberikan kepada Dong Ah Construction Industrial Company tanpa tender dan sungguhpun Ekran Berhad dan Kementerian Kerja Raya patut tahu latar belakang syarikat ini. Apa latar belakang syarikat ini, Dong Ah Construction Industrial Company? Kita semua patut boleh ingat bahawa dalam Oktober tahun lalu, satu jambatan Sungai Seoul di ibu kota Korea jatuh—Suung Su Bridge jatuh; semua kereta, van, semua masuk dalam sungai. 32 orang meninggal dunia, menjadi mangsa. Inilah latar belakang syarikat ini.

Oleh kerana syarikat ini ialah syarikat yang membina Suung Su Bridge di Seoul River ini dan itu berlaku pada bulan Oktober tahun lalu. Tidakkah Ekran Berhad dan Kementerian Kerja Raya tahu mengenai latar belakang syarikat ini? Sebenarnya pada September tahun lalu, perbincangan-perbincangan sudah diadakan antara syarikat ini dengan Ekran mengenai projek ini. Oleh kerana mengikut satu laporan di South Korea, *South Korean Economic News*, *Korea Economic Daily* yang bertarikh September 1994 ada menyebut berita-berita yang dikeluarkan dari syarikat Dong Ah bahawa mereka dalam perbincangan untuk mendapatkan kontrak untuk membina tunnel di Malaysia.

Sekarang kita dapat laporan ini di 'confirm'kan dan apabila laporan itu

dikeluarkan, ialah selepas berita-berita dikeluarkan di mana ada didedahkan bahawa pegawai-pegawai Dong Ah ada memberi wang beratus-ratus ribu ringgit kepada pemimpin-pemimpin politik, adalah melibatkan dalam korupsi, wang politik dan lain-lain dan berita september 1994 ialah untuk memberi keyakinan balik bahawa sungguhpun begitu, syarikat ini boleh dapat kontrak-kontrak di luar negeri termasuk dalam Malaysia. Soalan saya ialah dengan latar belakang ini, apa usaha dijalankan khususnya untuk Kementerian Kerja Raya supaya mutu yang tinggi diadakan untuk segala projek pembangunan yang melibatkan syarikat-syarikat Korea.

Di Kuantan ada satu housing project di mana penduduk-penduduk perlu keluar, perlu dipindahkan oleh kerana ada risiko-risiko yang tinggi di mana bangunan-bangunan itu boleh runtuh. Kita tahu bahawa kontrak ini diberi bulan lalu, November dan mengikut Tan Sri Ting Pek Khiing bahawa second EIA sudah diluluskan oleh Lembaga Sumber Semulajadi dan Persekitaran pada 9hb Disember. Dalam EIA First Part (Bahagian I), tidak ada apa-apa rujukan kepada Diversion Sungai Balui Tunnel Project.

Saya tidak tahu sama ada diversion tunnel untuk Sungai Balui dalam Bahagian Kedua EIA oleh kerana ini tidak diumumkan sungguhpun Timbalan Perdana Menteri sudah memberi satu jaminan kepada NGO pada Julai bahawa semua bahagian EIA akan diumumkan sebelum kelulusan supaya rakyat NGO-NGO boleh memberi komen, boleh memberi pandangan tetapi tidak-sekarang sudah diluluskan. Adakah diversion tunnel itu jadi kontrak diberikan kepada Dong Ah Construction dalam EIA Part 2 dan kalau dalam EIA Part 2 pun terlalu lewat oleh kerana kontrak sudah diberi pada bulan November dan kerja sudah mula pada bulan November.

Kelulusan EIA Part 2 baru diberi pada 9hb Disember. Nampaknya di Malaysia,

kita bukan sahaja ada super rich, kita ada super individuals yang ada kuasa melampau kerajaan, menteri-menteri, jabatan-jabatan, boleh buat apa dia suka buat dan antaranya ialah Tan Sri Ting Pek Khiing. Ini satu isu yang penting oleh kerana kita mahu tahu raja sendirilah, raja jenis sendiri.

Kita mahu tahu tidak ada banyak kes keruntuhan, kejatuhan semacam Genting Highlands. Keruntuhan Genting Highlands, landslides tragedy, lebih daripada 20 orang meninggal dunia. Masa itu kita dapat kenyataan daripada Kementerian Kerja Raya, dalam satu bulan, sungguhpun Kabinet kata dua bulan habiskan siasatan, Yang Berhormat Menteri Kementerian Kerja Raya kata dalam satu bulan boleh habis. Sekarang sudah empat bulan, lima bulan. Apa sudah berlaku? Adakah apa yang semacam Penasihat Ekonomi kerajaan kita kata, Yang Berhormat dari Merbok kata, apabila ada tragedi, semua heboh-heboh. Semua panas tetapi tidak sampai lima minit, semua sudah lupa. Tunggu lagi tragedi datang dan laporan ini cold storage, semua sudah lupa.

Kenapa kita tidak boleh ada satu culture accountability yang lebih tinggi? Di sini saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab hari ini mengenai kerja twin towers. Semasa Soal Jawab saya ada tanya Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini oleh kerana semenjak bulan September ada khabar angin bahawa satu daripada twin towers condong dan ada mempengaruhi kerja-kerja di twin towers. mengikut jadual di peringkat sekarang patut ada 6,000 hingga 7,000 pekerja bekerja 24 jam.

Mungkinlah untuk semalam ada sedikit, tengok ada pekerja-pekerja di sana oleh kerana ada program atau aturcara khas. Tetapi Yang Berhormat Menteri

mengatakan dia ada mendapat laporan. Dia ada minta laporan, dan dia ada dapat laporan. Kita mahu tahu apa laporan ini yang ada diminta dan apa laporan yang didapati oleh Kementerian Kerja Raya mengenai keselamatan Twin Towers dan adakah kerja-kerja mengikut jadual dan adakah benar bahawa pakar-pakar ada dipanggil mengenai keselamatan Twin Towers?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya gulung. Akhirnya, saya harap kita boleh dapat satu penjelasan sebenarnya sama ada Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab mengenai perkara ini oleh kerana pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya tidak ada kuasa mengenai Twin Towers? Ini bukan dalam kuasa Kementerian Kerja Raya. Saya mahu tanya, benar atau tidak benar? Kalau itu benar, kenapa Yang Berhormat Menteri datang ke Dewan ini untuk memberi jaminan yang beliau tidak ada kuasa untuk memberi jaminan?

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian.

4.42 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh Maksud B.52, Butiran 020000—Jalan dan Jambatan dan Butiran 01400—Jalan Kuala Kerai, Gua Musang, Kuala Lipis, Raub dan Bentong. Dalam peruntukan untuk tahun hadapan diberi sebanyak RM3,890,000.

Tuan Pengerusi, jalan ini sekarang ditutup untuk lalu-lintas, sudah pun dua minggu dan diumumkan tadi,

kemungkinan ianya akan dibuka pada 18hb Disember 1995, ertinya hampir sebulan jalan ini ditutup. Kejadian tanah runtuh dan penutupan jalan dari Lipis ke Gua Musang ini acapkali berlaku. Kenapa pihak kementerian tidak mengambil langkah jangka panjang untuk memperbaiki jalan ini dan meningkatkan tarafnya supaya tidak berlaku, setiap musim sahaja jalan ini ditutup.

Kita tahu bahwa kenderaan yang melintas antara Kuala Lipis ke Gua Musang dan dari Lebuhraya Karak ke Gua Musang ini cukup banyak sekarang ini. Tetapi kita lihat, peruntukan yang diberi sebanyak RM3,890,000 ini hanya untuk memperbaiki jalan tersebut.

Tuan Pengerusi, kenapakah jalan yang begitu penting diabaikan oleh pihak kementerian, sedangkan kalaulah Kelantan itu adalah negeri yang diperintah oleh pembangkang, tetapi di Pahang - Pahang adalah negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional? Kalau menganiaya Kelantan, jangan lupa di Kelantan lebih 40% adalah penyokong Barisan Nasional. Mereka juga terpaksa menderita akibat daripada penutupan jalan ini yang begitu lama.

Saya nampak bahawa pihak kementerian tidak bertanggungjawab menguruskan jalan ini dengan baik dan tidak berusaha dengan bersungguh-sungguh sebab keruntuhan ini bukan berlaku sekali dan penutupan ini berlaku banyak kali. Kadangkalanya, ada orang yang mati, kadang-kadang bas hilang. Bukan hilang kerana accident, hilang dalam gaung kerana jalan itu, siangnyanya ada, malamnya tidak ada. Sekejap ada jalan, sekejap tidak ada jalan. Pihak kementerian ini nampaknya ambil endah tak endah masalah ini. Barangkali kerana kawasan ini adalah kawasan agak luar bandar dan tidak ada tauke-tauke besar yang melintasi jalan ini, maka mereka tidak diambil perhatian.

Saya ingin bertanya bilakah kerajaan hendak membina jalan ini sebaik mungkin dari Bentong ke Gua Musang supaya naik ke taraf lebih raya untuk kemudahan rakyat di kawasan pedalaman ini? Kita harap jawapannya dengan tepat dan janji yang betul dan tepat.

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya merujuk kepada Butiran 02400 - Jalan dan Jambatan Pasir Mas, Kelantan. Peruntukan diberi sebanyak Ringgit Malaysia setengah juta. sudah tentu Ringgit Malaysia setengah juta ini bukan untuk membuat jalan baru. Ia hanya memperbaiki jalan yang lama. Dahulu dijanjikan bahawajalan baru dari Jambatan Pasir Mas ke Kota Bharu dan seterusnya ke Pengkalan Chepa akan dibuat baru dan dijanjikan akan dibuat pada tahun 1993, tetapi sampai sekarang kita lihat tidak ada peruntukan dan sudah tentu jalan baru itu tidak dibuat.

Jambatan Pasir Mas ke Kota Bharu penuh sesak dan ia melalui kampung-kampung yang agak susah untuk diperbesarkan. Kita harap jalan baru yang telah dirangka dan pihak JKR negeri, saya telah melihat pelan itu dan katanya hendak dibuat pada tahun 1993, sampai sekarang tidak ada peruntukan. Inilah yang kita hairan, apabila berceramah di kampung-kampung, Menteri-menteri kata Malaysia ini kaya, wang banyak, tetapi bila datang ke Parlimen, tidak ada duit, tidak ada peruntukan. Inilah yang kita lihat, realiti lain dan cakupannya lain! Jalan Persekutuan adalah jalan di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat, sebab itulah saya datang minta di sini. Kalau hak Kerajaan Negeri, saya akan minta daripada Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya ingin menyentuh Butiran 010700 iaitu Ikram. Ikram sekarang ini semakin penting kerana, melalui Ikram inilah dibuat kajian-kajian mengenai tebusguna tanah, kajian-

kajian terhadap bangunan dan sebagainya. Kelulusan daripada Ikram amatlah penting. Ada bangunan-bangunan kerajaan yang dibuat tanpa kelulusan Ikram, akhirnya, jadilah pemendapan seperti yang berlaku terhadap Sekolah Vokasional di Seremban di mana perkara ini telah dibincangkan panjang-lebar dalam Laporan Ketua Audit Negara. Yang saya ingin tekankan di sini iaitu peranan Ikram ini mesti dipertingkatkan supaya semua bangunan kerajaan yang hendak didirikan mesti melalui kelulusan daripada Ikram dan Ikram akan membuat kajian yang terperinci sebelum bangunan itu dibuat.

Tuan Pengerusi, masalahnya, mereka yang terlibat dalam Ikram adalah engineers yang bertauliah, engineers yang qualified. Setakat mana mereka dapat bertahan dalam Ikram, sedangkan mereka berkhidmat dalam JKR, dalam Ikram, gaji mereka terlalu rendah dibandingkan dengan rakan-rakan mereka yang mempunyai konsultant tersendiri di peringkat swasta. Oleh itu, mereka yang duduk di Ikram ini, kalaulah tahap gaji yang ada seperti sekarang kepada engineers tersebut, tidak lama mereka dapat bertahan.

Memang slogan pegawai-pegawai kerajaan supaya berkhidmat. Betul, berkhidmat, tetapi selama mana slogan itu hendak dipertahankan? Menteri pun ambil gaji lebih, Exco-exco terlibat, misalnya ambil komisyen dan sebagainya, inikan pula pegawai-pegawai kerajaan. Mereka diminta supaya berkhidmat, tetapi gaji mereka tidak sepadan, sedangkan mereka golongan profesional. Sebab itu, kalau kita hendak mempertingkatkan peranan Ikram, kita juga hendaklah melihat gaji keseluruhannya di dalam kerajaan sekarang ini, terutama sekali mereka yang qualificationnya di peringkat profesional di mana perbandingan bayaran yang diberi sekarang di peringkat swasta dengan kerajaan terlalu jauh, lima atau enam kali ganda gaji yang diperolehi di peringkat

swasta dengan mereka yang berkhidmat di peringkat kerajaan. Oleh itu, perkara ini kita harap pihak kerajaan mengambil perhatian di sudut skim gaji, terutama golongan profesional, khasnya pegawai-pegawai ataupun engineers yang berkhidmat di Ikram ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya merujuk kepada Butiran 02000 - Lembaga Lebuhraya Malaysia. Memang apabila jalan raya diswastakan dan dikorporatkan, kita dapati bahawa kenaikan tol begitu ketara sekali. Kita selalu dijanjikan bahawa kenaikan itu berpatutan, tetapi kita lihat sekarang ini, kalau kita menggunakan kereta Kancil dari Kuala Lumpur ke Alor Setar, sudah tentulah lebih mahal tol daripada minyak.

Kenaikan harga tol ini, kita lihat atas alasan, di antaranya, gaji dan penyelenggaraan jalan raya itu sendiri. Memang saya sebutkan tadi, bila jalan dibina oleh JKR, kita tahu gaji engineers JKR adalah sebanyak RM2,000 atau RM3,000, tetapi apabila ianya diswastakan dan syarikat mengambil alih, syarikat yang mengendalikan jalan raya itu, gaji juruteraanya sebanyak RM20,000, RM25,000 atau RM15,000. Oleh itu, penyelenggaraanya begitu tinggi.

Kerajaan hendaklah mengkaji semula perkara ini supaya pengguna tidak dibebankan dengan begitu banyak dan sekarang, misalnya, kita lihat Kuala Lumpur telah dikepong dengan tol. Masuk ikut mana pun, kena tol sekarang. Boleh dikatakan sudah tidak dapat lari. Kalau kita datang dari Pahang, kita kena di Karak; kalau kita datang dari Cheras dan Kajang, kena di Cheras; datang dari Seremban, kena di Sungai Besi; datang dari Kelang, dua tempat kena tol; datang dari Kuala Lumpur, kena di Jalan Kuching dan juga lebuhraya utama. Boleh dikatakan, satu-satunya bandaraya dalam dunia yang dikepong dengan tol ialah Bandaraya Kuala Lumpur.

Nasib baiklah rakyat Malaysia ini rakyat yang baik dan mereka memberontak lagi sekarang di sudut undi pembangkang dan sebagainya. Tetapi penderitaan mereka semakin ketara sekarang ini. Walaupun Belanjawan dijanjikan akan memberikan kelegaan kepada rakyat tetapi rakyat mengeluh sekarang dengan kenaikan harga tol, begitulah kenaikan servis-servis lain, IWK, proses najis dan sebagainya. Jadi, kita lihat perkara ini begitu meningkat sekali. Pihak kerajaan hendaklah mengkaji secara menyeluruh. Lebuhraya tol katanya, bahawa mereka boleh guna lebuhraya tol atau tidak guna tetapi sekarang orang memilih lebuhraya tol ini kerana ianya cepat dan sebagainya. Janganlah pula dengan kita memberi khidmat boleh cepat, boleh jimat minyak dan sebagainya, kita memberi peluang kepada syarikat-syarikat ini menaikkan harga tol dengan sesuka hati.

Memang Kabinet membuat kajian, tetapi selalunya Kabinet tunduk dengan tauke-tauke, kontraktor-kontraktor ini, jarang sekali Kabinet tidak tunduk kepada tauke tetapi Kabinet selalunya tunduk kepada tauke tetapi Kabinet jarang tunduk kepada rakyat. Inilah keadaan yang berlaku yang menyebabkan timbulnya "Raja-Raja" yang hebat di Malaysia sekarang seperti Tan Sri Ting Pek Khiing dan sebagainya. Kadang-kala kita nampak mereka inilah pemerintah yang sebenar, bukan lagi Barisan Nasional kerana tauke-tauke ini begitu berkuasa di Malaysia sekarang untuk menentukan kedudukan ekonomi negara.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, SibU.

4.52 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu):
Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin

merujuk Butiran 04000. Butiran 04001, Butiran 04002, Butiran 04003, Butiran 04004, Butiran 04100, Butiran 04201 dan Butiran 04300.

Tuan Pengerusi, jumlah peruntukan untuk jalan raya dan jambatan di negeri Sarawak pada tahun depan hanya RM107.8 juta iaitu lebih kurang RM63.6 juta kurang kalau dibandingkan dengan tahun ini. Beberapa kali, Tuan Pengerusi di Dewan yang Mulia ini, Wakil-wakil Rakyat dari Sarawak termasuk saya sendiri telah merayu untuk tambahan peruntukan untuk membina infrastruktur di negeri Sarawak termasuk jalan raya dan jambatan kerana di Sarawak infrastruktur masih jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Sepatutnya peruntukan untuk tahun-tahun depan untuk Sarawak perlu dinaikkan terus. Tuan Pengerusi, saya ingin tanya dari peruntukan RM22.6 juta untuk jalan raya utama di Sarawak pada tahun depan, manakah kawasan di Sarawak akan menerima peruntukan itu dan nama jalan dan berapa jauh di dalam kilometer akan dibuat?

Tentang pembangunan Lebuhraya Pan-Borneo, Tuan Pengerusi, hanya diperuntukkan RM2.7 juta sahaja. Ini saya ingin tanya apakah ini akan digunakan untuk membina apa dan saya mahu tanya, dengan izin, progres pembangunan Jambatan Durin menyeberangi Sungai Rajang, bila akan mulai dibina? Untuk makluman Dewan yang mulia ini, density lalu lintas di kawasan Durin telah cukup banyak dan barisan kenderaan yang menunggu terlalu panjang dan masa menunggu biasanya, khasnya di hari Sabtu atau di hari minggu atau hari cuti selama 3 jam. Dengan itu, saya merayu dengan ikhlas kepada Kementerian Kerja Raya supaya membina Jambatan Durin secepat mungkin dan juga menyasat kemungkinan membina jambatan di Sungai Assan dan

di Sungai Midu atas alasan yang sama yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, tentang Jalan ke projek Lektrik Hydro, sebanyak RM62 juta, saya ingin tahu di mana ini akan dibuat dan berapa jauh? Peruntukan RM10.9 juta kepada lain-lain jalan raya besar di Sarawak, saya pun ingin tahu di kawasan mana dan berapa kilometer akan dibuat? Dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan bahagian Jalan Oya dari bulatan lalu lintas, di junction, dengan izin, Jalan Oya dan Jalan Lapangan Terbang Sibu ke Selangau perlu diperluaskan dengan dual-carriage, dengan izin, kerana density lalu lintas cukup tinggi dan telah banyak berlaku kemalangan.

Dari jumlah RM7.6 juta diperuntukkan kepada Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak, saya ingin tahu di mana dan berapa jauh ini akan dibuat.

Akhirnya, saya merayu kementerian menyasat kemungkinan untuk membina jalan sambungan Kawasan Nansam, Sibu ke Jalan Oya dan sepanjang Jalan Maling, Sibu ke Kawasan Nansam terus ke Sungai Teku kerana di kawasan tersebut penduduk ramai dan sekarang jalan juga terlalu kurang, lalu lintas pun terlalu tinggi. Itulah sahaja Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bagan ya. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab ya.

4.57 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Tuan Pengerusi, Butiran 010100—Pentadbiran dan Penyelenggaraan Bangunan.

Tuan Pengerusi, dalam ucapan dasar saya sebulan yang lepas dalam Dewan ini, saya telah menyentuh berkenaan

sebuah bangunan perpustakaan di Jalan Pantai, Butterworth, bahawa bangunan ini telah tidak selamat dipakai dan saya khawatir pada suatu hari nanti ia akan runtuh. Saya minta Timbalan Menteri memberi jawapan sama ada dalam satu bulan yang lepas ini, adakah satu siasatan telah dijalankan berkenaan dengan bangunan ini dan saya merayu supaya kalau didapati bahaya, jangan ragu-ragu mengisytiharkan bangunan ini sebagai satu bangunan yang bahaya dan tidak sesuai lagi dijadikan sebagai sebuah perpustakaan.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000—Jalan dan Jambatan, terutama sekali Butiran 02000—Skim Mengatasi Kesesakan Lalu Lintas di Pulau Pinang. Sejumlah RM5.8 juta telah diperuntukkan untuk maksud ini dan saya nampak jumlah ini amat kecil dan saya ingin tahu apa bentuk projek yang akan dilaksanakan ini? Pada masa-masa yang lepas, kami telah mendengar satu projek iaitu Lebuhraya Lingkaran Luar Bandar mahupun di Pulau Pinang dan juga di Seberang Perai, apa kedudukan berkenaan dengan projek Lingkaran Luar Bandar ini untuk mengatasi kesesakan lalu lintas.

Tuan Pengerusi, Butiran 02800—telah diperuntukkan sejumlah besar, iaitu lebih kurang RM124,860,000 untuk Membaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan.

Tuan Pengerusi, Jalan Persekutuan Satu di Butterworth telah diturap lebih kurang dua tahun dahulu oleh sebuah Syarikat Dollomite. Selama dua tahun yang lepas ini jalan ini sangat elok, sangat senang dan juga baik diguna oleh semua kenderaan. Tetapi baru-baru ini, Jalan Bagan Jermal, Jalan Bagan Ajam dan Jalan Telok Ayer Tawar telah dikorek oleh STMB (Syarikat Telekom Malaysia Bhd.) untuk menanam kabel. Selepas

mengorek saluran kabel ini, mereka menambun atau memperbaiki jalan itu dengan cara tidak profesional, iaitu tinggi-rendah atau ketebalan atau 'thickness of the premix,' dengan izin, tidak mencukupi. Saya merasa sangat dukacita bahawa sebuah jalan yang baru diturap dengan berjuta-juta ringgit telah dikorek oleh STMB dan dibiarkan begitu sahaja.

Saya ingin bertanya di sini, sebelum pengorekan saluran kabel ini, sama ada satu persetujuan telah diperolehi dari JKR, dan adakah sejumlah wang deposit telah dideposit kepada Bahagian JKR di Pulau Pinang ini? Jikalau ada, sama ada JKR boleh menerima taraf ataupun keadaan mereka membaiki saluran yang telah dikorek itu?

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan jambatan. Satu jumlah yang amat besar telah diperuntukkan untuk memperluas dan menaikkan taraf jambatan-jambatan di seluruh negara kita. Satu di antaranya Jambatan Tunku Abdul Rahman di Prai, Butterworth. Tidak dinafikan bahawa jambatan ini perlu diperluaskan. Dalam proses memperluaskan jambatan ini, sepatutnya kontraktor yang dapat tender ini, mereka patut ada meramalkan satu rancangan dalam proses pembinaan. Mereka perlu memperuntukkan satu jumlah preliminary untuk menyediakan tapak atau platform untuk kerja-kerja pembinaan jambatan ini. Tetapi tidak. Jambatan ini perlu diperluaskan dari dua lorong sehingga empat lorong dan mereka memakai platform jambatan yang sedia ada untuk kerja-kerja pembinaan. Ini adalah mengorbankan hak pengguna-pengguna jalan ini. Pada bulan Oktober tahun ini, mereka tutup jambatan ini hanya untuk menjalankan concreting atau kerja konkrit untuk titi ini. Ini menyebabkan satu kesesakan yang tidak pernah berlaku di Bandar Butterworth ini. Kereta-kereta semua boleh dikatakan 'paralysed,' dengan izin.

Tadi saya telah katakan, kontraktor ini sebelum beliau menender kerja ini, beliau kena mengaturkan satu program, satu persediaan di mana mereka tidak boleh mengorbankan hak-hak pengguna jalan ini. Bukan sahaja pada bulan Oktober yang lalu satu kesesakan kritikal telah berlaku, dan bukan ini sahaja sekali gus tidak akan berlaku lagi. Saya mendapat tahu bahawa proses membina jambatan ini kena dibahagikan kepada enam peringkat. Itu bermakna lima kali lagi kesesakan yang begitu hebat akan berlaku di Butterworth ini. Ini bukanlah satu keadaan di mana kami ingin tengok di Butterworth ini. Saya berharap pihak JKR boleh mengadakan satu perbincangan atau satu meeting dengan kontraktor ini supaya satu cara boleh diatur, jangan menutup jambatan ini untuk tujuan pembinaan sahaja.

Tuan Pengerusi, Butiran 080100—Membaiki Cerun Runtuh. Tuan Pengerusi, seperti tadi Yang Berhormat dari Tanjong telah berkata, Genting Highlands telah berlaku cerun runtuh dan telah melibatkan lebih dari 20 orang maut. Dan juga di Cameron Highlands baru-baru ini pada bulan November, di mana satu cerun telah runtuh mengakibatkan penutupan lalu-lintas tercetus beberapa hari. Di Pulau Pinang juga tidak dapat dielakkan, beberapa tempat telah berlaku cerun runtuh. Saya ingin tahu di sini, apakah sebab yang mengakibatkan cerun-cerun ini runtuh? Perkara ini tidak pernah berlaku dengan sebegitu serius pada masa-masa yang lampau. Tetapi pada masa ini, cerun-cerun ini runtuh dengan begitu teruk, dan ini bukan sahaja akan berakhir, ia akan berulang lagi di mana-mana tempat, entahlah kita tidak tahu.

Mungkinkah ini kerana pemajuan yang dijalankan di atas bukit ataupun penebangan atau potongan pokok-pokok yang berlebihan. Saya harap pihak JKR

sebelum meluluskan satu plan kerja-kerja tapak atau earthwork plan, perlulah mereka meninjau akibat yang akan berlaku setelah projek itu dijalankan. Sekiranya ia akan melakukan sesuatu yang tidak diinginkan, patut dikorbankan pemajuan itu. Bukan oleh kerana hendak kemajuan, dan boleh dikorbankan nyawa dan harta orang lain hanya untuk tujuan yang itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa yang Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, satu lagi Tuan Pengerusi. Butiran 080400—iaitu sejumlah RM365,740,000 telah diperuntukkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia. Saya ingin tahu apakah maksud ini? Sebab dalam Butiran ini tidak ada apa-apa. Ia hanya Butiran 080400—Lembaga Lebuhraya Malaysia, dan jumlah RM365,740,000 tidak dibutirkan sebagai apa maksud dan apa kegunaan. Saya ingin tahu perkara ini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara di bawah Butiran-butiran yang bersangkutan dengan Kementerian Kerja Raya, di mana antara lain perkara-perkara yang disebutkan seperti berikut.

Yang Berhormat dari Tanjong telah mempersoal tentang pemberian kontrak kerja kepada sebuah syarikat Korea yang bernama Dong Ah Construction Industrial Company untuk membina tiga batang tunnel atau terowong bagi projek Hidro Bakun yang bernilai sekian banyak. Ingin

saya maklumkan bahawa perkara ini yang diberikan oleh Syarikat Ikram, sepatutnya perkara ini juga dibangkitkan semasa soal jawab dengan kementerian yang berkenaan, iaitu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang bertanggungjawab tentang projek berkenaan.

Yang Berhormat dari Tanjong juga telah memberikan tanggapan bahawa Syarikat Dong Ah yang pernah membina sebuah jambatan yang roboh di Korea dan mendapat kontrak di Malaysia melalui cara-cara yang tidak begitu baik yang mungkin juga berlaku di sini. Saya ingin mengingatkan di sini bahawa barangkali apa yang berlaku di Korea tidak sama seperti apa yang berlaku di Malaysia. Jadi, culture ataupun budaya di sana tidak boleh disamakan dengan budaya di sini, terutama sekali berhubung dengan perkara-perkara yang berunsur rasuah dengan anggapan apa yang berlaku di Korea boleh berlaku di Malaysia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong juga telah menimbulkan, menanyakan tentang laporan tanah runtuh di Genting Highlands yang berlaku pada 30hb Jun lalu. Sejajar dengan ini, ingin saya maklumkan di sini bahawa semenjak itu sebuah Jawatankuasa Teknikal telah pun ditubuhkan dan telah menjalankan penyasatannya dan telah menyampaikan laporannya kepada kerajaan yang mengandungi beberapa perkara yang mana antaranya telah menyebutkan bahawa akibat-akibat bencana alam yang berlaku pada 30hb Jun lalu, bergantung kepada faktor-faktor seperti keadaan permukaan tanah yang sememangnya tertakluk kepada pengaruh cuaca dan juga sepanjang bulan Jun yang lalu 24 hari berada dalam keadaan hujan, 24 hari telah hujan dari 30 hari. Jadi, dengan sendirinya ini bererti, sensitiviti tanah atau kemungkinan tanah runtuh tidak dapat dielakkan.

Dan di samping itu juga, kajian topographi dari udara menunjukkan

bahawa ada tanda-tanda tanah runtuh pernah berlaku di persekitaran kawasan di mana berlakunya tanah runtuh yang dimaksudkan. Sedangkan, keadaan foundation jalan yang ada tidak berubah yang menunjukkan keadaan yang berlaku tidak disebabkan oleh kerana ketiadaan kekuatan jalan yang sedia ada. Oleh yang demikian, laporan yang dimajukan walaupun belum muktamad telah menunjukkan tanda-tanda kebanyakan perkara-perkara yang berlaku berakibat daripada pengaruh alam sekitar itu sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Laporan itu yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, laporan yang dikemukakan dan dibincang oleh Kabinet, dua minggu atau tiga minggu selepas bencana itu berlaku. Dan adakah benar bahawa kabinet tidak puas hati dengan laporan itu oleh kerana tidak lengkap dan mahu satu siasatan yang terperinci diadakan dan kenapa sampai sekarang laporan itu tidak siap, belum bersedia untuk diumumkan kepada orang ramai?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, ingin saya maklumkan di sini, apa yang berlaku ialah memang laporan-laporan yang diberi ini boleh dikatakan adalah memadai kehendak ataupun untuk menjawab kepada perkara yang berlaku pada peristiwa berkenaan. Hanya yang belum ialah memperhalusi lagi laporan ini supaya ianya lebih kemas daripada apa yang sudah pun siap.

Berhubung dengan twin towers...

Tuan Lim Kit Siang: Dua bulan kementerian ada tindakan sendiri untuk habiskan siasatan. Sekarang sudah 5 bulan,

6 bulan, kenapa begitu lama; sebenarnya berapa lama lagi perlu untuk menghabiskan siasatan dan bila kerajaan rela untuk mengumumkan kajian itu kepada orang ramai?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, untuk memastikan masa yang tepat, Walaupun kerajaan telah menjanjikan 2 bulan, kadang-kadang berlaku perkara-perkara di luar dugaan kita kerana ada agensi-agensi yang ditugaskan yang perlu membuat penelitian secara bermesyuarat dengan pihak-pihak berkenaan dan usaha ini memakan masa yang begitu panjang dan lain-lain tindakan yang juga memakan masa yang begitu panjang yang boleh melebihi masa yang diperuntukkan. Jadi, kalau pun 4 bulan, 5 bulan ataupun 6 bulan, sudah melebihi daripada masa yang diuntukkan, saya percaya akhirnya laporan yang muktamad juga akan dikeluarkan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan twin towers sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Menteri Kerja Raya telah menjanjikan beliau akan memberi jawapan. Saya ingin memberitahu di sini bahawa projek Twin Towers walaupun bukan di bawah jagaan JKR dan Menteri Kerja Raya memberikan jaminan kepada Yang Berhormat dari Tanjong barangkali berupa jaminan untuk memberitahu sahaja jika beliau ketahui apa yang sebenarnya berlaku. Untuk makluman Yang Berhormat saya sendiri pun belum mengetahui apa yang sebenarnya berlaku daripada dakwaan-dakwaan yang mengatakan bahawa bangunan berkenaan telah condong.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah mempersoalkan jalan Bentong-Gua Musang dan juga jalan Pasir Mas, mengapa belum dibina seperti yang dijanjikan sekian lama. Berkenaan dengan jalan Pasir Mas, kerja-kerja awalan

memang telah pun dijalankan dengan peruntukan RM500,000 yang berupa peruntukan yang diberikan untuk membuat kerja-kerja kajian dan kaji selidik dan sebagainya. Dan berhubung dengan jalan-jalan lain yang termasuk dalam senarai jadual yang akan dibina di Semenanjung Malaysia juga termasuk beberapa batang jalan, termasuk juga jalan Bentong dan Gua Musang yang disenaraikan untuk dibina sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh.

Menyentuh berkenaan dengan Ikram, di mana Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah menyebutkan bahawa pegawai-pegawai yang menganggotai IKRAM...

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan tentang penutupan jalan sekarang ini antara Lipis ke Gua Musang itu. Apakah sebab dan akibat yang menyebabkan jalan itu ditutup, punca runtuhan dan jaminan bilakah ianya akan dibuka untuk laluan orang ramai? Minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Oleh kerana kerja-kerja pembaikan masih berjalan sebaik-baik sahaja ianya siap, ianya akan dibuka semula untuk laluan orang ramai. (Ketawa)

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Ikram Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah menanyakan tadi, mempersoalkan berkenaan dengan skim gaji yang rendah, yang menyebabkan keefektifan kerja-kerja yang dijalankan oleh Ikram itu sendiri. Ingin saya

maklumkan di sini bahawa Ikram adalah sebuah agensi kerajaan yang mana gaji dan aturan kerja tertakluk kepada scheme of service kerajaan yang bergantung kepada perkhidmatan tersebut dan memang kita akui bahawa kerja-kerja yang dijalankan oleh Ikram adalah kerja-kerja yang merangkumi banyak hal skop dalam penglibatannya berhubung dengan pembinaan-pembinaan jalan, bangunan dan sebagainya di samping ianya juga menjalankan kerja latihan untuk melatih pegawai-pegawai yang berkenaan yang berhubung kait dengan tugasnya sendiri.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bahawa kita akan mengambil iktibar bagi mempertingkatkan lagi peranan yang dijalankan oleh Ikram ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Lembaga Lebu Raya. Berhubung dengan mengkaji semula tol yang membebankan yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian sebentar tadi, yang boleh menyebabkan kemarahan rakyat, kata beliau kabinet pernah tunduk kepada tauke tetapi tidak pernah tunduk kepada rakyat. Tetapi, terbukti apa yang dilakukan oleh kerajaan, kemenangan Barisan Nasional baru-baru ini telah membuktikan penerimaan rakyat terhadap kerajaan dan kenaikan tol yang dilakukan oleh kerajaan adalah wajar berdasarkan agreement-agreement ataupun perjanjian-perjanjian yang telah dibuat di antara kerajaan dengan syarikat-syarikat konsesi, bukan semata-mata untuk menaikkan tol dengan sewenang-wenangnya.

Namun demikian, kerajaan sentiasa peka terhadap kesensitifan rakyat mahupun mana-mana pihak di atas kenaikan tol ini yang berlaku dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Sibü telah menimbulkan soal peruntukan sebanyak

RM2 juta di bawah Butiran 04001-Jalan Besar Utama iaitu yang melibatkan Jalan Raya/Jambatan di Sarawak. Ingin saya maklumkan di sini, peruntukan berkenaan ialah untuk Jalan Miri/Bintulu dan Lundu. Begitu juga halnya dengan 04002 Lebuhraya Pan Borneo yang melibatkan pembinaan lebihan ataupun yang akhir sekali bagi kawasan Lawas, Limbang dan Merapoh.

Bagi Butiran 04003-Jalan ke Projek Letrik Hydro, sebanyak RM62 juta, ingin saya maklumkan di sini bahawa peruntukan berkenaan ialah bagi membina jalan sejauh 9 kilometer ke Bakun dan juga selebihnya sebanyak RM12 juta ke Jalan Batang Ai.

Tuan Pengerusi, peruntukan selainnya yang disebutkan di bawah 04300-Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak sebanyak RM7,625,000 ialah untuk Jalan Simunjan/Sebuyau/Batang Ai dan Tanjong Asam.

Tuan Robert Lau Hoi Chew:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Sibü bangun.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Pengerusi, saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bilakah jambatan menyeberangi Sungai Rajang di Durin akan mulai dibina.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, jambatan menyeberangi Sungai Durin merupakan salah satu projek besar yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Soal waktunya belum dapat kita pastikan kerana kita ada lima tahun. Ahli Yang Berhormat sabarlah, akhirnya jambatan Sungai Durin juga akan dibina dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah menyentuh berkenaan dengan Syarikat

Telekom yang mengorek lubang untuk menanam wayar atau kabel sama ada, ada perbincangan dibuat dengan JKR atau tidak. Pada kebiasaannya, memang kerja-kerja yang dijalankan ada perundingan jagaan bagi mengorek jalan-jalan di bawah JKR, di mana jabatan-jabatan berkenaan akan membaikinya semula seperti sedia kala sebelum jalan itu dikorek.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang penjelasan tentang Yang Berhormat terangkan tadi. Adakah Yang Berhormat sedar, bahawa tidak ada penyelarasan di antara Jabatan Pendidikan dengan JKR apabila peruntukan sebanyak RM1 bilion yang telah diberikan oleh kerajaan bagi membaik pulih bangunan-bangunan sekolah dan juga bangunan-bangunan kerajaan telah dijalankan oleh pihak JKR tanpa berunding terlebih dahulu dengan pihak-pihak sekolah dan jabatan-jabatan kerajaan?

Ini menyebabkan kadang-kadang kerja yang telah dijalankan dibuat semula oleh pihak JKR, jadi ini merugikan sekolah-sekolah yang berkenaan. Jadi, apakah tindakan yang telah kementerian ambil untuk menyelaraskan projek-projek? Adakah menyelarasan ini dibuat secara serius ataupun tidak kerana banyak peruntukan yang diberikan kepada JKR, kadang-kadang dijalankan mengikut kehendak JKR sendiri?

Datuk Railey Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan, biasanya kita panggil 'projek kilat' iaitu projek-projek membaiki sekolah-sekolah, ialah

setelah mendapat tahu daripada Jabatan Pendidikan ataupun Kementerian Pendidikan berkenaan sesebuah sekolah yang perlu dibaiki, daripada aspek apa ianya perlu dibaiki dan sebagainya.

Jadi, kalau ada kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam proses kerja-kerja yang dijalankan, insya-Allah kita akan rujuk semula kepada Kementerian Pendidikan, kalau ada aduan-aduan akibat daripada ketidakpuasan hati pihak-pihak sekolah umpamanya daripada segi kerja-kerja yang dilakukan oleh JKR sendiri.

Tuan Pengerusi,.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yan bangun lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya bangkitkan isu ini kerana banyak sekolah telah cuba untuk menyelaraskan dengan pihak Jabatan Kerja Raya ataupun Kementerian Kerja Raya, tetapi perkara ini tidak dapat diselesaikan dan kalau Yang Berhormat hendakkan laporan yang sebenarnya, Yang Berhormat boleh ataupun kementerian boleh mendapat laporan daripada Pegawai Pendidikan Daerah ataupun Jabatan Pendidikan itu sendiri kerana contohnya, Tuan Pengerusi, di kawasan saya sink bilik air itu diganti sedangkan sink itu elok lagi. Kadang-kadang tempat yang perlu dibuat, tidak dibuat. Itu yang pertama.

Yang keduanya, pihak JKR juga telah melantik satu main contractor dan main contractor ini di sub balik kepada kontraktor-kontraktor kecil dan pihak sekolah tidak dapat berurusan dengan

pihak sub contractor kerana sub contractor mengatakan: "Ini saya dapat daripada main contractor", dan main contractor mendapat arahan daripada JKR.

Tuan Pengerusi, jadi, ini memang merugikan duit rakyat. Jadi, apakah pihak kementerian akan memandang serius tentang perkara ini dan membuat siasatan selanjutnya untuk menyelesaikan masalah ini supaya tidak berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Datuk Railey Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, sudah tentulah, kalau ada aduan yang seperti ini, kita anggaplah perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan pada hari ini, satu perkara yang kita pandang serius dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyasiat sama ada perkara ini benar berlaku ataupun tidak. Barangkali, bukan sahaja di Yan sahaja, mungkin juga berlaku di mana-mana tempat pun.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bagan juga tadi telah menyebut supaya bila ada jalan-jalan yang perlu dibaiki di Butterworth, supaya kerja-kerja yang dijalankan janganlah menutup jalan sehingga menyebabkan trafik jam dan sebagainya. Ini juga kita akan mengambil tindakan sewajarnya, sama ada jalan-jalan yang di bawah jagaan JKR mahupun di bawah jagaan pihak PLUS.

Tuan Lim Hock Seng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bagan bangun.

Datuk Railey Haji Jaffrey: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa apa yang saya maksudkan tadi iaitu berkenaan dengan STMB mengorek jalan di Jalan

Persekutuan I. Selepas mengorek tidak tampal atau tidak diperbaiki dengan secara profesional. Mereka hanya menurap dengan tar yang tidak mengikut specification dan ini mengakibatkan jalan yang telah diturap dua tahun yang lepas begitu cantik dan elok sekarang telah jadi hodoh kerana telah jadi rosak lagi. Saya mempertikaikan sama ada deposit telah diberi kepada JKR dan persetujuan telah diperolehi, jikalau persetujuan telah diperolehi dari JKR dan deposit ada berdekatan dengan JKR, apakah pihak JKR boleh terima standard atau taraf memperbaiki jalan ini?

Jikalau JKR mahu menerima standard yang diperbaiki, atau terima apa yang dibuat oleh subcontractor, kami tidak ada apa-apa yang hendak dicakapkan lagi, ini satu pembaziran duit rakyat sahaja.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, sememangnya setiap kali jabatan-jabatan ataupun agensi kerajaan mengadakan kerja yang sedemikian, mengorek jalan, menanam kabel elektrik, telekom ataupun lain-lain yang melibatkan jalan-jalan di bawah jagaan JKR, mestilah mendapat kebenaran daripada Bahagian Jalan dan mereka kenalah menutup balik jalan-jalan seperti spesifikasi semula jadi jalan-jalan itu sebelum dikorek seperti yang telah saya katakan tadi.

Oleh kerana Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara ini, ia menampakkan kepada saya sebagai satu perkara yang tidak memuaskan kerjanya, insya-Allah akan siasat dan pastikan apa yang telah dilakukan dapat diperbaiki seperti sediakala.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan juga

Tuan Lim Hock Seng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Ini adalah berkenaan dengan kerja-kerja melebarkan jambatan dan bukan jalan seperti apa yang dijawab oleh Yang Berhormat tadi. Saya mempertikaikan kerja-kerja melebarkan Jambatan Tunku Abdul Rahman di Prai dan kontraktor telah menutup sebahagian jambatan ini untuk kerja-kerja pembesaran ini.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah satu rancangan mesti diadakan untuk memperbaiki jambatan ini dan bukan mengorbankan hak-hak pengguna menggunakan jambatan ini seperti mengatakan satu pontoon di sungai itu dan pontoon itu boleh muat sebuah crane untuk menjalankan kerja-kerja dan bukan memakai muka jambatan itu sebagai satu tapak untuk itu sebagai menapakkan sebuah crane atau sebuah lori untuk mengangkut dan membawa barang-barang pembinaan. Itulah maknanya dan itu yang berlaku. Penutupan jambatan ini selama dua atau tiga hari telah mengakibatkan satu kesesakan yang begitu teruk di bandar Butterworth dan ini bukanlah yang terakhir sekali, 5 kali lagi hendak ditutup jambatan ini. Jadi, sama ada kerajaan boleh membenarkan perkara ini berlanjutan, saya tidak faham.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, kalau benar berlaku begitu, kita akan jalankan penyiasatan dan memastikan cara apa yang paling sesuai untuk mengelakkan supaya jangan jambatan ditutup yang menyebabkan kesesakan di sempadan jalan mahupun di jambatan sendiri yang sepatutnya digunakan oleh para pengguna ataupun motorist yang lalu lalang setiap hari menggunakan jambatan berkenaan. Itu saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kita akan adakan siasatan, kalau benar berlakunya perkara itu disebabkan oleh kontraktor menggunakan jambatan sebagai tapak

pembinaan untuk membesarkan jambatan yang sedia ada.

Yang Berhormat dari Bagan juga tadi telah menyentuh tentang cerun-cerun runtuh, terutama sekali di Cameron Highlands dan sebagainya. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa masalah cerun runtuh di akhir-akhir memang menjadi satu perkara yang telah menarik perhatian umum begitu besar sekali, termasuk Kementerian Kerja Raya sendiri. Oleh sebab itu, akibat daripada sama ada peristiwa di Cameron Highlands, Genting Highlands mahupun yang lain-lain, Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan semua Jabatan-jabatan Kerja Raya di seluruh Malaysia untuk melakukan kajian di negeri masing-masing bagi memastikan cerun-cerun yang berisiko tinggi supaya dapat kita mengambil perhatian untuk diperbaiki sebelum ianya menyebabkan keruntuhan yang lebih serius yang boleh mengakibatkan kerosakan ataupun menghapuskan foundation jalan sama sekali yang akan memakan belanja yang lebih besar untuk dibaiki atau dibina semula pada masa-masa yang akan datang. Untuk itu, Kementerian Kerja Raya telah pun meminta kepada kerajaan supaya peruntukan khas diadakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini khas untuk membaiki cerun-cerun runtuh di seluruh negara memandangkan perkara itu begitu serius sekali.

Akhir sekali, Yang Berhormat dari Bagan juga telah menimbulkan berkenaan dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM365,740,000 di bawah Program 080400—untuk apa? Ingin saya maklumkan di sini bahawa peruntukan yang diuntukkan ini walaupun tidak diterangkan tujuannya, sebenarnya ialah untuk membayar balik hutang-hutang yang telah dipinjam oleh Lembaga Lebuhraya sebelum kuasa diserahkan kepada PLUS

sebelum ini. Jadi, inilah peruntukan yang diperlukan.....

Tuan Lim Hock Seng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri berundur, saya merayulah di sini berkenaan dengan sebuah bangunan perpustakaan di Jalan Pantai, Butterworth. Walaupun tidak mendapat jawapan sekarang, tetapi ini memang suatu perkara yang serius dan saya berharap Yang Berhormat boleh mengarahkan JKR tempatan untuk menjalankan satu siasatan. Jikalau bangunan ini bahaya mesti diisytiharkan sebagai sebuah bangunan yang bahaya dan ditutup sekali sebelum apa-apa tragedi boleh terjadi.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kita akan adakan siasatan dan kalau benar, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Kembali kepada.....

Tuan Md. Isa bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kangar bangun.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Pengerusi, kalau tadi disebut bangunan yang bahaya, tetapi sukacita saya sedikit tentang jalan yang sedang diperbaiki tetapi bahaya. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak Yang Berhormat sedar bahawa dalam ketika kontraktor menjalankan projek-projek JKR—jalan, jambatan dan sebagainya, didapati tidak menanda tanda bahaya ataupun 'road sign', dengan izin, dan pada waktu malam tidak pasang lampu. Baru-baru ini di Perlis

berlaku satu peristiwa di mana seorang anggota polis trafik terkorban dalam kemalangan jalan raya yang melibatkan projek pembinaan jambatan di mana kita dapati anggota polis trafik yang berkenaan terjatuh dengan motosikalnya sekali pada waktu malam dan terkorban.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, kalau ada perkara-perkara semacam ini, insya-Allah, kita akan mengambil perhatian. Mungkin banyak lagi aduan-aduan dan kompelin-kompelin berhubung dengan kontraktor-kontraktor yang sedang ataupun telah menjalankan kerja-kerja mengakibatkan masalah dan kesusahan kepada para pengguna jalan dan sebagainya yang perlu diatasi supaya tidak menimbulkan masalah sehingga kehilangan nyawa dan sebagainya.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semalam saya telah bertanyakan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi sebahagian daripadanya tidak terjawab. Saya ingin bertanya, selain daripada peruntukan RM13 juta yang akan diberikan kepada JKR Negeri Sembilan bagi membaiki dan meluruskan selekoh jalan antara Seremban ke Kuala Kelawang, ingin saya bertanya adakah rancangan untuk membina ataupun membesarkan jalan daripada Simpang Pertang ke Kuala Kelawang?

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini pada 20 dan 21hb kejadian banjir telah berlaku di kawasan Parlimen Jelebu dan melibatkan tanah-tanah runtuh di jalan-jalan

berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak JKR Daerah Jelevu telah pun membersihkan dan saya khuatir, jalan ini yang merupakan satu-satunya jalan yang menghubungkan antara Pekan Simpang Pertang ke Kuala Kelawang akan tertimbus keseluruhannya, kerana bukti-bukti yang ada pada waktu ini telah menampakkan akan jatuh dan runtuh bila-bila masa. Di samping itu, ada dua jambatan yang perlu segera kerana telah dihanyutkan banjir di kawasan Kampung Chenah dan Kampung Po'om, Jelevu. Jadi saya ingin bertanya adakah rancangan Kementerian Kerja Raya untuk membesarkan ataupun memperbaiki selekoh-selekoh yang tajam di jalan antara Simpang Pertang ke Kuala Kelawang seperti yang saya maksudkan tadi.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, selain daripada peruntukan khas yang telah saya sebutkan tadi untuk membaiki cerun-cerun runtuh di seluruh negara, ini juga termasuk untuk membaik-pulih alignment jalan-jalan atau selekoh-selekoh yang merbahaya yang boleh menyebabkan kemalangan kereta sama ada waktu siang mahupun malam dan begitu juga dengan membaiki cerun-cerun yang runtuh. Jadi, dalam hal ini sama ada peruntukan yang telah diuntukkan bagi membaiki jalan atau menyelenggara jalan di bawah Butiran-butiran tertentu yang tidak termasuk di Butiran berkenaan juga boleh dilibatkan dalam peruntukan yang diminta khas untuk memperbaiki cerun dan juga membaiki selekoh-selekoh jalan, sama ada di Jelevu, Kuala Kelawang dan di lain-lain tempat di seluruh negara. Begitulah keadaannya Yang Berhormat

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:

Tuan Pengerusi, saya tidak sempat hendak bercakap semua. Saya ingin balik pada penyelarasan. Masih dalam penyelarasan ini.

Tuan Pengerusi, penyelarasan. Saya dapati bahawa ramai jurutera daerah tidak menghadiri Mesyuarat Pembangunan Daerah yang diadakan setiap bulan dan bukan setakat dalam kawasan saya. Kawasan saya, Tuan Pengerusi, daerah Yan. Daerah ini dimadukan dengan daerah Pendang iaitu dua daerah, satu jurutera dan jurutera ini boleh dikatakan jarang sekali, dalam setahun, dua kali pun tidak menghadiri Mesyuarat Pembangunan Tindakan Daerah. jadi, bagaimanakah beliau hendak mengetahui masalah-masalah jalan sebagainya yang di bawah jabatan beliau.

Jadi, saya mengharapkan supaya kementerian memandang serius benda-benda seperti ini, memberi arahan kepada jurutera-jurutera daerah supaya menghadiri Mesyuarat Pembangunan Tindakan Daerah. Itu satu.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya kementerian, tahun sudah saya sudah minta, boleh atau tidak daerah Yan ini, satu daerah diadakan jurutera daerahnya sendiri. Sudah bertahun-tahun. Jadi, saya haraplah sangat supaya kementerian memandang serius kerana JKR adalah jabatan yang berkhidmat untuk masyarakat dan rakyat.

Jadi, saya minta sekali lagi dan merayu kementerian supaya diwujudkan jurutera daerah Yan. Daerah ini bukanlah daerah yang teruk sangat tetapi daerah yang boleh dikatakan dalam kawasan bandar. Jadi, kalau dimadukan, disatukan dengan daerah Pendang pula, jadi pertamanya beliau jarang mengambil berat tentang daerah Yan. Banyak lagi daerah-daerah yang

lain, daerah Pendang. Jadi, ini membuktikan keadilan dan yang pentingnya, jurutera daerah kalau boleh dimestikan menghadiri Mesyuarat Pembangunan Pembangunan Daerah untuk mengetahui masalah-masalah yang timbul.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Yan. Kalau benar berlakunya begitu, insya-Allah, kita akan ambil tindakan yang sewajarnya untuk memberikan ingatan kepada semua pegawai atau jurutera daerah untuk menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah setiap kali ia diadakan.

Yang kedua, soal sama ada daerah Yan perlu diadakan seorang jurutera daerah atau tidak, ini tertakluk kepada keperluan perkhidmatan. Kalau setakat ini, daerah Yang diliputi daripada Pendang dan sekarang ada keperluan oleh kerana Yan sudah bertambah kepesatan dan kepentingannya, insya-Allah, kita akan lihat dari segi keperluan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Yan.

Akhir sekali, berbalik kepada Lembaga Lebuh Raya Malaysia tadi, yang belum habis saya jawab iaitu tujuan wang sebanyak RM365,740,000 di bawah Program 080400 ialah bagi membayar balik pokok atau principal dan juga faedah pinjaman bagi pinjaman komersil dan juga pinjaman dari Kerajaan Malaysia yang telah diberikan kepada LLM apabila LLM memulakan pembinaan jalan raya sebelum wujudnya syarikat-syarikat konsesi yang ada pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa hanya sekian sahaja yang dapat saya terangkan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yunus bin Rahmat: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Datuk Timbalan Menteri. Adakah cadangan PLUS untuk mewujudkan satu rangkaian workshop ataupun kedai pembaikan kereta/motor di sepanjang ataupun di tempat-tempat yang dikenal pasti di sepanjang lebuh raya Utara-Selatan, Timur-Barat dan sebagainya kerana kebanyakan kereta yang menghadapi kerosakan sekarang ini memang diberikan perkhidmatan ditarik oleh pihak PLUS tetapi apa yang kita dapati pemilik-pemilik kenderaan terpaksa membayar dengan bayaran yang begitu tinggi untuk kereta-kereta tersebut ditarik ke satu workshop ataupun bengkel kereta yang berjauhan dari tempat mereka terpaksa ditarik kenderaan itu.

Jadi, pertanyaan saya, adakah cadangan pihak PLUS untuk juga mengadakan bengkel-bengkel kereta ini tempat-tempat yang tertentu umpamanya di tempat-tempat yang telah pasti bagi memudahkan lagi pemilik-pemilik kereta yang mengalami kerosakan mendapat perkhidmatan yang baik.

Yang keduanya, Tuan pengerusi, adakah cadangan pihak PLUS ataupun pihak yang mengendalikan Lebuh Raya Karak-Kuala Lumpur tidak mengutip sebarang tol kerana buat masa ini, setelah tiga bulan dijangka bahawa jalan berkenaan mengalami kerosakan dan juga dibuatkan pembesaran dan sebagainya, yang tidak memberikan perkhidmatan yang begitu licin dan teratur kepada pemilik-pemilik kenderaan?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, soal mengadakan workshop perkhidmatan bagi kereta-kereta rosak di sepanjang jalan Lebuh Raya PLUS, tidak ada cadangan yang saya dengar tetapi

perkara ini boleh dirundingkan jika benar ianya merupakan satu keperluan di mana ianya juga merupakan satu perkara di dalam konsesi agreement untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan di sepanjang lebuhraya yang ada termasuklah kemudahan seperti mengadakan workshop pembaikan kereta dan kalau belum ada, bolehlah kita ambil perhatian untuk diperbincangkannya dengan pihak PLUS supaya diadakan.

Yang kedua, soal jalan Kuala Lumpur-Karak. Memanglah kalau ikut agreement yang ada, walaupun ia sedang diperbaiki dan menyebabkan sebanyak sedikit gangguan, pungutan tol diteruskan seperti apa yang dijalankan sekarang ini.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan pelbagai butiran berhubung dengan Kementerian Kerja Raya dan saya percaya, ada perkara-perkara yang mungkin tidak saya sebut sebagai jawapan akan kita ambil perhatian untuk diberikan tindakan yang sewajarnya demi memperbaiki dan memantapkan lagi prestasi kementerian dan juga kerajaan pada keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,382,905,900 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,382,905,900 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak

RM1,628,369,520 untuk Maksud P.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,628,369,520 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1996.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sebelum kita beralih ke Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi, ada satu Usul. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Kee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam.

Perbahasan disambung semula

Maksud B.53 (Jadual)—

Maksud P.53 (Anggaran Pembangunan, 1996)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.53 dan Kepala Pembangunan P.53 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

5.50 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Semasa sesi soal jawab, saya ada mengemukakan masalah hak tanah customary untuk Orang Asli, tetapi malangnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mungkin sama ada dia tidak faham masalah itu atau dia tidak ada kuasa untuk memberi jawapan. Saya rasa eloklah saya mengetengahkan masalah ini di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi di bawah Butiran 02000 mengenai Pengurusan dan Perundangan dan Butiran 03000—Ukur Tanah.

Orang Asli adalah satu golongan yang terencil yang perlu diberi segala bantuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Mereka menghadapi satu masalah pokok iaitu mengenai tanah di mana apabila dibandingkan dengan orang-orang

lain, apabila tanah mereka menjadi target pembangunan dan mereka menjadi mangsa pembangunan, layanan yang mereka dapati adalah berbeza daripada layanan orang lain, sama ada peneroka-peneroka Felda boleh mendapat ganti rugi tanah mereka dan ada peneroka-peneroka Felda, mengikut surat khabar boleh menjadi jutawan kalau lokasi rancangan-rancangan Felda adalah strategik dan sangat berguna.

Tetapi, ini bukan nasib Orang-orang Asli. Apa yang mereka boleh dapat mungkin ialah ganti rugi, rumah-rumah, pondok-pondok dan tanaman-tanaman, tetapi bukan ganti rugi tanah oleh kerana tanah tidak diakui dan diiktiraf sebagai tanah kepunyaan Orang Asli dan ini tidak adil. Inilah satu "keadilan" yang besar dalam Malaysia dan kita perlu ada satu keazaman untuk mengatasi masalah ini. Sebab itu, saya harap bahawa di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, boleh membuat satu inisiatif untuk mengadakan satu pendekatan yang baru atau satu land policy yang baru yang revolusionary untuk memberi keadilan kepada Orang-orang Asli di Malaysia, di mana kita sebagai kerajaan mengakui hak customary land rights mereka.

Apabila customary land rights mereka menjadi sasaran pengambilan tanah atau perlu dikorbankan oleh kerana arus pembangunan, mereka pun boleh mendapat ganti rugi tanah mereka dan customary land rights mengadakan satu dasar Customary Land Rights Policy untuk Orang Asli dan ini tentulah kita faham bahawa tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing, tetapi Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi boleh membuka jalan dengan mengadakan inisiatif untuk mencapai tujuan matlamat ini. Kalau tidak, Orang Asli akan terus diketepikan dan terus

menjadi mangsa apabila negara keseluruhannya membangun dan maju.

Apabila dibandingkan dengan dahulu, kawasan-kawasan tanah rizab yang ada digazetkan dan kawasan tanah yang ada direservakan untuk Orang Asli ialah golongan minoriti sebenarnya bagi tanah-tanah yang digunakan oleh Orang Asli. Tetapi, sungguhpun begitu, tanah-tanah yang ada digazetkan untuk Orang Asli sudah kurang. Sebagai contoh, pada tahun 1991, tanah gazetted untuk Orang Asli ialah seluas 20,666 hektar, tetapi sekarang, pada Januari 1995, sudah berkurangan kepada 17,903 hektar, sungguhpun majoriti tanah-tanah Orang Asli belum dan tidak digazetkan. Sungguhpun ada tanah-tanah yang tidak digazetkan, Kerajaan Negeri ada hak untuk mengekalkan gazet itu tanpa apa-apa usaha atau langkah untuk membayar ganti rugi atau untuk mengisytiharkan tanah-tanah yang lain sebagai satu gazetted reserved land untuk Orang Asli.

Saya harap bahawa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi boleh mengutamakan isu ini supaya apabila negara kita masuk ke abad 21, tidak lagi ada satu puak atau golongan Orang Asli yang terus begitu mundur, kepentingan dan hak mereka tidak dapat dijaga dan dilindungi.

Satu perkara yang saya harap kita boleh mendapat penjelasan ialah mengenai usaha-usaha untuk meminda Akta Pengambilan Tanah. Sampai sekarang, sungguhpun Kerajaan Persekutuan ada mengumumkan bahawa pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah dan Rang Undang-undang pindaan itu akan dikemukakan di dalam persidangan masa hadapan, tetapi masa yang begitu panjang untuk mengadakan pindaan merupakan satu ketidakadilan sendiri oleh kerana dalam masa ini, orang-orang yang ada

tanah yang sudah diambil alih oleh pihak kerajaan, khasnya untuk pembangunan swasta, mereka tidak boleh mendapat ganti rugi harga pasaran yang wajar dan setimpal.

Apa yang perlu ialah, oleh kerana kerajaan perlulah ada satu guideline untuk pengambilan tanah. Sungguhpun kita belum tahu apa guideline itu dan guideline itu tidak pernah diumumkan, tetapi kita diberi jaminan, apabila Akta Pengambilan Tanah dipinda, ada satu guideline supaya segala tindakan untuk mengambil tanah akan adil. Guideline itu, pada masa ini perlu digunakan untuk memberi jaminan dan keadilan kepada semua tuan-tuan punya tanah untuk mendapat ganti rugi atau pampasan yang adil. Oleh kerana kalau tidak, mereka terus dianiayai oleh undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kuala Pilah.

6.00 ptg.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk dapat bersama-sama membahaskan Anggaran Perbelanjaan 1996 bagi Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi di bawah Maksud B.53.

Tuan Pengerusi, dalam perbahasan ini suka saya merujuk kepada Butiran 020000 dan Butiran 020100. Pertama sekali, suka saya menyatakan di sini iaitu bagi tajuk Pengurusan dan Perundangan Tanah. Tuan Pengerusi, sebagaimana biasa kita sedia maklum bahawa tanah adalah sesuatunya kejadian Allah S.W.T. yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Tanah sebagai satu keperluan atau aset kepada manusia dan negara perlu dijaga dan ditadbirkan sebaik-baiknya bukan sahaja untuk

menjamin keperluan kita masa sekarang, malahan juga untuk mewarisi generasi cucu-cicit kita yang akan datang. Kalau sekiranya dahulu, nilai dan harga tanah begitu murah tetapi sekarang ini ada sesetengah kawasan dalam bandar yang begitu tinggi harganya sehingga beratus-ratus ringgit sekaki persegi.

Dalam penghidupan manusia yang begitu bertamadun sekarang ini, sudah sepatutnyalah kita dapat mewujudkan segala peraturan undang-undang tanah dan pentadbiran yang baik supaya kedudukan tanah yang ada di Malaysia hari ini tidak akan terhakis atau tergadai. Undang-undang Tanah sebagaimana undang-undang ciptaan manusia yang lain perlu berubah dan diubah mengikut keadaan semasa, asalkan kesemuanya itu adalah untuk kebaikan dan menjamin manusia dan negara kita.

Tuan Pengerusi, ramai sedia maklum bahawa pihak yang berkuasa berkenaan semua hal tanah di negara kita ini terletak kepada tanggungjawab kerajaan-kerajaan negeri. Bagi negeri di Malaysia Barat, Akta 59 yang disebut sebagai Kanun Tanah Negara telah menggabungkan undang-undang berhubung dengan tanah dan hak milik tanah, pendaftaran hakmilik tanah, urusniaga dengannya dan kutipan hasil pendapatan daripadanya.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa diperuntukan hanya 10 minit kepada saya, izinkan saya mengesyorkan beberapa tajuk penting sahaja yang perlu pihak kementerian mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Pertama sekali, sebagaimana ada juga disebutkan sebentar tadi, kita mengetahui kerajaan hari ini memang sedar dan akan meminda iaitu Akta Pengambilan Semula Tanah oleh kerajaan ataupun dipanggil Land Acquisition Act 1960 perlu dipinda dengan seberapa segeranya kerana ini kita sedia

maklum yang penting sekali Tuan Pengerusi, ialah seksyen 3. Seksyen ini memberi kuasa yang begitu luas kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk membolehkan mereka mengambil semula mana-mana tanah yang mereka kehendaki, asalkan ia tertakluk di bawah Seksyen 3(a), 3(b) dan 3(c). Sungguhpun subseksyen 3(a) memperuntukkan bagi tujuan kepentingan awam tetapi subseksyen 3(b) dan 3(c) memberi ruang kuasa yang begitu luas kepada sesiapa dan mana-mana badan korporat atau sebarang tujuan yang mana pada pendapat kerajaan negeri adalah untuk kebaikan ekonomi Malaysia ataupun untuk kepentingan awam secara umumnya atau mana-mana kumpulan awam. Dengan adanya peruntukan undang-undang serupa ini, sungguhpun bertujuan baik dan memberi kuasa pertimbangan yang luas kepada kerajaan negeri tetapi malangnya kadangkala berlaku juga perkara-perkara yang difikirkan tidak sesuai lagi dan untuk kepentingan negeri dan rakyat sejagat.

Keadaan ini Tuan Pengerusi, pada hemat saya, bukanlah niat kerajaan keseluruhannya dan lebih-lebih lagi Ahli Parlimen ini supaya adanya berlaku yang tidak menyenangkan. Walau bagaimanapun, saya berharap bersungguh-sungguh dan bersetuju supaya pindaan ini dibuat secepat mungkin.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya kerajaan membuat kajian serius untuk mewujudkan satu bentuk undang-undang khas seperti kalau kita lihat di negara Barat atau Khususnya di United Kingdom, ada satu undang-undang yang dinamakan Eastmen, dengan izin. Ini bermakna, ini adalah bertujuan untuk mempertahankan kawasan-kawasan penting, pusat-pusat rekreasi awam dan kepentingan alam sekitar terkawal buat selama-lamanya. Buat masa hari ini, Tuan Pengerusi, saya percaya di negara kita

tidak ada satu undang-undang untuk mengawal atau mempertahankan kawasan-kawasan hijau di bandar seperti Lake Garden, padang-padang dan juga kawasan-kawasan penting sejarah. Ini bergantung kepada budi bicara kerajaan-kerajaan negeri masing-masing. Oleh itu, saya memikirkan perlunya diwujudkan satu undang-undang khas untuk selama-lamanya, siapa pun memerintah tetapi kawasan itu tetap terkawal.

Seterusnya Tuan Pengerusi, yang ketiga, suka saya mencadangkan supaya semua pejabat yang mentadbirkan hal-hal tanah dilengkapi dengan alat-alat komputer yang baru secukupnya dan juga dianggotai pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai yang lebih mahir dan efisien dalam hal tanah. Ini adalah bagi tujuan tersebut. Yang pertama, mempercepatkan masa bagi sesuatu transaksi pindah milik hartanah. Sekarang ini untuk mendaftarkan sesuatu pindah milik hartanah memakan masa antara satu hingga tiga bulan, kadangkala lebih daripada itu. Keadaan ini tentu sekali saya percaya boleh dipertingkatkan dengan adanya alat-alat komputer yang boleh on-line, dengan izin, supaya mempercepatkan ini.

Yang kedua, masa untuk membuat sesuatu carian (land search) di pejabat tanah dapat dipercepatkan. Keadaan ini tentu sekali boleh kalau sekiranya ada alat-alat komputer diperlengkapkan.

Yang ketiga, permohonan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasaan negeri atau Exco di negeri-negeri biasanya memakan masa yang terlalu lama. Perkara ini Tuan Pengerusi, kadangkala menyebabkan masalah yang dialami rakyat membayar denda ataupun bank interest, dengan izin, kalau sekiranya melibatkan bank.

Yang keempat, semua pemohon tanah kerajaan sepatutnya dan sewajarnya direkodkan dengan secara terperinci kerana kadangkala terdapat juga di pejabat-pejabat tanah adanya segelintir manusia yang tidak sentiasa bersyukur memohon tanah berkali-kali dan mendapat layanan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh dari segi hal yang keempat iaitu saya mencadangkan supaya Jabatan Penilaian Kerajaan yang ada kaitan dengan pejabat tanah patut diperlengkapkan juga dengan alat-alat komputer yang secukupnya secara on-line, dengan izin, dengan semua pihak yang berkaitan di samping dianggotai oleh pekerja-pekerja mahir dan efisien.

Sekarang ini ada didapati banyak berlaku tindakan yang lewat diambil oleh jabatan ini menyebabkan sesuatu tindakan pindah milik hartanah terjejas.

Yang kedua, cara atau sistem penilaian membezakan nilai rendah kepada hartanah hak milik Malay Reservation, dengan izin, dengan geran bebas wajar dikaji semula oleh pihak yang berkenaan kerana saya dapati ada alasan-alasan yang diberi tidak begitu rasional dan munasabah.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, sistem membezakan penilaian tinggi kepada penjualan hartanah bagi tujuan bayar setem kerajaan dan penilaian rendah bagi pengambilan tanah oleh kerajaan dan juga penilaian bagi tujuan bayaran pampasan. Pada hemat saya, perkara ini juga wajar diulangkaji secara terperinci dan lebih rasional kerana ia sekarang ini didapati banyak rungutan oleh rakyat di merata-rata.

Hal yang kelima Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh peranan pegawai-pegawai daerah dan pegawai-pegawai penempatan atau lebih dikenali sebagai

S.O. di pejabat-pejabat tanah. Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab berkenaan hal-hal tanah di pejabat-pejabat tanah dan juga pegawai-pegawai penempatan (Settlement Officer) perlu diberi latihan dan kemahiran yang secukupnya mengikut keadaan dan negeri-negeri tempat mereka ditugaskan.

Sebagai contohnya, seseorang yang ditempatkan bertugas di Negeri Sembilan contohnya, selain daripada mengetahui undang-undang seperti Kanun Tanah Negara dan sebagainya, saya ingat perlu juga mengetahui Undang-undang Tanah Adat (Customary Land) di Negeri Sembilan yang unik di Malaysia ini.

Jika beliau tidak mengetahui undang-undang tanah adat, bagaimanakah mereka ini dapat mendengar dan menyelesaikan masalah yang melibatkan tanah berkenaan. Lebih-lebih lagi juga, kalau kita hendak mengesyorkan tanah adat ini dibangunkan secara komersil, segala bentuk dalam struktur perundangan dan adat wajarlah pegawai ini mengetahui terlebih dahulu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, penerokaan tanah secara haram berleluasa. Sepatutnya cepat diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan di pejabat-pejabat tanah. Janganlah dibiarkan sesuatu keadaan berlarutan sehingga sudah begitu teruk. Kerana mengikut undang-undangnya, seseorang sebagai peneroka haram tidak mempunyai sesuatu hak. Justeru itu, pegawai-pegawai 'Settlement Officer,' dengan izin, ataupun Pegawai Penempatan, sewajarnya mengambil tindakan cepat.

Kadangkala mereka meneroka tanah secara haram beribu-ribu ekar tanpa diketahui. Ini mustahil sekali. Saya mengingatkan dan ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini di masa-masa yang

akan datang, kerana tanah itu penting sebagai satu aset dalam keperluan semasa, sama ada pihak tertentu hak ataupun negeri, maka sewajarnya kementerian mengambil kira supaya menentukan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam hal tanah, memberi penekanan yang lebih serius.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Ukur Tanah di bawah Butiran 030000. Di sini, saya mencadangkan Jabatan Ukur Tanah di tambah anggotanya yang mahir dan dilengkapi juga oleh alat-alat yang canggih, seperti 'theodolite' dan sebagainya mengikut keadaan semasa hari ini. Kerana rungutan rakyat merata-rata didapati, berlaku kelewatan juga di jabatan ini. Kadangkala tanah telah pun diberikan kepada orang-orang kampung, dan telah pun dibayar segala pembayaran, tetapi tanah tidak diukur. Alasan diberi tidak cukup ataupun pegawai tidak ada.

Tuan pengerusi, saya ingin merayu kepada kementerian melalui Dewan yang mulia ini supaya marilah kita bersama untuk menentukan mencapai sesuatu tahap pencapaian dan prestasi kementerian dan menuju ke Wawasan 2020 sebagai harapan kita semua. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ini menjalankan tanggungjawab yang sebaik-baiknya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka.

6.13 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada

Maksud Bekalan B.53, Butiran 020000-Pengurusan dan Perundangan Tanah. Saya ingin merayu pihak kerajaan supaya mengarahkan semua kerajaan negeri membeku segala proses pengambilan tanah sebelum pindaan ke atas Akta Pengambilan Tanah diluluskan pada sesi Parlimen yang akan datang. Ini adalah perlu kerana rakyat Malaysia khususnya tuan tanah bimbang bahawa kerajaan negeri akan mengambil kesempatan sebelum pindaan ini diluluskan untuk mengambil alih semua tanah yang mereka hendak rampas. Ini menjadi satu perkara dan masalah besar di negara Malaysia.

Tuan Pengerusi, seperti sedia dimaklumkan, kontroversi pengambilan tanah telah menjadi perkara yang hangat tahun lepas dan masih berpanjangan di kebanyakan negeri, terutamanya di negeri saya, di mana pengambilan tanah secara meluas dan rasuah yang berlaku bersama merupakan satu faktor mengapa bekas Ketua Menteri Melaka telah dituduh di mahkamah di atas tuduhan rasuah, sungguhpun beliau telah dibebaskan baru-baru ini.

Tetapi, Tuan Pengerusi, dari sudut pengguna atau tuan tanah, mereka hanya meminta bayaran pampasan yang munasabah dibayar kepada mereka. Saya rasa itu bukan satu tuntutan yang lebih dan sesuatu yang mereka berhak menerimanya. Kalau tujuan pengambilan tanah adalah untuk tujuan orang awam seperti membina hospital, sekolah dan jalan, tuan tanah tidak pernah membantah pampasan yang dibayar oleh kerajaan. Sebaliknya mereka bersetuju mengorbankan kepentingan peribadi mereka untuk kepentingan negara. Tetapi apabila sesuatu proses pengambilan tanah digunakan untuk menjadikan satu golongan atau segelintir pemimpin tertentu kaya, atau untuk membolehkan satu projek swasta yang membina projek-projek

mewah dijalankan, saya rasa tuan tanah berhak menikmati sebahagian daripada keuntungan besar yang dikecapi daripada projek penswastaan tanah ini.

Saya tidak nampak mengapa kalau kegunaan tanah pertanian selepas diambil alih, ia boleh segera, dengan serta-merta ditukar kepada perindustrian atau komersil, sedangkan tuan tanah berkali-kali memohon untuk menukar kepada komersil atau industri ditolak. Tetapi selepas diambil alih, serta-merta tukar kepada industri dan komersil, di mana pihak ketiga menikmati keuntungan yang naik melambung tinggi. Tetapi pihak ketiga itu sahaja yang untung. Tuan tanah dialah yang rugi, kerana bayaran pampasan berdasarkan kegunaan tanah pertanian. Saya rasa itu satu kepincangan yang harus dibetulkan.

Yang amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa mengakui ketidakadilan yang berlaku dalam Akta Pengambilan Tanah telah membuat janji dalam pilihanraya besar yang lepas, termasuk juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bahawa Akta Pengambilan Tanah akan dipinda supaya bayaran pampasan yang lebih munasabah dapat dibayar. Tetapi sungguhpun janji ini telah ditabur, sehingga hari ini kita tidak nampak apa-apa. Saya tidak mahu kedua-dua pemimpin tertinggi terunggul di negara kita dicap buat omong-omong kosong. Saya rasa mereka pun.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:
Terima kasih, Yang Berhormat dari Kota Melaka. Yang Berhormat, saya minta tarik balik perkataan 'Omong-omong

kosong' itu. Sebenarnya, kalaulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak akur kepada janji, maka kita tidak akan bentang Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) insya-Allah di sesi akan datang. Jadi, bermaknanya, pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri akur di atas janji mereka. Jadi, kita tunggulah sampai.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat,....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:.... proses selesai.... Ini pandangan saya sama ada Yang Berhormat setuju.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak beri pandangankah ataupun hendak minta penjelasan?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan sama ada beliau bersetuju dengan pandangan saya. Maknanya, tindakan sedang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk meminda Akta Pengambilan Tanah untuk kebaikan rakyat. Adakah Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan pandangan saya?

Tuan Lim Guan Eng: Kalau janji ini ditunaikan, saya setuju. Tetapi sehingga hari ini masih belum dilaksanakan. Jadi, macam mana saya boleh setuju. Itulah sebabnya, Tuan Pengerusi, saya minta janganlah dianggap sebagai membuat omong-omong kosong. Saya rasa itu pun bukan hasrat mereka. Tetapi sebelum pindaan ini dibuat, mungkin ada faktor-faktor teknikal, di mana ia tidak boleh dibentangkan dalam mesyuarat ini. Tetapi sebelum ia dibentangkan, saya harap beliau, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri memberikan arahan kepada semua kerajaan negeri supaya

membekukan proses pengambilan tanah, kerana saya takut, saya risau, saya bimbang sebelum pindaan tanah ini diluluskan, di mana bayaran pampasan yang lebih adil dan munasabah dan lebih tinggi akan diberikan kepada tuan tanah. Sebelum ini diluluskan, kerajaan negeri akan ambil kesempatan, rampas dahulu sebelum pindaan ini diwartakan. Ini telah berlaku di banyak negeri.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya minta Ahli Yang Berhormat Kota Melaka jangan guna perkataan 'rampas'. Rampas ini kerja lanun, 'pengambilan makna tanah' sebenarnya hak kerajaan, jadi kerajaan bukannya rampas, kalau rampas makna kita ambil tidak beri pampasan. Tidak ada pertimbangan, ini adalah pengambilan. Jadi, Yang Berhormat setuju atau tidak kita perbetul sedikit bahasa itu? Terima Kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa bahasa saya sudah sangat berbudi. Gunakan rampas, kalau Yang Berhormat jumpa tuan tanah itu, dia akan gunakan perkataan yang lebih dahsyat lagi. Dia akan panggil 'komunis'. Kalau Yang Berhormat tidak percaya, saya boleh undang Yang Berhormat pergi ke kampung-kampung tertentu, bila-bila masa boleh. Dia cakap 'komunis', lagi teruk daripada komunis, 'jahanam', begitu. Itu saya tidak mahu sebut. Saya hendak sebut 'rampas' sahaja kerana kita tidak mahu Akta Pengambilan Tanah dianggap sebagai 'Akta Perampasan Tanah'.

Macam mana ia tidak dianggap sebagai perampasan? Bila pampasan untuk satu

kaki persegi 40 sen, 50 sen. Selepas diambil alih naik RM4, RM5? Kalau Yang Berhormat seorang tuan tanah, Yang Berhormat pun akan rasa marah kerana berasa tertipu dengan proses bayaran tanah di mana orang-orang tertentu boleh menjadi kaya. Tuan tanah asal sahaja yang rugi, tanah kena rampas, tanah tidak ada, tidak ada gantian tetapi bila ia telah diambil alih, tukar syarat semua, oooh tuan tanah baru, dia punya tanah satu kaki persegi RM4, RM5, kadangkala sampai RM10, RM15 sekaki persegi. Kerana apa? Kegunaan tanahnya boleh ditukar syarat daripada pertanian kepada industri yang komersil. Ini telah berlaku, di Melaka paling banyak sekali kes, di mana bekas Ketua Menteri gunakan peluang ini untuk mencari wanglah. Cakap terus terang, cari wang. Itu sebab dia kena tuduh rasuah. Dua kesnya berkaitan dengan tanah dan itulah harapan. Mungkin negeri-negeri lain ada lebih banyak kes, saya tidak tahulah sama ada Kedah ada kes. Saya tidak tahu, tetapi mengelakkan daripada berlaku penyelewengan, untuk mengelakkan dari berlaku rasuah dan penyalahgunaan kuasa, saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mengarahkan semua negeri bekukan pengambilan tanah sehingga pindaan ke atas Akta Pengambilan Tanah diluluskan di mana bayaran yang lebih adil dapat diberikan kepada tuan tanah.

Dan saya rasa, pindaan ini mesti mengambil kira tujuan tanah itu diambil alih. Kalau tujuan ini adalah untuk industri sekurang-kurangnya bayaran pampasan tidak boleh berdasarkan kegunaan tanah asal iaitu pertanian, tetapi mendekati dengan kegunaan atau harga industri, barulah adil kepada para tuan tanah.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 050000-Pembangunan Koperasi dan secara ringkas ingin bertanya, apakah kemajuan ke atas

KOBENA? Sungguhpun KOBENA adalah sebuah koperasi yang ditubuh oleh Menteri Belia dan Sukan, tetapi ia ditubuhkan di bawah Ordinan Koperasi dan Jabatan Pembangunan Koperasi bertanggungjawab untuk memastikan ia diuruskan dengan teratur tetapi sehingga hari ini, sungguhpun siasatan telah diambil, sungguhpun banyak usaha telah diambil untuk memulihkannya saya tidak nampak sebarang hasil daripada usaha tersebut dan sehingga hari ini masih berhutang, ada hutang, saya rasa sudah hutang lapuklah, RM80 juta hingga RM100 juta. Apakah kemajuan terakhir sekarang? Di mana ada seorang, saya rasa baru dipaparkan tidak beberapa lama, di mana seorang perniaga Tuan Haji Ibrahim Majid menuntut RM17.4 juta yang telah diberikan oleh pihak mahkamah. Ini satu keputusan mahkamah, tetapi tidak kutip dan aset-aset KOBENA hampir kena lelong. Apakah kedudukan sekarang? Kerana ini melibatkan wang rakyat, Tuan Pengerusi. Banyak wang telah ditabur untuk menubuhkan.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya gulung sekejap? Dan juga tentang National Land Finance Cooperative Society Limited. Bolehkah saya tahu, apakah hasil siasatan ke atas National Land Finance Cooperative Society Limited di mana ada tuduhan bahawa Chief Executive iaitu Datuk K.R. Somasundram, telah menjualkan 1.2 juta saham Matrod kepada sebuah syarikat yang dimiliki oleh anaknya sendiri. Dan juga banyak kes-kes tentang penjualan tanah 1,000 ekar tanah di Semenanjung Malaysia oleh pihak-pihak tertentu, komisyen dibayar secara haram hampir RM1 juta, apakah hasil siasatan yang dibuat oleh JPK kerana sehingga hari ini tidak ada laporan langsung. Saya

harap pihak kementerian boleh memberikan jawapan untuk memastikan kepentingan dan hak ahli-ahli dapat dipelihara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yan.

6.26 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahar tentang pengambilan tanah juga iaitu Butiran 020000. Tuan Pengerusi, tanah ini seperti yang kita sedia maklum, di Malaysia tidak akan besar, dia besar itu tanah, malah sekarang ini tanah ini terhakis. Kalau kita tengok pantai-pantai ini banyak telah terhakis, jadi kadang-kadang kita terpaksa menambun laut untuk membesarkan tanah yang ada.

Oleh yang demikian, saya mengharap kepada kementerian supaya kerajaan-kerajaan negeri membuat pembangunan yang mengikut plan struktur yang telah diluluskan. Kurangkan projek-projek ad-hoc yang dijalankan dan kadang-kadang, Tuan Pengerusi, saya bersetuju juga di mana syarikat-syarikat tertentu menggunakan anak-anak syarikat kerajaan negeri atau badan-badan kerajaan untuk pengambilan tanah untuk dijadikan projek-projek tertentu.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan setengah pandangan yang mengatakan bahawa kita perlu pengambilan tanah, bukan merampas tanah. Tanah sebenarnya, kalau kita ikut ini adalah hak kerajaan dan kerajaan memberi TOL dan sebagainya kepada rakyat, tetapi apabila kerajaan memerlukan tanah untuk pembangunan, maka kerajaan terpaksa mengambil tanah kerana kita tidak boleh buat satu bangunan di atas kawasan laut dan sebagainya kecuali ditambun.

Saya mencadangkan supaya apabila kerajaan mengambil tanah untuk kerja-kerja komersil atau perniagaan dan sebagainya, kita sedia maklum syarikat-syarikat ini mendapat keuntungan yang agak lumayan kerana kadang-kadang tanah yang mereka ambil itu begitu berharga dan pihak pemilik tanah kadang-kadang tidak mendapat pampasan yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya di masa-masa akan datang, kalau kerajaan ataupun syarikat-syarikat tertentu mendapati bahawa tanah tersebut sesuai untuk dibangunkan sebagai satu kawasan industri, kawasan perniagaan dan sebagainya, tuan tanah itu di samping mendapat pampasan sewajarnya, juga diberi peluang untuk melibatkan diri di dalam perniagaan tersebut. Syarikat ini ataupun badan kerajaan allocate certain percentage, dengan izin, certain portion daripada saham itu untuk projek tersebut supaya tuan tanah ini mendapat balik keuntungan bonus daripada tanah mereka itu sendiri.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang tanah ini diambil dengan tidak mengira perasaan tuan tanah itu sendiri dan saya bersetuju kadang-kadang, tanah pusaka begitu bererti bagi seseorang itu, sentimental value dan kadang-kadang dia biarkan tanah itu, tidak apa, asalkan dia jadi pusaka, dia merasa puas hati, ini tok wan dia, tok nek dia dulu. Dulu hendak buka tanah bukan senang Tuan Pengerusi, bukan ada bulldozer, pakai dengan tangan, pakai dengan kapak, punggah hutan, sekarang sudah jadi bandar dan sebagainya. Jadi, mereka merasakan ini adalah satu sentimental value dan kalau pun hendak dibangunkan mereka hendak bersama dengan pembangunan tersebut.

Jadi, saya harap kementerian perlu melihat kerana hari ini kita dapat lihat

kadang-kadang projek ad-hoc berlaku, Tuan Pengerusi, tidak dalam perancangan struktur perbandaran tersebut ataupun majlis-majlis kerajaan tempatan. Ini adalah juga satu proses yang saya kira tidak ada keadilan dari segi tuan tanah.

Jadi, saya berharaplah Kementerian dengan pindaan akta yang akan datang akan dapat mengkaji cara yang paling adil untuk memberi kepuasan kepada tuan tanah.

Tuan Pengerusi, macam projek kita di Kedah, yang kita ambil tanah di kawasan yang kita buat ternakan udang itu, pada peringkat permulaan memang dihasut oleh parti PAS, oleh seorang wakil PAS di sini, dihasut oleh parti PAS, rakyat mulai bising, tetapi apabila projek ini berjalan dengan baik, udang telah keluar, kita eksport udang pergi ke negara Arab, Timur Tengah dan sebagainya, orang ini pula mendapat sedikit sebanyak bonus dan keuntungan, mereka merasa puas hati.

Jadi, kadang-kadang benda itu tidak dapat dilihat dengan serta-merta, ia memakan masa. Jadi, ini adalah satu lagi kerja yang kena dilakukan oleh pihak yang mengambil tanah supaya memberi penjelasan yang sebaik-baiknya kepada tuan-tuan tanah supaya mereka ini merasa tidak tertipu.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Mereka merasa, mereka sebahagian daripada pembangunan di atas tanah mereka itu sendiri. Jadi, ini saya ingat Kementerian akan dapat buatlah macam manapun dalam pindaan ini supaya jangan timbul rasa tidak senang hati dan puas hati di atas pengambilan tanah yang kadang-kadang menguntungkan sesuatu syarikat yang begitu berlebihan.

Tuan Pengerusi, kalau kita tengok kebanyakan syarikat-syarikat pem-

bangunan tanah ini, keuntungan yang mereka dapat begitu ketara. Jadi, apa salahnya kalau kita katalah 20% daripada keuntungan itu dipulangkan balik kepada tuan-tuan tanah yang mereka ambil ini selain daripada pampasan di peringkat awal yang telah diberikan itu.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang ini bila kita ambil tanah orang, orang tak puas hati dia berdoa kepada Tuhan, dia marah, dia berdoa kepada Tuhan kadang-kadang kalau ramai dok berdoa itu, syarikat itu akan bangkrap, mampus pi, jangan main-main. Jadi, ini saya hendak berpesanlah. Jadi, kita tidak mahulah benda ini berlaku. Kadang-kadang kita pun simpati juga dengan tuan tanah, pugarlah teruk-teruk dahulu tok wan depa pugar, mai tang cucu, depa ambil macam itu sahaja, jadi kesihanlah. Jadi, saya harap Kementerian akan mengambil tindakan dan carilah mana-mana undang-undang yang paling baik, ini semua pakar-pakar dok ada di Kementerian ini. Fikir habis-habis macam mana supaya bila kita ambil tanah, rakyat tak 'teriak', dia tidak menangis. Biarlah tanah itu diberi dengan senyuman, macam pak dia hendak perturun tanah kepada cucu: "Hang ambillah sorang sedikit," dan sebagainya, jadi, ini keadilan yang kita mahu.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan Tanah Simpanan Melayu ini. Saya hendak tanya, Tuan Pengerusi, kalau Tanah Simpanan Melayu bersebelah dengan bukan simpanan Melayu, fasal apa hak tanah simpanan Melayu harganya murah? Jadi, yang ini satu persoalan yang saya minta ada jawapan yang baik. Kita kadang-kadang tanah sebelah-menyebelah. Tetapi, di 'value' kan ataupun dinilai harga Tanah Simpanan Melayu ini berlain, kononnya mungkin Tanah Simpanan Melayu ini for sale valuenya tidak ada. Sedangkan hari ini kita tengok, bank-bank telah memberi pinjaman

sebagai sekuriti kepada tanah-tanah simpanan Melayu. Tetapi kenapakah, sedangkan kalau kita kata tanah simpanan Melayu ini tidak ada value, fasal apa bila kita buat pembangunan, kita jual dia, harga valuenya ada, nilai itu ada?

Jadi, yang ini pihak kementerian kena fikir juga, yang cerdik-cerdik yang dok ada ini, fikir fasal apa tanah hak Melayu, sebelah dengan tanah bukan simpanan Melayu harganya berlain - saya sendiri tidak faham.

Jadi, inilah saya hendak fikir, minta kementerian buat kajian supaya diselaraskan tanah simpanan Melayu tak simpanan Melayu sama harga, fasal apa harga hendak lain-lain?

Pihak bank juga kenalah terima, bahawa kerana tanah simpanan Melayu pun dok dalam Bandaraya Kuala Lumpur, fasal apa nilainya murah daripada tanah bukan simpanan Melayu? Kita bercakap dari segi logiklah, Tuan Pengerusi. Jangan bercakap dari segi sakni tanah simpanan melayu fasal for sale value tak ada, ataupun kalau kita hendak kata orang Melayu tidak mampu, fasal apa tidak mampu? Millionaire sudah banyak la ni, kan? Jadi, kita kena tengok yang ini, fikiran yang agak lama, jadi, kita ubah.

Saya harap bolehlah kita hendak pinda Akta Pengambilan Tanah ini, pinda sekali menyamakan keadaan Tanah Simpanan Melayu dan bukan simpanan Melayu ini sama sahaja, barulah developmentnya berjalan dengan baik. jadi, sekarang ini dia hak Melayu, dia tidak boleh. Jadi, maknanya kita orang Melayu ini second class dari segi tanah.

Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju yang ini. Jadi. saya harap pihak kementerian tolong tengok sedikit beri ada keadilan dari segi fasal tanah ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup. Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai! Tuan Pengerusi, saya dekat sepuluh hari tidak bercakap, Tuan Pengerusi, baru hari ini hendak bercakap balik. Tuan Pengerusi, gulung sedikit ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, lagi satu berkenaan Felda ini. Saya Felda ini, saya ucap tahniahlah daripada anak orang kampung, anak orang dok dalam hutan getah, pugar tanah, kalau kita tengok strategi Felda dahulu, ini sekali lagi PAS dahulu, Ahli Yang Berhormat dari PAS, lama kita tidak bertengkar ini. Dahulu bila kita hantar orang pergi ke rancangan Felda, orang PAS kata apa: "Kerajaan ambil orang Melayu macam taruh kucing dalam hutan, bungkus pi taruh dalam hutan," sedangkan hari ini, Tuan Pengerusi, kita tengok, orang dok dalam rancangan Felda cukup mewah, Alhamdulillah! Hak yang kelaku baik itu mewahlah, hak yang kelaku tak baik itu memang tak mewah. dia pasang "enjin" dua, tiga, jadi celarulah.

Tuan Pengerusi, jadi, la ni, saya mahu rancangan Felda ini, kalau boleh kita selaraskan beri elok, dengan jalannya yang sempurna dan sebagainya. Hasil-hasil daripada kelapa sawit kita ini, daripada rancangan Felda dan sebagainya, mendatangkan keuntungan kepada kerajaan. Saya harap rancangan-rancangan infrastruktur di kawasan-kawasan rancangan Felda, pusat-pusat untuk anak-anak kawasan Felda, balai-balai raya untuk kawasan-kawasan Felda, sungguhpun tak tahulah sama ada kena tak kena kementerian ini, kerana saya nampak dok ada di bawah kementerian, kenalah tolong buat.

Tuan Pengerusi, kerana mereka ini anak wawasan, anak bangsa kita yang akan mewarisi negara kita ini dan kita kena bangunkan depa ini, kalau kita hendak bangunkan rakan-muda, rakan-tua apa semua dalam bandar ini, hak rancangan Felda kena jaga juga, takut mereka akan terpesong pemikiran.

Tuan Pengerusi, kerana hari ini, kita tengok, anak-anak kampung, kadang-kadang mereka bila berhijrah ke bandar, mereka kadang-kadang terpaksa terikut-ikut dengan keadaan arus semasa, kalau dia ikut kerja yang baik tidak mengapa, Tuan Pengerusi, dia ikut kerja yang tak elok, akhirnya budak-budak ini akan terjerumus ke alam yang tidak baik.

Tuan Pengerusi, jadi, saya mengharap kalau boleh kementerian tolong mempertingkatkan lagi keadaan sosial di dalam kawasan-kawasan rancangan Felda ini. Buatlah macam mana pun supaya rakyat yang berada di dalam kawasan Felda ini merasakan mereka dapat juga nikmat dari kemudahan asas, jalan raya dan sebagainya, sama seperti dalam kawasan-kawasan pembangunan di bandar.

Tuan Pengerusi, jadi, itulah tiga perkara, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kangar.

6.36 ptg.

Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar): Tuan Pengerusi, terima kasih di atas keizinan Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya untuk sama-sama mengambil bahagian bagi membahas Maksud Bekalan B.53.

Sukacita saya sentuh Butiran 020000-Pengurusan dan Pembangunan Tanah.

Saya amat tidak bersetuju dengan saranan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi meminta supaya kementerian mengarahkan supaya kerajaan negeri memberhentikan pengambilan tanah sebelum pindaan Akta Tanah diadakan.

Jadi, dalam perkara ini, dalam rakyat kita dahagakan pembangunan, bila keadaan mendesak, bahawa kerajaan negeri patut menggunakan wisdom, dengan izin, atau kebijaksanaannya untuk mengambil tanah dengan bijak. Di Perlis di mana suatu masa dahulu ampangan dibuat, kerajaan negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan memberi ganti rugi yang lumayan dan tidak berlaku rasa teraniaya ataupun tidak pernah disebut kerajaan merampas tanah rakyat sekalipun tanah itu tidak bergerak. Kerajaan negeri memberi pampasan ataupun sagu hati untuk melegakan dan mengembalikan kesempurnaan dan keselesaan tempat tinggal mereka.

Kalau kita tangguh pengambilan ini dalam keadaan perlu, bererti seolah-olah kita menanggungkan ibu yang hendak bersalin, kita kata kepada ibu: "Jangan bersalin lagi, selagi kita tak dapat bidan." Mati ibu berkenaan. Begitu jugalah dalam pentadbiran kerajaan.

Di samping itu juga, walau bagaimanapun, kita perlu berhati-hati, terutama sekali ada pihak-pihak yang berkenaan mungkin menggunakan anak-anak syarikat kerajaan untuk mengambil tanah demi kepentingan eksekutif-eksekutif yang ada di dalamnya, sungguhpun perkara ini mungkin tidak berlaku tetapi dalam konsep, dengan izin, Management But-Out (MBO), kemungkinan penyelewengan boleh berlaku dan perkara ini kita mesti berhati-hati dan berharap supaya semua pihak termasuklah pemimpin-pemimpin

masyarakat, Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan eksekutif-eksekutif dalam kerajaan mengambil pandangan ataupun dengan teliti supaya rakyat tidak teraniaya.

Sehubungan dengan itu juga, sukacita saya menyentuh perkara 030000 - Ukur Tanah. Dalam perkara ini, saya menyokong sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah tadi untuk mempercepatkan permohonan tanah daripada rakyat. Tanah merupakan satu perkara yang begitu dekat dengan sanubari rakyat kita. Begitu juga pada peringkat negeri mahupun pada peringkat negara.

Sehubungan dengan itu, sukacita saya menyarankan supaya pihak kementerian mengambil langkah-langkah untuk dapat memperkemaskinikan sempadan-sempadan antara negeri. Kerana sempadan-sempadan yang ada pada hari ini, kita rasa begitu, dengan izin, arbitrary. Saya ambil contoh, misalnya sempadan di antara Perlis dengan Kedah di Kuala Sanglang. Pada suatu masa dahulu, sempadannya Kedah dan Perlis disempadankan oleh sungai, tetapi sungai itu telah tidak ada hari ini dan kita tidak pasti dengan teliti di mana sempadan yang sebenarnya.

Mungkin kalau di atas tanah yang berkenaan, ada sebuah rumah, sebelah rumah itu disebelah Perlis, sebelah lagi di sebelah Kedah. Jadi, yang inilah kita minta kerjasama supaya pihak kementerian dapat menjalankan, mengambil tindakan memperkemaskan sempadan di antara negeri.

Mungkin antara Kedah dengan Pulau Pinang disempadankan oleh sungai, tetapi Kedah dengan Perak tidak pasti. Kedah dengan Perak, kalau kita ikut lebuhraya sekarang, sempadannya tidak pasti dan tidak nyata sebelah mana Kedah dan sebelah mana Perak. Bukan setakat antara

negeri dengan negeri sahaja, tetapi antara Malaysia dengan Thailand juga. Antara Malaysia dengan Thailand apa sebab perlu ada 'no-man's land', kalau sempadan, sempadanlah, jadi kita beri ruang untuk memastikan, saya tidak pasti berapa kilometer, tetapi 'no man's land'. Jadi, di situ sesiapa pun bebas. Kalau orang membawa dadah di situ siapa pun tidak boleh tangkap dan kalau orang membawa senjata api pun, sesiapa pun tidak boleh mengambil tindakan.

Kalau diukur dan diteliti tentang sempadan ini, ia bukan sahaja di tempat yang tidak ada hutan, di tempat yang ada hutan pun kita mesti mengambil tindakan kerana pernah berlaku di dalam hutan, oleh kerana sempadan tidak begitu nyata, berlaku pegawai-pegawai sebelah Malaysia ditangkap oleh pihak berkuasa Thailand dengan tuduhan membalak secara haram dan membalak secara haram di sebelah Thailand, hukumnya mandatori jel seumur hidup. Kalau kita memiliki dadah, mandatory hukum gantung sampai mati, tetapi di sebelah Thailand, kalau membalak secara haram—mandatori jel sampai

Tuan Lim Hock Seng: (*Bangun*)

Tuan Md. Isa bin Sabu: Saya tidak beri jalan Yang Berhormat. Saya tidak cukup, sedikit sahaja.

Jadi, dengan sebab itulah dalam perkara ini kita minta kerjasama pihak kerajaan, contohnya kementerian ini mengambil inisiatif untuk memperkemaskan sempadan antara negeri-negeri dan juga antara negara, baik sempadan darat mahupun sempadan laut. Yang menjadi berebut tempat ini kadang-kadang kita tidak pasti di mana sempadan. Saya teringat satu pulau di Kuala Perlis dekat dengan Kuala Perlis. Pulau ini namanya Pulau Berasmana. Semasa saya kecil-kecil

dahulu pulau ini dianggap di sebelah Malaysia, tetapi sekarang ini pulau ini dianggap sebelah di sebelah Malaysia dan sebelah lagi Thailand. Saya tidak pasti yang mana satu. Macam Pulau Sebatek di Sabah, sebelah kepunyaan Indonesia dan sebelah kepunyaan Sabah. Jadi, perkara-perkara seperti inilah, supaya untuk memudahkan rakyat kita bergerak dalam ruang kita, kita perlu tahu di mana sempadannya. Kalau tidak tahu sempadannya, kita boleh salah-menyalah. Kerana pernah berlaku suatu masa dahulu, Pegawai Hutan Negeri Kelantan ditangkap oleh pihak berkuasa Thailand dan kita mempersoalkan di mana sempadan yang sebenarnya kalau di dalam rimba dan hutan belantara.

Begitu juga antara negeri dengan negeri. Pihak Pengarah Hutan Negeri 'A' dengan Negeri 'B' mungkin boleh mengambil tindakan apabila ada pihak yang membalak dalam kawasan tertentu kerana tidak pasti sempadan. Jadi, itu dia dalam isu sempadan.

Menyentuh dari segi pembangunan ekonomi rakyat luar bandar yang berkait dengan pembangunan koperasi. Saya rasa pihak kementerian juga mampu kalau dia mengambil inisiatif yang lebih untuk melatih pemimpin-pemimpin koperasi dengan melalui Maktab Kerjasama yang ada untuk melatih pemimpin ini supaya meningkatkan kepimpinan dalam koperasi supaya apabila mereka memimpin koperasi, tidak menjadikan koperasi itu kepentingan peribadi. Kadang-kadang kita dapati koperasi-koperasi kecil ini mati kerana pemimpin koperasi mementing dirinya daripada koperasi. Jadi, inilah tempat kita gunakan Maktab Kerjasama Malaysia ini di Petaling Jaya supaya kita dapat mempertingkatkan imej kepimpinan-kepimpinan koperasi. Kita tahu, pemimpin-pemimpin koperasi ini adalah kerja-kerja sukarela tetapi dalam

sukarela pun kita mesti tunjukkan prestasi yang baik.

Begitu juga dalam Butiran 060300—Penggajian Kursus. Kita haraplah kursus-kursus baik dari segi pengeluaran koperasi mahupun dari segi mempertingkatkan kerjaya pegawai-pegawai tanah termasuk Pegawai Penempatan (Settlement Officers) dengan izin, supaya mempertingkatkan kebolehan mereka bekerja dalam kerjaya mereka serta dapat mempercepatkan kerja-kerja ukur tanah untuk memenuhi permintaan rakyat. Kadang-kadang berlaku juga, oleh kerana kerja yang tidak teliti, geran tanah dikeluarkan bertindih. Ini yang menjadi masalah. Geran bertindih kerana kerja-kerja yang tidak teliti. Kadang-kadang sekali sahaja melwatnya kita anggap perkara itu sudah selesai, kadang-kadang banyak perkara di tempat tanah yang dipohon yang perlu diambil kira, terutama sekali oleh Pegawai Penempatan (Settlement Officers) ini.

Begitu jugalah dengan 060500—Penyelenggaraan Jalan-jalan LKTP. Di Perlis didapati 3 kawasan LKTP. Dalam kawasan Kangar tidak ada, tetapi saya bagi pihak rakan saya Yang Berhormat—susah, dia hendak bercakap pun tidak boleh, dia minta saya tolong bercakap. Jadi, di Perlis ada 3 kawasan LKTP. LKTP ini seperti mana Yan nyatakan tadi, kalau tanya kepada pembangkang dia kata, memanglah dia tidak menyokong, kalau orang dia tidak dapat duduk bersama, kerana LKTP ini letih, kerja tengah panas—dia kata macam itu, tetapi sebenarnya inilah tempat untuk mengubah ataupun menaik taraf sosio-ekonomi orang-orang kita di luar bandar yang berlatarbelakangkan pertanian.

Penyelenggaraan jalan-jalan LKTP—sungguhpun di Perlis, kadang-kadang kita mendapat bantuan daripada Pejabat

Kemajuan Negeri tetapi sebenarnya tugas untuk menaikkan taraf dan menyelenggara adalah tugas di bawah LKTP, tetapi sayangnya, LKTP tidak mempunyai peruntukan yang banyak. Kita haraplah supaya kementerian ini meninjau dari semasa ke semasa tentang keperluan di LKTP ini.

Begitu jugalah dengan Butiran P.53 iaitu Kemudahan Sosial—04605. LKTP ini merupakan tempat penempatan baru ataupun di mana kita dapati sebuah perkampungan yang besar berbanding dengan kampung-kampung tradisi di mana kita dapati manusia makin bertambah sebab yang masuk di situ ialah peneroka-peneroka yang di bawah umur 40 tahun. Jadi, peneroka-peneroka yang masih lagi “produktif”, sebab itulah kita dapati penduduk ataupun populasi di sini bertambah dari masa ke semasa dan kita dapati tempat-tempat sosial, tempat-tempat permainan, padang-padang permainan untuk kanak-kanak, tapak ataupun gelanggang bola tampar, gelanggang

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Sedikit lagi Yang Berhormat, gelanggang bola tampar yang amat diperlukan. Begitu juga dengan surau tempat ibadat—patut diperbanyakkan kerana di LKTP ini pun juga ada orang tua-tua. Sungguhpun di LKTP ada masjid, tetapi ada orang tua-tua yang tidak mampu untuk berjalan ke masjid di waktu malam dan sebagainya. Jadi, dengan sebab itu, kita perlu surau-sarau supaya guru-guru agama, terutama sekali orang-orang tua ini perlu dibimbing dengan ilmu-ilmu fardu ain, dia tidak perlu ustaz-ustaz yang belajar tinggi kerana dia bukan hendak ambil SPM, tetapi untuk dia belajar sembahyang dan membaiki sembahyang

dan sebagainya. Jadi, Tuan Pengerusi, sekian sokongan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seputeh. Selepas ini kementerian jawab.

6.50 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara tentang strata title ataupun surat hak milik berasingan. Saya tidak nampak ada apa-apa pecahan Kepala untuk surat hak milik berasingan ini akan tetapi perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Tuan Pengerusi, galakan kerajaan supaya membina perumahan harga murah dan rumah pangsa di bandar-bandar adalah dialu-alukan. Kebijakan ekonomi yang menjadi teras. Belanjawan 1996 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang dibentangkan pada 27hb Oktober 1995 yang lalu juga menyebut di kawasan bandar, unit kediaman berasingan meningkat daripada 310,000 pada tahun 1980 kepada 613,000 unit menjelang tahun 1991. Manakala rumah pangsa dan pangsapuri sebanyak 282,000 unit pada tahun 1991 yang didiami berbanding 70,000 unit pada tahun 1980.

Memang hebat perangkaan ini kalau tidak berlaku permainan tarik tali di antara Pejabat Tanah dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menguruskan masalah perumahan tetapi adakah Yang Berhormat Menteri menyedari terdapat rumah pangsa yang sudah didiami dan dijual sejak lebih 20 tahun tetapi masih belum diberi hak milik berasingan ataupun strata title sehingga sekarang? Kenapa Pejabat Tanah mengambil masa yang terlalu lama untuk meluluskan hak milik berasingan ini dalam

masa pemaju perumahan sudah menikmati keuntungan yang berlipat ganda?

Tuan Pengerusi, sama ada Yang Berhormat Menteri sedar penduduk-penduduk di Razak Mansion, Jalan Sungai Besi masih belum mempunyai hak milik berasingan sekalipun sudah mendiami rumah pangsa ini lebih dari 20 tahun? Adakah Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dan DBKL tidak mempunyai penyelarasan bagi mengadakan kerjasama dalam pentadbiran masing-masing dalam tempoh 20 tahun ini? Bagaimana DBKL boleh meluluskan tapak pembinaan rumah pangsa tetapi dalam masa yang sama Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan tidak mahu meluluskan hak milik berasingan ini?

Oleh itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu bilakah bangunan rumah pangsa di beberapa tempat di bandar raya ini akan memperolehi surat hak milik berasingan? Ini termasuk kawasan saya, Seputeh, tempat-tempat seperti Razak Mansion, United Garden ataupun Taman Lee Yen Nen, rumah pangsa Brickfields, Taman Naga Emas, Taman Salak Selatan dan juga termasuk apartments ataupun rumah pangsa kos rendah di kawasan Kepong, Bukit Bintang, Cheras dan lain-lain kawasan pilihan raya.

Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat Menteri sedar penghuni dan pembeli rumah pangsa sentiasa berada dalam kebimbangan selagi mereka tidak diberikan surat hak milik ini. Mereka seolah-olah berada di tengah bom jangka yang menunggu masa untuk memusnahkan masa depan mereka. Apakah Pejabat Tanah dan DBKL memberi jaminan hitam putih bahawa rumah yang mereka diami sekarang tidak boleh dijual atau digadai oleh pemaju atau mana-mana agensi disebabkan tidak mempunyai hak milik berasingan.

Sama ada Yang Berhormat Menteri bersedia memberi jaminan bahawa penduduk dan penghuni rumah pangsa bertingkat di Razak Mansion, United Garden, rumah pangsa di Brickfields, Taman Naga Emas dan sebagainya tidak akan dianiayai sehingga mereka diberi hak milik berasingan ini.

Tuan Pengerusi, Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan mestilah rasional kerana dengan tidak mempunyai hak milik berasingan, penduduk dan penghuni rumah pangsa menghadapi masalah terhadap masa depan keluarganya. Bagaimana nasib anak-anak mereka sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini ke atas diri mereka? Apakah Pejabat Tanah dan DBKL memberi jaminan bahawa unit rumah berkenaan tidak akan diserahkan kepada pihak lain sekiranya penghuni asalnya meninggal dunia? Tentulah tidak munasabah bagaimana rumah pangsa yang tersergam dan didirikan oleh sama ada pemaju perumahan atau DBKL tetapi dihalang mendapatkan hak milik berasingan oleh Pejabat Tanah.

Adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai cadangan supaya kuasa memberikan hak milik berasingan ini dimansuhkan daripada Pejabat Tanah supaya boleh diambil alih oleh DBKL atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan?

Tuan Pengerusi, sekiranya Pejabat Tanah lambat mengeluarkan hak milik berasingan, masalah perumahan tidak akan selesai. Apabila penduduk dan penghuni tidak diberi hak ke atas rumah yang mereka beli, apakah alasan Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan sebenarnya enggan memberi hak milik berasingan kepada rumah bertingkat di Razak Mansion, United Garden, rumah pangsa di Brickfields, Taman Naga Emas dan Taman Salak Selatan. Sama ada terdapat percanggahan

atau pertindihan kuasa di antara Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dengan DBKL dalam menangani isu hak milik berasingan? Sekiranya berlaku per-canggahan dan pertindihan kuasa, apakah langkah-langkah akan diambil oleh kerajaan atau Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi mengatasi masalah hak milik berasingan ini?

Tuan Pengerusi, rumah pangsa dan rumah bertingkat yang tidak mempunyai hak milik berasingan tidak akan dapat mempertahankan haknya kalau tapak rumah pangsa itu perlu diambil oleh kerajaan atau dijadikan projek pembangunan pada masa depan. Mereka tidak akan dibayar pampasan sekalipun terpaksa menanggung beban hutang dan interest kepada bank disebabkan tidak ada hak milik mereka di sisi undang-undang.

Adakah Pejabat Tanah akan mengambil tindakan undang-undang terhadap DBKL dan pemaju perumahan yang berkenaan kerana membina rumah pangsa di atas tapak yang tidak dibenarkan oleh Pejabat Tanah yang menjadi sebab mengapa surat hak milik berasingan tidak boleh dikeluarkan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian sila jawab.

7.00 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Walaupun bilangan yang mengambil bahagian tidak banyak, tetapi saya lihat bahawa mutu perbahasan amatlah tinggi dan saya ucapkan syabas

dan terima kasih kepada semua pihak yang mengambil bahagian.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan masalah hak Tanah Customary Orang Asli. Kami di pihak sini bersetuju dengan beliau bahawa Orang Asli merupakan golongan yang lemah dan perlu serta patut diberi perlindungan, bukan sahaja dari segi undang-undang, tetapi juga dari segi pentadbiran. Setakat ini, ada tanah-tanah yang boleh diwartakan sebagai tanah Rizab Orang Asli bagi maksud hanya membolehkan Orang-orang Asli menduduki tanah rizab itu dan sekiranya ada kes-kes spesifik Ahli Yang Berhormat hendak bangkitkan, kementerian saya sedia membawa isu ini kepada perhatian pihak berkuasa negeri yang berkenaan.

Tentang Akta Pengambilan Tanah, Yang Berhormat dari Tanjong pun sedia maklum, Kerajaan Persekutuan, bersama-sama dengan pihak berkuasa Kerajaan Negeri sedang menyediakan pindaan dan pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat dan pihak lain akan diberi pertimbangan dalam proses pindaan undang-undang ini.

Saya hendak puji Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah kerana beliau bercakap dengan tepat dan berkesan tentang pentadbiran tanah dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pejabat-pejabat tanah. Beliau mengesyorkan bahawa pegawai-pegawai di pejabat tanah diberikan latihan dan beliau mengesyorkan bahawa pejabat dibekalkan dengan alat komputer dan alat komunikasi yang moden dan sebagainya. Jadi, saya hendak memberitahu beliau bahawa kami pun berpendapat demikian dan kami cuba seberapa banyak yang boleh untuk memberi bimbingan dan latihan kepada pegawai-pegawai yang menguruskan tanah, terutama sekali di peringkat daerah.

Tentang pengambilan tanah, beliau puntelah memberi satu atau duapandangan yang baik dan saya sudah mencatatkan dan kami akan ambil kira. Beliau juga mengemukakan satu cadangan yang menarik sekali iaitu kita patut mengadakan satu undang-undang khas untuk menjaga kawasan hijau seperti yang ada di negara Eropah. Inilah satu idea yang baik dan saya berjanji bahawa kementerian akan memberi pertimbangan kepada syor beliau.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengesyorkan bahawa Kerajaan Persekutuan memberi arahan kepada Kerajaan Negeri supaya membekukan proses pengambilan tanah sebelum pindaan oleh Parlimen diluluskan. Sebenarnya ini tidak perlu kerana setiap pihak berkuasa negeri pun sudah tahu hasrat Kerajaan Persekutuan untuk meminda Akta Pengambilan Tanah dan kami pun sudah banyak kali berbincang dengan pihak berkuasa negeri, di peringkat Menteri Besar, Ketua Menteri, peringkat Pegawai Tanah dan Galian dan sebagainya.

Yang kedua, akhir sekali kerajaan negeri, serupa dengan Kerajaan Persekutuan, dipilih oleh rakyat dan kami, dengan izin.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Accountable!

Dr. Goh Cheng Teik: Biarkan saya beri jawapan dahulu. Nanti saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Jadi, sekiranya ada penyelewengan dan sekiranya ada penyalahgunaan kuasa, ada rasuah dan ada korupsi, akhirnya rakyat akan membuat keputusan dalam pilihanraya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar kalau amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa hanya boleh dihukum dalam masa pilihanraya umum, saya rasa ini tidak berapa betul kerana kalau wujud penyalahgunaan kuasa atau amalan rasuah, ia merupakan satu kesalahan undang-undang dan tindakan tegas mesti diambil oleh pihak kerajaan. Bukan sekadar tunggu pilihanraya sahaja! Saya harap apabila amalan rasuah yang berlaku dalam kes ini, tindakan berdasarkan undang-undang mesti diambil.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat ada sebutkan bahawa perkara tentang pengambilan tanah telah dibincangkan di peringkat Ketua Menteri sampai ke Pejabat Tanah dan Galian. Kalau begitu, bolehkah saya dapat satu pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sehingga pindaan ke atas Akta Pengambilan Tanah diluluskan, tidak ada sebarang pengambilan tanah akan dibuat atau satu pembekuan akan dilaksanakan supaya tuan tanah mendapat bayaran pampasan yang lebih tinggi. Kalau ini adalah keadaannya, saya harap Yang Berhormat boleh mengarahkan Kerajaan Negeri Melaka dan kerajaan-kerajaan negeri lain yang masih menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk mengambil tanah. Sekarang masih wujud juga.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, tadi saya katakan bahawa akhir sekali rakyatlah yang memutuskan sama ada Yang Berhormat duduk di situ atau saya duduk di sini. Akhir sekali, rakyat yang memutuskan. Tetapi kalau saya buat salah, saya boleh dihukum mengikut undang-undang dan saya boleh ditangkap oleh pihak yang berkenaan. Jadi, ini bukan satu perkara yang luar biasa.

Tentang arahan seperti yang saya katakan tadi, saya tidak ada kuasa

mengeluarkan arahan, jadi saya rasa tidak perlu kerana kerajaan negeri, terutama sekali kerajaan-kerajaan negeri yang ditadbirkan oleh Barisan Nasional itu bertanggungjawab dan hasrat Kerajaan Persekutuan jelas dan walaupun belum diluluskan, semua pihak berkuasa negeri sudah tahu tentang cadangan yang sekarang disediakan oleh pihak berkuasa persekutuan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan status Kobena. Saya diberitahu oleh Jabatan Pembangunan Koperasi bahawa Kobena merupakan sebuah koperasi yang mempunyai autonomi dan masalah hutang-piutang itu adalah masalah koperasi itu dan kami faham ia sedang cuba mengatasi masalah ini. Kalau memerlukan butir-butir lebih lanjut, saya bersedia memberi jawapan atau penjelasan secara bertulis. Saya mengucapkan terima kasih.

Berkenaan dengan National Land Finance Cooperative, tuduhan-tuduhan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sangat spesifik dan saya minta masa untuk membuat sedikit penyelidikan sebelum memberi jawapan kepada beliau.

Ahli Yang Berhormat dari Yan seperti biasa memberi penjelasan yang amat baik dan mempertahankan pendirian dan kedudukan kerajaan. Saya ucapkan syabas dan terima kasih. Saya sangat suka dengar ucapan beliau kerana beliau merupakan seorang penceramah yang baik sekali. *(Tepuk)*

Tentang Tanah Simpanan Melayu dan Tanah Bukan Simpanan Melayu dan kenapa beza nilainya, jadi saya setuju dengan pandangan beliau bahawa kita patut kaji soal ini dengan lebih mendalam dan saya akan minta pegawai-pegawai di kementerian memberi perhatian berat kepada perkara ini. Kerana tidak patut wujud perbezaan.

Beliau juga mengesyorkan bahawa rancangan Felda dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur yang lebih baik. Sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa taraf kemudahan asas dan infrastruktur di skim-skim Felda di seluruh tanah air kita boleh katakan baik sekali dan pelawat-pelawat dari Afrika, Amerika Selatan, dari negara-negara Asia yang lain, apabila dibawa melawat Felda, mereka puji kemudahan-kemudahan yang terdapat di Felda.

Walau bagaimanapun, kementerian masih tidak berpuashati dan masih percaya ada ruangan untuk meningkatkan lagi. Itulah sebabnya kita pun ada minta peruntukan. Haraplah Yang Berhormat boleh sokong, kita boleh luluskan dan dengan peruntukan itu kita boleh bina lebih banyak jalan di skim Felda, tambah bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga mempertahankan pengambilan tanah oleh pihak berkuasa negeri dalam keadaan yang tertentu. Saya juga merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya. Beliau menyoalkan tentang masalah sempadan. Betul perkara ini pernah berbangkit dan saya hendak beritahu Ahli Yang Berhormat dari Kangar bahawa Jabatan Ukur dan Pemetaan di Kementerian saya mempunyai staf yang cukup profesional dan alat-alat yang moden sekali dan pihak jabatan ini bekerja rapat dengan pihak yang berkenaan dari negara Thai, Indonesia dan saya baru-baru ini melawat Sabah dan diberitahu bahawa kakitangan sebagai "Gurkha" Jabatan Ukur dan Pemetaan ini masuk ke hutan dan mereka berikrar kalau kerja belum habis, mereka tidak akan keluar. Kerana kawasan sempadan ini tidak boleh dijalankan hanya oleh pihak Malaysia, mesti pihak Indonesia dan kadang-kadang

kena dapat persetujuan, kena cari pegawai di sana, susah dan sebagainya. Jadi, itulah semangat mereka bekerja.

Tentang kedudukan sempadan Malaysia-Thailand, ini sedang diselesaikan dan saya pada masa ini tidak dapat memberi jawapan spesifik tentang persoalan sempadan pulau itu, saya minta notislah Yang Berhormat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, saya rasa tidak perlu menjawab secara detail tentang sempadan pulau itu. Memadailah supaya saya sampaikan perkara ini kepada pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja.

Dr. Goh Cheng Teik: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan juga saya mengucapkan terima kasihlah atas pandangan beliau tentang koperasi dan tentang usaha yang perlu ditinggalkan untuk menaikkan taraf dan mutu pemimpin koperasi serta staf di pejabat daerah, kursus patut ditambahkan dan sebagainya.

Beliau juga membangkitkan masalah jalan-jalan di skim Felda bagi pihak Yang Berhormat dari Padang Besar. Jadi, saya berjanji, bukan sahaja hendak memberi perhatian kepada perkara ini kerana Ahli Yang Berhormat dari Padang Besar kawan lama saya, saya berjanji akan sendiri melawat skim Felda itu dan melihat kedudukan jalan (*Tepuk*) sendiri kerana saya sangat setuju bahawa keadaan ini perlu diberi perhatian berat.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelebu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Minta penjelasan.

Dr. Goh Cheng Teik: Ya. Ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita tahu bahawa keseluruhannya prasarana di dalam kawasan Felda memang sudah baik. Kita harus memberikan kepujian kepada kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana begitu peka dengan permasalahan dalam kawasan Felda. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya saya menyatakan bahawa pengurus-pengurus Felda ini masih perlu diberikan penekanan dan latihan supaya mereka dapat mentadbirkan keseluruhan pentadbiran di Felda dan juga masyarakat yang sentiasa mempunyai permasalahan sosial dan juga permasalahan kebajikan supaya dapat diatasi oleh pengurus Felda dulu sebelum ditolak kepada wakil rakyat?

Kerana rata-ratanya Yang Berhormat, kadang-kadang memang sikap pengurusan Felda tidak begitu positif. Terdapat di kalangan pengurus-pengurus Felda hanya menolak permasalahan itu kepada wakil-wakil rakyat dan juga Naib Pengerusi JKKR. Jadi, saya mencadangkan supaya pengurusan Felda ini dapat diperkemaskan lagi bagi selain daripada mentadbir Felda itu sendiri, dapat memberikan kaunseling dan sebagainya kepada peneroka-peneroka yang menghadapi permasalahan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, bilakah agaknya permasalahan menambahkan perekonomian masyarakat peneroka bagi mengusahakan tanah-tanah yang masih kosong di dalam kawasan Felda ini dapat diberikan kelulusan secara rasminya oleh pihak kerajaan negeri, supaya peneroka-peneroka ini selain daripada mendapat kawasan getah dan juga kelapa sawit ini akan dapat juga mengusahakan tanah-tanah secara rasmi (sah) di kalangan

peneroka-peneroka Felda yang masih berkemampuan dan memerlukan kawasan?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelevu yang saya percaya lebih faham dengan lebih mendalam masalah-masalah Felda daripada saya. Saya merupakan murid baru dalam kementerian ini dan haraplah Ahli Yang Berhormat dapat mengajar saya, memberi teguran yang membina. Saya terima dengan baik teguran beliau bahawa terdapat seorang dua pegawai Felda yang tidak begitu positif dan saya harap Ahli Yang Berhormat dapat datang ke Felda dan kita boleh aturkan satu perbincangan dan perjumpaan pegawai-pegawai Felda supaya Ahli-ahli Yang terhormat yang lain boleh menyampaikan hasrat dan cadangan kepada mereka.

Tentang tanah kosong, saya pun kurang faham apa yang dimaksudkan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat maksudkan lot-lot yang kosong, ini saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat, ianya dalam proses.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, tanah kosong itu bermakna tanah yang belum diusahakan sebagai kawasan pertanian, tanah terbiar. Terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Jadi, saya akan kajilah perkara ini sebelum memberi jawapan. Tuan Pengerusi, suka saya menjelaskan bahawa saya belum jadi "datuk" kerana belum ada cucu. (*Ketawa*) Sebenarnya, saya tiada gelaran apa pun-P.J.M. pun tidak ada sehingga hari ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih membangkitkan masalah hak milik strata. Ini bukan pertama kali beliau bangkitkan, tetapi sudah banyak kali. Seperti saya berkata kementerian bersama-sama dengan kerajaan negeri

mengakui bahawa ada masalah dalam pemerosesan hak milik strata. Kami akui. Tetapi untuk mengatasi masalah ini, kami perlukan kerjasama dari pihak pemaju, pihak juruukur dan juga pihak Pegawai Tanah. Jadi, ketiga-tiga pihak ini patut bekerjasama. Kementerian akan melancarkan kempen tahun depan untuk mempercepatkan pemerosesan hak milik strata ini, terutama sekali di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ucap terima kasih. Dan perkara-perkara yang saya tidak sempat jawab, saya pun ada catatkan. Pegawai Kementerian pun ada di belakang, mereka telah dengar. Saya sekali lagilah puji Ahli Yang Berhormat kerana walaupun lewat, tetapi bersemangat membahaskan peruntukan kementerian saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang terhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM186,495,600 untuk Maksud B.53 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM186,495,600 untuk Maksud B.53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM244,480,380 untuk Maksud P.53 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM244,480,380 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1996.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM14,200,768,500 (Ringgit Malaysia empat belas bilion, dua ratus juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu, lima ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1996, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1995, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.”

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1996 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan (Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM14,200,768,500 (Ringgit Malaysia empat belas bilion, dua ratus juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu, lima ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1996, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1995, adalah diuntukkan di

bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut,”

hendaklah disetujui.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul sepertimana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM14,200,768,500 (Ringgit Malaysia empat belas bilion, dua ratus juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu, lima ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1996, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1995, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.”

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No. 2) 1995

Bacaan Bagi Kali Kedua dan Ketiga

7.28 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Setem 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dan Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 dibacakan buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa membentangkan Belanjawan 1996 baru-baru ini. Dengan kata yang lain, apa yang dipinda ini adalah ‘consequential,’ dengan izin, kepada cadangan-cadangan dan unjuran-unjuran yang dibuat di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan apabila beliau membentangkan Belanjawan 1996 dahulu.

Di sini, saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui rang undang-undang ini. Bab 1 rang undang-undang ini adalah merupakan pengenalan kepada skop pindaan-pindaan yang terlibat di bawahnya.

Bab 2 rang undang-undang ini adalah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapannya di seminar yang bertajuk ‘Seminar on Malaysian Capital Market

and Labuan as Asian Premier International Offshore Financial Centre,' di Hongkong pada 18hb Ogos, 1995 telah mengumumkan bahawa syarikat-syarikat kumpulan pengurusan wang asing akan diberi layanan cukai yang lebih rendah iaitu 10%. Ini adalah untuk mengelakkan kemasukan pelabur-pelabur asing yang menguruskan syarikat-syarikat pengurusan kumpulan wang asing.

Pada masa kini, syarikat-syarikat pengurusan wang asing adalah dikenakan cukai pendapatan pada kadar 30%, iaitu menyamai kadar cukai pendapatan syarikat. Sehubungan dengan itu, Fasal 4, 12 dan 14 adalah berkaitan dengan kaedah percukaian ke atas pendapatan yang diterima oleh syarikat-syarikat pengurusan kumpulan wang asing.

Fasal 4 dan 14 bertujuan memasukkan perenggan baru iaitu perenggan (h) dalam subseksyen (6)(1) dan Bahagian IX kepada Jadual 1 Akta supaya pendapatan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat pengurusan kumpulan wang asing dikenakan cukai pada kadar yang lebih rendah iaitu 10% sahaja.

Fasal 12 adalah bertujuan memasukkan seksyen baru 60G di mana pendapatan yang diperolehi syarikat-syarikat kumpulan pengurusan wang asing dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur-pelabur asing dianggap sebagai satu sumber perniagaan yang berasingan dengan perkhidmatan pengurusan yang diberikan kepada pelabur tempatan.

Di samping itu juga Fasal ini memberi penjelasan berhubung dengan definisi syarikat pengurusan kumpulan wang asing sebagai suatu syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Industri Sekuriti 1983. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk mengalakkan para majikan menyediakan faedah caruman yang lebih besar sebagai simpanan masa depan pekerja-pekerja mereka, Fasal 5 adalah bertujuan meminda seksyen 34 Akta bagi menambah caruman oleh majikan kepada skim yang diluluskan berkenaan saraan pekerja daripada 16% kepada 17%. Langkah ini juga dijangka akan menggalakkan sektor korporat menubuhkan kumpulan wang pencen bersendirian demi menjamin kesejahteraan dan kebajikan pekerja mereka.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap golongan-golongan dhaif terutamanya mereka yang kurang bernasib baik, warga tua dan juga golongan cacat anggota. Di samping itu juga penghayatan konsep masyarakat penyayang dan menggerakkan masyarakat keseluruhan menghormati ibu bapa juga turut diberi prihatin.

Oleh yang demikian, Fasal 6 adalah bertujuan meminda seksyen 46 Akta untuk menambah pelepasan cukai maksimum berkenaan dengan perbelanjaan perubatan yang dibelanjakan bagi ibu bapa dari RM1,000 kepada RM5,000. Pindaan juga telah merangkumi penambahan pelepasan cukai kepada pembayar cukai berkenaan dengan pembelian alat bantuan asas untuk diri sendiri, isteri, anak atau ibu bapa cacat dari had maksimum RM3,000 kepada RM5,000. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, pelepasan anak hanya boleh dituntut oleh pihak suami sahaja, pihak isteri hanya dibenarkan menuntut pelepasan ini jika ia telah berpisah mengikut peraturan undang-undang dan mendapat hak penjagaan anak. Bagi mengiktiraf suami isteri sebagai pihak yang sama-sama bertanggungjawab kepada penjagaan anak, Fasal 7 adalah bertujuan meminda seksyen 48 Akta bagi membolehkan isteri menuntut pelepasan anak jika dia memilih berbuat demikian. Fasal ini juga bertujuan

meminda subseksyen (2) bagi menambah amaun pelepasan anak cacat dari RM1,600 kepada RM5,000. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Bagi menggalakkan tabungan untuk tujuan pendidikan dan perubatan, Fasal 8 adalah bertujuan meminda seksyen 49 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi potongan sehingga RM2,000 mengenai premium yang dibayar bagi mana-mana insurans pendidikan atau perubatan berkenaan dengan individu itu, isteri ataupun anaknya.

Fasal 9 bertujuan meminda subseksyen (3) (b) seksyen 50 Akta supaya premium insurans pendidikan dan perubatan yang dibayar oleh isteri yang memilih taksiran bersama dianggap sebagai dibayar oleh pihak suami. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Pada masa ini, Tuan Pengerusi, pendapatan larasan bagi kumpulan wang pemegang saham di bawah perniagaan insurans nyawa ditentukan dengan mengambil pertimbangan jumlah pendapatan pelaburan, keuntungan daripada pelaburan kumpulan wang pemegang saham dan lebihan aktuari yang berbangkit daripada kumpulan wang nyawa yang diagihkan kepada kumpulan wang pemegang saham dan dikenakan cukai pada kadar cukai pendapatan syarikat iaitu 30%. Defisit aktuari pula adalah tertakluk kepada apa-apa penyelesaian yang difikirkan patut dibuat oleh Ketua Pengarah mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1987. Oleh itu Fasal 10 adalah bertujuan meminda subseksyen 60 (3A) dan (4A) Akta untuk mengadakan peruntukan supaya amaun yang dipindahkan daripada kumpulan wang pemegang saham kepada kumpulan wang nyawa untuk menebus defisit aktuari yang berbangkit dalam kumpulan wang nyawa dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan

cukai pendapatan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1995.

Pada masa ini hanya 95% daripada premium yang dibayar bagi insurans semula (reinsurance) dengan syarikat insurans yang ditubuhkan di Labuan di bawah Akta Insurans Luar Persisir 1990 dibenarkan sebagai potongan. Sehubungan dengan itu, Fasal 10 juga bertujuan meminda subseksyen (7) Akta bagi menghapuskan had potongan pada kadar 95% itu. Penghapusan ini akan menggalakkan penginsurans semula dengan syarikat-syarikat insurans luar persisir di Labuan. Langkah ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan bagi mengurangkan aliran keluar dan seterusnya memperbaiki defisit akaun semasa. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Fasal 11 adalah bertujuan meminda takrif "qualifying services" dalam seksyen 60E untuk membenarkan Ibu Pejabat Operasi yang diluluskan meminjam daripada sumber dalam negeri sehingga suatu amaun sebanyak RM10 juta. Pindaan ini berkuatkuasa mulai taksiran 1995.

Selaras dengan cadangan-cadangan Belanjawan 1996, Fasal 14 adalah kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Kadar-kadar sedia ada bagi individu pemastautin di antara 0 hingga 32% dipinda kepada 0 hingga 30%. Fasal ini juga bertujuan menggantikan Bahagian IV Jadual I berhubung dengan cukai pendapatan koperasi. Pindaan yang dicadangkan bertujuan mengurangkan kadar cukai-cukai pendapatan koperasi dari 1 hingga 32% kepada 0 hingga 30%. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Elaun Bangunan Perindustrian ataupun yang dipanggil IBA hanya layak dinikmati oleh bangunan yang diluluskan, di

antaranya termasuklah bangunan yang digunakan untuk menjalankan latihan industri dan teknikal atau latihan vokasional. IBA diberi pada kadar permulaan 10% dan kadar tahunan 2% bagi membolehkan kos bangunan dituntut dalam tempoh 45 tahun. Bangunan yang digunakan untuk tujuan pendidikan tidak layak menuntut IBA.

Fasal 15 adalah bertujuan meminda Jadual 3 dengan memasukkan perenggan baru 37E untuk mengadakan peruntukan bagi Elaun Bangunan Perindustrian (IBA) berkenaan dengan bangunan yang digunakan bagi projek perkhidmatan yang diluluskan atau dengan izin, approved service projects. Fasal ini juga bertujuan memasukkan perenggan baru 42B dan 42C untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembinaan atau pembelian bangunan yang digunakan sebagai sekolah atau institusi pendidikan dan bangunan yang digunakan bagi latihan perindustrian, teknikal atau vokasional adalah layak bagi elaun bangunan perindustrian pada kadar 10% bagi membolehkan kos bangunan dituntut dalam tempoh 10 tahun. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Fasal 16 adalah bertujuan meminda Perenggan 33 Jadual 6 untuk memperluaskan pengecualian cukai ke atas faedah yang dibuat kepada individu, bukan pemastautin oleh pihak bank kepada faedah yang dibayar oleh syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Fasal ini juga bertujuan meminda Perenggan 35 untuk memperuntukkan pengecualian ke atas faedah yang dibayar atau dikredit kepada Unit Amanah dan Dana Tertutup, dengan izin. Closed-end Fund yang disenaraikan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Fasal ini juga bertujuan meminda Perenggan 36 bagi memberi penjelasan bahawa Pemegang Insurans Nyawa Malaysia ertinya pemegang insurans nyawa dan pengendali takaful yang dimiliki secara majoriti oleh warganegara Malaysia. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1995.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Galakan Elaun Pelaburan Semula (EPS) adalah diberi kepada syarikat perkilangan yang menjalankan aktiviti pembesaran, pemodenan dan pelbagaian. Kadar EPS adalah 50% daripada perbelanjaan modal yang layak dan diberi pada peringkat pendapatan larasan.

Fasal 17 adalah bertujuan meminda Jadual 7A untuk memperuntukkan kadar EPS dinaikkan daripada 50% daripada perbelanjaan modal yang sedia ada kepada 60% dan amaun yang hendak dikecualikan adalah satu amaun yang sama dengan pendapatan berkanun perniagaan itu.

Akan tetapi, jika projek yang layak itu terletak di luar negeri Sabah, Sarawak dan koridor pantai timur Semenanjung Malaysia, amaun yang dikecualikan adalah dihadkan kepada 70% daripada pendapatan berkanun.

Fasal ini seterusnya, meminda Jadual 7A untuk memasukkan projek pertanian sebagai projek yang layak bagi maksud memperluas, memoden dan memperbagaikan perniagaan penanaman dan penternakan. Dengan adanya peruntukkan ini, syarikat pemastautin yang menjalankan penanaman padi, jagung, buah-buahan dan sayur-sayuran, penternakan dan akuakultur adalah layak untuk mendapat EPS. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1997.

Pada masa ini, hanya beberapa aktiviti terpilih sahaja daripada sektor

perkhidmatan iaitu perhotelan, pelancongan dan perkapalan menikmati galakan cukai. Kerajaan sedar kepentingan sektor perkhidmatan dan sumbangannya kepada kemajuan ekonomi negara adalah besar bagi memperluaskan galakan cukai kepada aktiviti-aktiviti terpilih dalam sektor perkhidmatan.

Fasal 18 adalah bertujuan memasukkan Jadual baru 7B untuk mengadakan elaun pelaburan bagi projek perkhidmatan yang diluluskan. Satu projek perkhidmatan yang diluluskan ditakrifkan sebagai suatu projek dalam sektor perkhidmatan berkenaan dengan pengangkutan, komunikasi, utiliti atau mana-mana subsektor lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Elaun pelaburan yang diperuntukkan berkenaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh kelulusan itu diberikan. Kadarelaun pelaburan berkaitan dengan projek perkhidmatan yang diluluskan ialah 60% daripada perbelanjaan itu tertakluk kepada 70% daripada pendapatan berkanun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil atau berbangkit yang dibuat untuk melengkapkan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan harta Tanah 1976 ataupun CKHT. CKHT adalah merupakan cukai ke atas keuntungan daripada pelupusan hartanah. Kadar CKHT adalah bergantung kepada tempoh hartanah itu dipegang. Sebagai langkah untuk mencegah spekulasi ke atas hartanah, Fasal 20 adalah bertujuan meminda Jadual 5 untuk menaikkan kadar

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ongg Tee Keat): Yang Berhormat, ya, ada point of order. Yang ke berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Kuorum tak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha, tolong bilang.

(Ahli-ahli dikira: Kurang daripada 26 ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bunyikan loceng.

(Y.B. Tuan Lim Guan Eng meninggalkan Dewan)

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: Lebih 26 ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, cukup kuorum!

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat, di atas apa Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan berkenaan orang yang menimbulkan tidak cukup kuorum tadi, telah keluar daripada Dewan. Ini bukan sangkaan jahat lagi, ini perbuatan jahat dan biadab *(Tepuk)* daripada Kota Melaka.

Saya minta dimasukkan ke dalam *Hansard. (Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nik Ujang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kuala Pilah bangun.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nik Ujang: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, salah seorang daripada pembangkang sebelum itu sengaja dia keluar Dewan, itu pun tanda tidak bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, teruskan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Kadar CKHT adalah bergantung kepada tempoh hartanah itu dipegang. Sebagai langkah untuk mencegah spekulasi ke atas hartanah, Fasal 20 adalah bertujuan meminda Jadual 5 untuk menaikkan kadar cukai yang dikenakan ke atas keuntungan diperolehi dari pelupusan hartanah oleh individu dan syarikat pemastautin.

Kadar kenaikan ialah sepuluh mata peratus iaitu daripada 20% kepada 30% bagi pelupusan hartanah dalam tempoh dua tahun selepas hartanah dimiliki. Dan lima mata peratus bagi pelupusan dalam tahun ketiga dan keempat selepas hartanah dimiliki masing-masing.

Pelupusan hartanah bagi individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap adalah dikenakan pada kadar tetap 30%. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari 27hb Oktober, 1995.

Bab IV adalah berkenaan pindaan kepada Akta Petroleum Cukai Pendapatan

1967. Fasal 22 adalah bertujuan meminda perenggan 16(3)(a) untuk menaikkan caruman oleh majikan kepada skim yang diluluskan berkenaan dengan saraan pekerja daripada 16% kepada 17%.

Fasal seterusnya bertujuan memasukkan subseksyen baru (7A) untuk membenarkan majikan mendapat pertolongan bagi perbelanjaan yang dilakukan olehnya untuk membeli apa-apa kelengkapan yang perlu bagi membantu mana-mana pekerja cacat dalam menjalankan tugasnya. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Bab V adalah mengenai pindaan kepada Akta Setem 1949. Fasal 24 adalah bertujuan meminda seksyen 36 bagi menaikkan fee penetapan daripada RM1.00 kepada RM10.00.

Fasal 25 adalah bertujuan untuk meminda Jadual Pertama untuk memperuntukkan bagi pengurangan kadar duti setem yang dikenakan ke atas nota kontrak berkenaan dengan jual beli saham, stok atau sekuriti-sekuriti dipasarkan daripada RM1.50 kepada RM1.00 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya nilai saham tersebut.

Bab IV adalah pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, syarikat luar pesisir di Labuan yang terlibat dengan operasi petroleum tidak mendapat keutamaan layanan cukai kerana operasi petroleum tidak dianggap sebagai aktiviti perniagaan luar pesisir.

Sehubungan ini, Fasal 27 adalah bertujuan meminda takrif aktiviti perniagaan luar pesisir untuk membenarkan syarikat luar pesisir menjalankan operasi petroleum. Fasal ini seterusnya, bertujuan membenarkan syarikat luar pesisir melabur dalam

syarikat domestik melalui portfolio dan skim pelaburan kolektif sebagai aktiviti perniagaan luar pesisir. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Bab (VII) adalah berkaitan dengan pindaan kepada Akta Levi Kenderaan Barang-barang, 1983.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini levi hanya dikenakan ke atas kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia khususnya ke Singapura. Sehubungan dengan itu, Fasal 29 adalah bertujuan meminda tajuk panjang Akta untuk meliputi pengenaan levi ke atas kenderaan barang-barang yang memasuki Malaysia.

Fasal 30 pula adalah bertujuan meminda Seksyen 3, dengan memperuntukkan bagi pengenaan levi kenderaan barang-barang ke atas kenderaan barang-barang yang memasuki Malaysia. Di samping itu, dicadangkan bahawa amaun levi hendaklah ditetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan Tahun 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Setem 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dan Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983. Dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

7.53 mlm.

Beberapa Ahli: (Menyampuk - sorak)

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Sungguhpun malam sudah lewat, tetapi ini bukan alasan untuk membuat bising. Tadi hendak pergi buang air pun tidak boleh. Susah macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2), 1995 iaitu semua Rang Undang-undang seperti yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Di sini, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada beliau bersetuju dalam merangka satu struktur cukai kita harus mengambil kira beberapa kriteria iaitu bahawa asas cukai yang kita rangka mestilah adil, efisien dan telus. Di sini, nampaknya Kerajaan Malaysia atau Kementerian Kewangan menuju ke arah "Consumption Base Tax" atau satu sistem cukai yang berdasarkan kepenggunaan dan adalah diramalkan bahawa hanya mungkin inflasi yang tinggi sahaja yang menghalang Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk mengumumkan satu struktur VAT atau satu struktur yang berdasarkan "Consumption Base Tax" di mana dari segi pandangan atau rumusan pada akademi ekonomi ia adalah lebih efisien.

Dari sudut itu, ia mungkin akan lebih efisien. Tetapi kalau kita tengok dari sudut keadilan, ia ada banyak tempat di mana ia tidak adil atau berat sebelah dan memihak kepada golongan yang kaya dan bukan kepada golongan yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bacaan saya dalam beberapa sistem cukai yang diamalkan di negara-negara barat dan dibuat oleh negara-negara barat yang maju, adalah diperhatikan bahawa sistem cukai berdasarkan "Consumption Base Tax"

ini menambahkan beban kewangan ke atas golongan miskin. Sebagai satu contoh, kalau seseorang yang kaya yang mempunyai pendapatan tahun sebanyak RM100,000 atau RM200,000 adalah tidak mungkin ia akan menghabiskan kesemua pendapatannya dalam satu tahun. Ia akan menjimatkan sebahagian besar daripada pendapatannya itu berbanding dengan seseorang yang mendapat pendapatan tahunan sebanyak RM12,000 atau RM20,000—hampir 90% akan dibelanjakan dan mungkin hanya tinggal 10% akan diijamatkan, kalau ada. Tetapi untuk golongan yang kaya yang mempunyai pendapatan RM200,000 saya rasa mungkin 50% atau lebih akan diijamatkan.

Oleh sebab itu, dari segi beban ke atas golongan miskin ia adalah lebih berat ke atas golongan miskin.

Tuan Yunus bin Rahmat: Badan pusing depan.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat diingatkan bahawa Kerusi ada di depan.

Tuan Lim Guan Eng: Baiklah, saya akan re-align sedikit.

Seorang Ahli: Aligment tidak betul.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingat saya pun tidak mahu pandang mereka, tidak berapa tampan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tidak payah pandang.

Tuan Lim Guan Eng: Pandang Tuan Yang di-Pertua lebih elok. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu perkara yang serius kerana ia mempengaruhi bukan sahaja perbelanjaan (expenditure) tetapi juga dari segi ekonomi

negara Malaysia. Oleh sebab itu, saya ingin mendesak kalau asas atau prinsip cukai negara kita ditukar kepada "Consumption Base Tax", saya harap golongan miskin boleh dijaga - saya rasa di sini masih belum diamalkan di negara-negara barat yang maju, dengan diberikan kepada golongan miskin 'direct cash benefit' dengan izin, supaya beban mereka tidak ditambah. Saya rasa dari segi teori ini akan memenuhi kriteria ekuiti supaya golongan yang miskin sungguhpun mereka terpaksa menanggung beban cukai yang lebih tinggi kalau berdasarkan pendapatan 'if compare to income base taxation', tetapi kalau bertukar kepada 'consumption base', saya berharap kerajaan akan memberikan 'direct cash benefit' kepada golongan miskin dan ini adalah suatu perkara asas yang sangat penting. Sungguhpun ini mungkin lebih awal tetapi saya ingin memberi notis terdahulu bahawa pihak parti pembangkang adalah sebuah parti constructive yang ada idea membina, bukan seperti sesetengahnya yang tidak ada kelayakan tetapi hendak tunjuk ada kebolehan.

Jadi, di sini saya ingin meminta

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Grik bangun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, "Timbalan Ketua Pembangkang" mengatakan bahawa parti pembangkang juga ada membuat cadangan yang konstruktif. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat yang bakal menjadi Ketua Pembangkang mungkin suatu hari nanti, sebut tidak kuorum dalam Dewan ini selepas itu terus keluar sendiri, adakah ini menunjukkan tanggungjawab, adakah ini konstruktif kepada Dewan ini? *(Tepuk)*

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah seorang Ahli Parlimen yang senior dan veteran dan saya menghormati Yang Berhormat dari Grik kerana lebih senior dari saya. Tetapi saya amat kesal, sungguhpun lebih senior, dia tidak faham Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat menyatakan dengan jelas 26 orang diperlukan untuk kuorum. Kalau saya salah kerana menyebut Peraturan Mesyuarat, adakah ini bermakna bahawa Yang Berhormat tidak menghormati Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat? Jadi, saya rasa itu bukan masalahnya. Masalahnya ialah sama ada cukup Ahli yang berminat, sungguhpun sudah larut malam. Itu yang penting.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa masa pun sudah suntuk, besok saya akan beri. Besok saya akan beri.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya beri, besok saya akan beri, saya hendak habiskan ulasan saya dahulu

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya tidak bantah hak Yang Berhormat, tetapi kenapa selepas bangun mengatakan tidak cukup kuorum, Yang Berhormat terus keluar? Ini tidak bertanggungjawab. Ini seolah-olah mempermainkan Dewan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat tidak mengikut Peraturan. Saya sudah memberikan penjelasan tetapi Yang Berhormat berdegil untuk berucap, saya rasa kena ikut tatatertib.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Melaka, masa sudah suntuk.

Tuan Lim Guan Eng: Saya setuju, boleh saya sambung esok?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat boleh sambung besok. Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.